

PENELITIAN ASPEK PATRIOTISME DALAM KARYA SASTERA DAN FILEM:
SATU KAJIAN BERDASARKAN FILEM *LEFTENAN ADNAN* (2000) DAN
NOVEL *LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA* (2008)

SITI NOR MAZIDAH BINTI MOHD ZAIN

PENSYARAH:

TS. DR. MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2024



**PENELITIAN ASPEK PATRIOTISME DALAM KARYA SASTERA DAN
FILEM: SATU KAJIAN BERDASARKAN FILEM *LEFTENAN ADNAN* (2000)
DAN NOVEL *LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA* (2008)**

Oleh

SITI NOR MAZIDAH BINTI MOHD ZAIN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

FYP FTKW

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa hasil kajian yang terkandung di dalam tesis ini adalah merupakan hasil dapatan kajian yang asli dan tidak pernah dikemukakan kepada bidang ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD


(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan



Tandatangan Penyelia

010730031140

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

No. Kad Pengenalan

Nama Penyelia

Tarikh: 22.2.2024

Tarikh: 25 Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang,

Ku panjatkan kesyukuran ke hadhratmu ya Allah di atas nikmatmu ini. Walaupun pelbagai cabaran dan kekangan yang perlu dihadapi untuk menyiapkan tugasan ini. Maka akhirnya dapatlah saya menyempurnakan tugasan ini di dalam masa dua semester dengan lengkap.

Tiada kata yang dapat diucapkan dengan lisan kerdilku sebagai ucapan terima kasih, terutama kepada pensyarah saya sendiri iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman dalam membantu saya menyediakan dan melengkapkan kajian projek penyelidikan saya ini. Yang diraikan juga sahabat-sahabat seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan moral dan bimbingan sehingga saya dapat melakukan tugasan ini dengan sempurna mengikut kehendak rubrik penilaian yang telah digariskan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberikan pelbagai inisiatif dan kemudahan sepanjang saya melakukan projek penyelidikan ini. Melalui kemudahan mendapatkan maklumat kajian dan sebagainya.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas dedikasi dan doa yang tidak pernah putus daripada ibu bapa saya. Mereka juga telah memberikan pelbagai sokongan kepada saya hatta dari segi fizikal dan mental untuk menyiapkan tugasan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, dengan ini saya merendah hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyempurnakan projek kajian penyelidikan ini. Sekiranya tiada pertolongan daripada pihak tertentu, maka tidak sempurna tugasan kajian penyelidikan saya ini.

Sekian terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	15
1.9 Organisasi Kajian	19
1.10 Kesimpulan	21
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kajian Tokoh	
2.2.1 Kajian Aziz M.Osman	23
2.2.2 Kajian Abdul Latip Talib	28
2.2.3 Kajian Mikhailovich Bakhtin (1926)	31
2.3 Kajian Lepas Teori Intertekstualiti	36
2.4 Kajian Bidang lain-lain yang Terlibat dengan Kajian	
2.4.1 Pendidikan	43
2.4.2 Kemerdekaan	45
2.5 Kesimpulan	46
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	47
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Kaedah Kajian	50
3.3.1 Kaedah Internet	51
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	52

3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual	52
3.4 Teori Intertekstualiti	56
3.5 Kerangka Teoritikal	59
3.6 Kesimpulan	60
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	61
4.1.1 Kerangka teori Intertekstualiti	61
4.2 Sinopsis skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M.Osman (2000) dan novel <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> karya Abdul Latip Talib (2008)	62
4.3 Mengenal pasti Aspek Patriotisme yang Terdapat di dalam Skrip Filem <i>Leftenan Adnan</i> (2000) dan Novel <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> (2008) Menggunakan Kaedah Analisis Kandungan.	63
4.3.1 Mengaplikasikan Seni Mempertahankan Diri Seperti Silat di dalam Karya.	63
4.3.2 Pengaplikasian Konsep Setia Kawan untuk Bersama-sama Mempertahankan Bangsa, Agama dan Negara daripada Dijajah.	67
4.3.3 Pengaplikasian Sifat Seorang Ketua yang Demokratik.	69
4.3.4 Penerapan Sokongan kepada Ahli Keluarga untuk Mengikut Jejak Langkah Menjadi Perwira Bangsa.	72
4.3.5 Pengaplikasian Teknik Berperang di dalam Medan Pertempuran	75
4.3.6 Penerapan Kisah Pejuang-Pejuang Kemerdekaan di dalam Karya Filem dan Novel	78
4.3.7 Penerapan Ideologi Berjuang Demi Menegakkan Agama Islam dalam Pentadbiran di Tanah Melayu.	80
4.4 Mengenal pasti Persamaan dan Perbezaan Karya Skrip Filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M.Osman (2000) dan Novel <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib (2008) Berlandaskan Kerangka Teori Intertekstualiti, Prinsip Transformasi	83
4.4.1 Persamaan: Watak dan Perwatakan Anak Lelaki Sulung	84
4.4.2 Persamaan: Plot Kematangan Tok Mudim dalam Memberikan Nasihat Kepada kanak-kanak Lelaki Supaya Bertenang Semasa Menjalani Pembedahan atau Berkhatam.	86
4.4.3 Persamaan: Plot Penghinaan yang Dilontarkan oleh Penjajah kepada Orang Melayu.	88
4.4.4 Persamaan: Watak dan Plot Tali Barut	90
4.4.5 Perbezaan: Watak dan perwatakan tokoh yang mempengaruhi semangat Leftenan Adnan.	92
4.4.6 Perbezaan: Plot Aktiviti Sosial	94
4.4.7 Perbezaan: Plot Pergaulan Lelaki dan Perempuan	95

4.4.8 Perbezaan: Latar Belakang Pekerjaan Orang Melayu di Era Penjajahan British	97
4.4.9 Perbezaan: Plot dan latar masa institusi kekeluargaan	98
4.4.10 Perbezaan: Watak dan Plot Pertubuhan Politik di Tanah Melayu	99
4.4.11 Perbezaan: Plot Anak Melayu Pulang ke Tanah Air dari England	101
4.4.12 Perbezaan: Plot Perhubungan Lelaki dan Perempuan Dewasa	102
4.4.13 Perbezaan: Watak Ibu bapa dan Latar Tempat	103
4.4.14 Perbezaan: Plot Cita-cita Anak Muda	105
4.4.15 Perbezaan: Watak dan Plot Medan Ilmu Kehidupan	107
4.4.16 Perbezaan: Plot Sifat Masyarakat di Tanah Melayu	108
4.4.17 Perbezaan: Plot Kematangan Individu untuk Menjadi Tentera	109
4.4.18 Perbezaan: Plot Kesetiaan Seorang Isteri	111
4.4.19 Perbezaan: Plot dan Watak Perwatakan Seorang Perisik	113
4.4.20 Perbezaan: Plot dan Watak Perwatakan Seorang Isteri	114
5.0 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	117
5.2 Rumusan Kajian	117
5.2.1 Rumusan Kajian Unsur Patriotisme Menerusi Skrip Filem <i>Leftenan Adnan</i> dan Novel <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> Melalui Analisis Kandungan	118
5.2.2 Rumusan Persamaan dan Perbezaan Karya Skrip Filem <i>Leftenan Adnan</i> dan Novel <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> Berlandaskan Kerangka Teori Intertekstualiti, Prinsip Transformasi	122
5.3 Implikasi Kajian	123
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian	
5.4.1 Orang Awam	124
5.4.2 Kerajaan	125
5.4.3 Industri	126
5.4.4 Pengkaji Lain	126
5.5 Kesimpulan	127
RUJUKAN 7.0 APA STYLE	128
LAMPIRAN	132

Penelitian Aspek Patriotisme dalam Karya Sastera dan Filem: Satu Kajian Berdasarkan Filem *Leftenan Adnan* (2000) dan Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008)

ABSTRAK

Patriotisme merupakan sebuah sifat bagi manusia yang mempunyai semangat perjuangan yang tinggi untuk melindungi bangsa, budaya dan agama mereka daripada dijajah. Pada era kontemporari ini, pihak penerbitan dan penulis-penulis bebas sudah kurang inisiatif dalam menerbitkan dan mengarang sketsa-sketsa semasa era peperangan dunia ke II. Tunjang utama penerbitan dilakukan adalah kerana untuk dijadikan peringatan kepada masyarakat pada zaman globalisasi ini tentang fakta sejarah berkaitan dengan penjajahan dan peperangan yang pernah berlaku di Tanah Melayu. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti aspek patriotisme di dalam filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) menggunakan analisis kandungan serta mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dengan menerapkan reka bentuk kajian kualitatif menggunakan teori Intertekstualiti melalui prinsip Transformasi untuk mengkaji lebih mendalam berkaitan dengan persamaan dan perbezaan di dalam karya yang dikaji. Terdapat tujuh perspektif patriotisme yang dapat dikeluarkan dari filem dan novel yang dikaji diantaranya, mempraktikkan silat sebagai seni mempertahankan diri, pengaplikasian konsep setia kawan untuk mempertahankan negara, bangsa dan agama, serta pengaplikasian sifat seorang ketua yang demokratik. Terdapat lebih daripada 20 perbezaan dan persamaan di antara jalan cerita, watak dan perwatakan, latar belakang filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang perlu diberikan perhatian kerana karya ini adalah berkaitan dengan peperangan dan tokoh pejuang Tanah Melayu. Kajian ini diharapkan mendapat perhatian kepada masyarakat di Tanah Melayu agar tidak lagi berfikiran “comprador bourgeoisie” kerana kita perlu menyeimbangkan wahana patriotik di dalam diri dengan penghasilan karya-karya seni di era kontemporari ini.

Kata kunci: Patriotisme, penjajahan, Peperangan Dunia ke II, filem *Leftenan Adnan*, Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.

Research on Aspek of Patriotism in Literary Works and Films: A Study Based on The Film *Lieutenant Adnan* (2000) and The Novel *Lieutenant Adnan Wira Bangsa* (2008)

ABSTRACT

Patriotism is a trait for people who have a high fighting spirit to protect their nation, culture, and religion from being colonized. In this contemporary era, publishers and independent writers have lacked initiative in publishing and composing sketches during the era of World War II. The main pillar of the publication is to serve as a reminder to the public in this era of globalization about historical facts related to colonialism and wars that have occurred in Malay land. The main purpose of this study is to identify the aspects of patriotism found in the film *Lieutenant Adnan* (2000) and the novel *Lieutenant Adnan Wira Bangsa* (2008) using content analysis as well as examining the similarities and differences between the film *Lieutenant Adnan* and the novel *Lieutenant Adnan Wira Bangsa* with apply qualitative design using the theory of Intertextuality through the principle of transformation. To study more in-depth related to the similarities and differences in the works studies. There are seven components of patriotism that can be extracted from this study. Among his components is the application of martial arts techniques as a self- defense art, the application of the concept of loyal friends to defend the country, race dan religion, as well as the application of the nature of a democratic leader. There are more than 20 similarities and differences between the plot, character, the background of the films *Lieutenant Adnan* and the novel *Lieutenant Adnan Wira* that needs to be given attention because this work is related to war and fighting figures in Malaya. This study is expected to attract the attention of the society in Malaya so that they no longer think “comprador bourgeois” because we need to separate the patriotic vehicle in ourselves with the production of works of art in this contemporary era.

Keywords: Patriotism, colonialism, World War II, film *Lieutenant Adnan*, novel *Lieutenant Adnan Wira Bangsa*.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Setiap hasil karya sastera dan perfileman mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Keistimewaan dan keunikan karya itu terhasil daripada pembentukan dan olahan pengkarya yang berlainan sumber dapatannya. Hal ini kerana setiap manusia dianugerahkan dengan kelebihan yang berlainan terutama pada pengolahan idea dan pola pemikiran berdasarkan pengalaman mereka dalam menjalani kehidupan. Perkara ini turut merangkumi kepelbagaian variasi dalam penghasilan karya filem dan novel khususnya. Oleh yang demikian, idea sesebuah karya tersebut tidak boleh dimodifikasi secara mudah oleh individu lain walaupun pembawakan tema yang sama. Namun jalan ceritanya pasti berbeza mengikut pengalaman pengkarya itu sendiri. Cetusan pemikiran untuk berkarya itu terlahir daripada semangat dan kreativiti yang ada pada pengkarya. Melalui pengolahan dan pengadaptasian cerita, karya itu akan dipersembahkan kepada masyarakat. Penghasilan karya filem dan novel, adalah untuk menginterpretasikan pengajaran dan nilai murni kepada masyarakat. Menurut Basuki Wibowo, M. Pd, & Muhammad Syaifulloh, M. Pd. (2020), setiap karya sastera diorientasikan daripada adat dan budaya masyarakat tempatan, dan karya itu bertujuan untuk menambahkan semangat patriotisme, kecintaan dan keamanan dalam hidup serta menumbuhkan sikap toleransi antara masyarakat tempatan.

Pemupukan cinta akan negara diketengahkan oleh pengkarya kepada masyarakat melalui penghasilan karya sastera dan filem yang bertemakan patriotisme. Lisnawati Rusmin (2022), mengetengahkan pandangan beliau bahawa patriotisme membawa makna rasa cinta kepada negara sehingga timbul sifat berani dalam diri seseorang untuk menentang pihak penjajah, walaupun melibatkan pengorbanan nyawa demi kedamaian bangsa dan negara

mereka mereka sanggup lakukannya. Fakta sejarah atau cerita yang bersimbolkan patriotisme ini perlu disampaikan dan dikarang dengan menggunakan maklumat yang betul dan tersusun. Hal ini kerana, bagi mengurangkan kekeliruan dalam penyampaian info dan maklumat di dalam bentuk pembukuan fakta sejarah tempatan kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Terdapat banyak kisah veteran yang pernah menempuh medan peperangan di Tanah Melayu tersimpan kemas di dalam jiwa mereka yang perlu digali dan dikaji oleh pengkaji. Tambahan pula, pengkaji boleh menimbulkan imaginasi yang kuat kepada generasi baharu tentang perjuangan veteran dahulu dalam pertempuran melawan penjajah melalui penghasilan karya sastera dan filem. Semakin banyak dapatan cerita yang diperolehi, semakin tinggi nilai kebenaran kisah perjuangan yang pernah dikuasai oleh anak watan yang berperwatakan patriotisme. Namun begitu, kebanyakan kisah perjuangan veteran itu hanya dijadikan sebagai kenangan pengubat jiwa mereka sahaja. Hal ini kerana, tentera perlu melindungi identiti mereka untuk mengelakkan diri dan keluarga mereka daripada dijejaki musuh. Kaedah pengadaptasian karya sastera dan filem perihal unit beruniform ini perlu diambil cakna oleh pengkarya. Terutama tentang identiti veteran itu sendiri. Supaya kisah peperangan dan perjuangan mereka boleh dikongsi dengan selamat tanpa menggunakan nama sebenar mereka.

Terdapat pelbagai kemudahan teknologi yang ada pada masa kini untuk merealisasikan sejarah perjuangan veteran Tanah Melayu termasuk dalam bidang penulisan, seni, animasi, profileman dan teknologi. Pandangan daripada Y. Maryo, B. Patmi Istiana (2007), teknologi merupakan acuan penyampaian mesej yang mudah dan pantas. Perkara ini menjadi keutamaan dalam mengembangkan aspek pengajaran dan pembelajaran kepada individu dan masyarakat. Pihak yang berkemampuan perlu mempelajari dan mengaplikasikan penggunaan teknologi kini ke dalam kehidupan seharian bagi memenuhi aspek kepesatan penggunaan teknologi pada masa kini. Sekiranya pengkarya sastera dan filem tidak bergerak selari dengan kemajuan teknologi, maka fakta sejarah yang wujud itu tidak akan dapat disampaikan dengan sebaik yang

mungkin. Malah, cerita yang disampaikan tersebut tidak dapat dijadikan pedoman kepada masyarakat sekiranya tidak menggunakan acuan penerbitan dan penulisan yang betul. Kebijaksanaan yang ada pada pengkarya untuk mengolah karya sastera kepada filem sangat berguna. Hal ini kerana akan melahirkan jawapan dalam bentuk filem dan bahan pembacaan kepada setiap persepsi dan persoalan yang mengatakan bahawa kisah pejuang itu hanya mitos dan seangkatan dengannya.

Kajian karya yang diadaptasikan ke dalam bentuk filem di Malaysia iaitu filem *Leftenan Adnan* telah ditayangkan pada 31 Ogos 2000. Di samping kajian filem, terdapat juga kajian novel yang berjudul *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang diterbitkan pada tahun 2008. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi untuk memperincikan aspek patriotisme serta persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua karya yang dikaji. Implikasi kepada kajian ini adalah untuk memberi perkongsian tentang teknologi maklumat yang digunakan semasa zaman penjajahan serta mengupaskan tentang sejarah yang berlaku di Tanah Melayu dalam karya sastera dan filem. Hal ini kerana, filem dan sastera ini memberi gambaran yang jelas tentang situasi masyarakat Melayu pada perang dunia ke II dalam menentang penjajah Barat. Pengadaptasian kisah perang dan penjajahan dilakukan adalah bertujuan untuk meningkatkan jati diri masyarakat di Tanah Melayu. Filem *Leftenan Adnan* membawa kisah seorang perwira yang bernama Leftenan Adnan bin Saidi, beliau memperjuangkan kebebasan Tanah Melayu. Beliau ditugaskan di Bukit Candu dan Pasir Panjang sebagai pertahanan barisan hadapan daripada ancaman tentera Jepun. Manakala novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* membawa kisah seorang ayah yang membesar anak-anak lelaki iaitu Leftenan Adnan dan adik beradik Leftenan Adnan di zaman penjajahan. Kemudian Adnan menjadi pejuang Tanah Melayu demi mempertahankan tanah air daripada terus dijajah oleh penjajah. Pelbagai aspek diceritakan termasuk isu perang, isu penggunaan teknologi, isu kekeluargaan dan masyarakat, isu pengorbanan, isu pendidikan, serta isu persahabatan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis aspek patriotisme berdasarkan teks yang digunakan di dalam karya sastera, melalui skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) menggunakan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi. Kajian ini masih kekurangan pengkaji dalam menilai aspek patriotisme melalui kajian analisis kandungan teks yang digunakan dalam penghasilan karya sastera dan filem. Aspek patriotisme yang dapat diklasifikasikan sebagai semangat sumpah setia untuk menjaga keamanan negara serta mempunyai sifat bangga menjadi anak Melayu diterapkan di dalam filem dan novel yang dikaji. Pada abad ke 60-an aspek patriotisme dikaitkan dengan mengetengahkan jiwa dan semangat yang wujud dalam diri seseorang individu untuk mempertahankan hak mereka dan masyarakat terhadap tanah air yang dijajah melalui bidang-bidang seni yang diceburi.

Penyampaian aspek patriotisme yang unik dan berbeza perlu diwujudkan dalam medium karya seni penulisan dan perfileman dan ia perlu ditingkatkan. Justifikasi penyampaian dalam bentuk tersebut telah memberikan kesan yang positif kepada masyarakat. Keunikan yang diketengahkan dalam filem dan novel adalah dengan menggunakan latar belakang zaman 90-an yang dapat dilihat dan direnungi dengan mata kasar melalui pancaran kaca television, layar perak dan karya yang berbentuk penulisan teks yang dibukukan. Latar belakang zaman 90-an dimaksudkan adalah menggunakan audio visual yang merakamkan video secara sekunder di simpan di dalam kaset, serta paparan gambar yang diberikan hanya berlatar belakangkan hitam dan putih sahaja. Manakala novel pula menggunakan kosa kata tradisional metrologi Melayu masyarakat zaman 90-an dan helaian kertas yang berwarna coklat.

Penggunaan bahasa Melayu klasik yang diterapkan dalam filem dan novel juga turut menjadi salah satu contoh dalam kelainan yang dibawa daripada karya-karya yang berlainan

genre. Hal ini kerana teks dan bahasa mempunyai nilai yang tinggi bagi mengangkat semangat patriotisme ke persada dunia melalui teknologi. Pembawaan bahasa klasik juga adalah sebahagian daripada semangat patriotisme kerana menggunakan bahasa ibunda kita sendiri di dalam bidang penulisan. Salinah Jaafar (2015), berpendapat terdapat banyak faedah yang dapat dirasai dengan wujudnya bahasa ibunda di dalam Seminar Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa, dibahaskan bahawa bahasa ibunda adalah dialek bahasa pertama yang disebut oleh kanak-kanak dalam perkataan tertentu semasa kecil, sehingga kanak-kanak tersebut petah berbicara. Ia dinamakan "ibunda" kerana bahasa yang pertama yang digunakan dan diajar oleh ibu bapa mereka untuk berkomunikasi. Bahasa yang diajarkan adalah bahasa biasa yang digunakan oleh masyarakat tempatan di kawasan itu. Oleh yang demikian, menggunakan teknologi yang lebih canggih untuk meningkatkan kefahaman dan penambahan rasa cinta akan bahasa dan negara adalah satu inisiatif yang perlu dikagumi. Tidak ramai anak-anak muda generasi kini, mengetahui dan memahami bahasa-bahasa ibunda yang digunakan pada zaman dahulu serta sejarah penjajahan, kecuali mereka yang mempelajari dan arif tentang perkara itu. Disamping menyampaikan kisah sejarah penjajahan, pembaca dan pengkaji dapat mengetahui sedikit sebanyak bahasa yang ada di negara kita.

Filem *Leftenan Adnan*, mengangkat kisah Leftenan Adnan daripada kecil sehingga beliau menamatkan riwayat hidupnya dengan begitu tragis sekali. Di mana tubuh Leftenan Adnan digantung di sebuah pohon ceri lalu ditusuk dengan menggunakan bayonet oleh tentera Jepun. Bayonet adalah selaras senapang yang digabungkan dengan sebilah pisau kecil yang berbentuk tirus dihadapan senapang. Senjata bayonet digunakan untuk menikam musuh dengan jarak dekat. Ia dihasilkan oleh syarikat KAMPO pada tahun 1993 dan digunakan oleh tentera Rusia untuk berperang.

Semasa kecil, Leftenan Adnan suka bermain permainan tembak menembak atau perang olok-olok dengan kawan-kawannya. Apabila sudah menginjak dewasa, Leftenan Adnan mula

menceburi bidang ketenteraan walaupun tidak direstui oleh ibunya kerana Mak Ramlah takut kehilangan Leftenan Adnan di medan perang. Namun begitu, perasaan itu ditepis oleh Adnan dan bernekad untuk pergi ke Port Dickson bersama-sama dengan sahabatnya. Leftenan Adnan tidak keseorangan dalam perjuangannya, terdapat beberapa orang kawan baik beliau turut melibatkan diri dalam unit ketenteraan. Kata-kata Leftenan Adnan adalah, "biar putih tulang, jangan putih mata" telah menumbuhkan semangat patriotisme ke dalam jiwa kawan-kawannya untuk terus berjuang melawan tentera Jepun bersama-sama dalam menegakkan kesejahteraan dan keamanan kepada negara.

Kajian ini juga ingin melihat faedah teknologi penyampaian dalam memartabatkan dan memperkenalkan nama pejuang-pejuang keamanan tanah air melalui karya sastera dan profileman. Sebagaimana yang kita ketahui, untuk menghasilkan dan mengadaptasikan sebuah karya yang berkaitan dengan sejarah, pengkarya perlu arif tentang aspek yang ingin disampaikan. Pengkarya perlu mengkaji unsur patriotisme yang terdapat di dalam filem dan novel serta persamaan dan perbezaan secara dalaman atau luaran yang ditemui bagi memudahkan penyusunan watak, plot, dan latar belakang yang ada di dalam setiap karya yang ingin diadaptasikan. Hal ini kerana, untuk memudahkan pengkaji baharu membuat rujukan tentang sejarah perjuangan dengan tepat dan mempunyai pembuktian untuk menyokong kisah sejarah yang ingin dikaji pada masa hadapan. Terdapat ramai nama veteran yang tidak ada di dada-dada akhbar, namun disebut di dalam novel dan filem *Leftenan Adnan* iaitu Sarjan Ngah, Sarjan Ibrahim dan lain-lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan kerana filem dan novel yang berunsur patriotik kurang dijumpai di dalam pasaran pada era kontemporari ini kecuali filem patriotik terbitan yang lama. Pelbagai pihak telah mengetengahkan isu ini, termasuk Mohd Rasdan Ahmad (2020) yang berpendapat bahawa,

"Bukan tiada langsung filem yang berbentuk genre peperangan yang dihasilkan di Malaysia, dapat dilihat hasil ciptaan yang bertajuk filem *Lefthenan Adnan* arahan Aziz M. Osman adalah di antara filem patriotik ketenteraan yang berjaya menaikkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Namun, jika diamati, filem-filem berunsur patriotisme jarang dilihat dan dihasilkan ketika ini sehingga timbul persoalan adakah industri filem di Malaysia sudah kering idea atau sudah hilang rasa minat untuk menghasilkan filem genre patriotik lagi?"

Utusan Online, Mohd Rasdan Ahmad, Wartawan Eksekutif (2020)

Pernyataan daripada keratan akhbar di atas menunjukkan bahawa genre patriotik kurang diadaptasikan secara meluas. Dalam kajian Daud, M.D., Johari, M.R., Harun, N. (2017), menyokong bahawa filem-filem patriotisme ini sebenarnya adalah sebuah ejen utama dalam pergerakan semangat patriotisme ke dalam jiwa masyarakat. Sekiranya filem genre peperangan dan perjuangan Tanah Melayu tidak dipaparkan kepada masyarakat melalui penggunaan teknologi moden, maka hilang jati diri masyarakat Melayu. Filem patriotisme menjadi fokus utama apabila hari kemerdekaan tiba. Akan tetapi filem patriotik itu disajikan kepada masyarakat dengan tajuk filem yang sama saban tahun dan tiada pembaharuan yang dilakukan oleh penerbit-penerbit lama atau baru.

Abdul Razak Mohaideen (2018), berkata semasa temu bual bersama Astroawani yang menyatakan bahawa produser filem dan layar perak tidak mampu melakukan pengambaran filem patriotik kerana akan menelan jumlah perbelanjaan yang besar yang mana kos tersebut perlu ditanggung oleh pihak syarikat prodesur. Terutama kos prop dan latar belakang untuk memaparkan suasana cerita yang berlaku pada zaman 70-an dan kebawah. Produser dapat mempertimbangkan sekiranya pengkarya atau penulis cerita asal, dapat membuktikan kesahihan dan kekuatan yang ada pada data dan skrip yang dikarang. Apabila produser berpuas hati dengan hasil cerita yang ingin diterbitkan, maka produser perlu mencari pelakon yang mampu untuk menghidupkan watak roh kepahlawanan dalam cerita tersebut. Kepentingannya disini adalah, pengkarya sastera dan produser filem perlu mempunyai kajian yang mendalam terhadap kebenaran plot, watak, dan latar belakang yang ada di dalam penceritaan tersebut sebelum menjalankan projek pengambaran sesebuah karya yang berunsurkan patriotisme supaya tidak berlaku sebarang kerugian.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), novel didefinisikan sebagai cerita yang dirangka dalam bentuk prosa. Sohaimi Abdul Aziz (2017), turut mendefinisikan novel, novel merupakan prosa yang mempunyai kepanjangan ratusan dan ribuan patah perkataan untuk melengkapkan cerita yang ingin disampaikan. Hasil karya sastera terutama novel perlu mempunyai patah perkataan yang panjang. Fakta tersebut juga disokong oleh Abdul Wahab Ali (1991) di mana, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 17,500 patah perkataan yang berkaitan permasalahan terkini dan beliau berpendapat bahawa penghasilan novel lebih susah berbanding dengan penghasilan cerpen. Pengadaptasian cerita yang lengkap tentang tatacara individu atau masyarakat dalam hidup bersosial adalah merupakan perkara yang mencabar. Cabaran yang turut dirasai oleh Ramlee Awang Murshid ketika ingin mengadaptasikan karya novel *Tombiruo* beliau kepada filem. Rafiqah Dahali (2017), menegaskan dalam kajian beliau bahawa Ramlee Awang Murshid juga mempunyai kekangan untuk menghasilkan karya sastera

genre *thriller* kerana memerlukan pelbagai sudut sokongan seperti penterjemahan yang pakar dan khusus dalam penghasilan skrip untuk memenuhi jalan cerita yang bakal diadaptasikan untuk memberikan kefahaman kepada penonton.

Oleh yang demikian, individu yang mempunyai minat yang mendalam dan rajin sahaja dapat menghasilkan novel fakta sejarah. Tambahan pula tujuan penghasilan novel adalah untuk menyampaikan mesej yang tersembunyi kepada masyarakat serta padat dengan fakta yang pernah berlaku di Tanah Melayu. Terdapat kenyataan perihal tersebut yang dinyatakan di dalam Berita Harian (2019):

"...novel bertemakan patriotik bukan sekadar merakam sejarah penentangan terhadap penjajah dan proses diplomasi menuntut kemerdekaan, sebaliknya lebih penting adalah mendedahkan realiti yang lebih mencabar untuk mengisi pembangunan negara."

"Sebenarnya masih banyak novel yang merakam sejarah perjuangan kemerdekaan. Sama ada tampil sebagai novel yang patuh kepada fakta sejarah atau menyelitkan watak imaginasi dalam peristiwa sejarah. Namun karya itu terbiar di rak perpustakaan sahaja. Novel sebegini kurang dibawa ke tengah-tengah masyarakat sama ada dalam bentuk wacana atau adaptasi yang boleh menarik minat generasi muda dan baharu"

Berita Harian, Nazmi Yaakub (2019)

Perkara tersebut tidak seharusnya berlaku kerana karya sastera ini adalah karya yang berkembang mengikut waktu dan peredaran zaman. Tiada satu istilah pun yang menyatakan bahawa karya sastera itu lapuk, kerana apa yang disampaikan di dalam karya sastera adalah perkara yang realiti berlaku di dalam kehidupan masyarakat dahulu dan kini. Sikap masyarakat itu sendiri yang kurang membaca dan tidak pandai untuk menghargai catatan fakta sejarah yang dihasilkan oleh pengkarya atau pengkaji. Oleh yang demikian, sangat mudah untuk ideologi Barat kembali menguasai minda masyarakat kerana terlalu melihat kelebihan bangsa lain

berbanding kelebihan yang ada pada bangsa kita. Sebagai pencetus revolusi perfileman, pengarah perlu mengetahui sudut untuk mengambil hati penonton untuk terus mengambil tahu tentang fakta sejarah melalui penghasilan filem berbentuk patriotisme yang saling berkaitan.

1.4 Persoalan Kajian

Setiap kajian akan menjawab kepada persoalan kajian yang diketengahkan oleh pengkaji, di antara persoalan yang ingin diperlaraikan oleh pengkaji mengikut informasi yang diperolehi adalah seperti:

1.4.1 Apakah aspek patriotisme yang dapat dikenal pasti dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008)?

1.4.2 Adakah persamaan dan perbezaan di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) dapat ditelusuri berlandaskan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi?

1.5 Objektif Kajian

Konsep utama kajian ini dilakukan adalah untuk merangkumi dan menjawab setiap objektif kajian yang ingin dirungkaikan:

1.5.1 Mengenal pasti aspek patriotisme yang terdapat di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008).

1.5.2 Mengkaji persamaan dan perbezaan di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) dapat ditelurusi berlandaskan teori Intertekstualiti menerusi prinsip Transformasi.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti aspek patriotisme yang terdapat di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008). Sekiranya skrip filem dan novel yang dikaji oleh pengkaji ini mempunyai susunan jalan cerita yang kemas dan tersusun, maka akan memudahkan pemahaman terhadap situasi yang pernah berlaku pada era Perang Dunia ke II. Melalui penyampaian yang mudah difahami oleh masyarakat, ia lebih memudahkan lagi pengkarya untuk mendekatkan jiwa masyarakat untuk mengambil berat tentang isu-isu yang berkaitan dengan penjajahan yang pernah berlaku di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Teks menjadi asas kepada pembangunan serta menjadi penyunting semangat patriotik di kalangan masyarakat. Kajian ini diharapkan akan lahirnya pelbagai inisiatif untuk membangunkan aspek patriotisme sama ada melalui teks atau pengadaptasian daripada novel ke filem untuk tontonan masyarakat.

Kajian tentang penghasilan karya yang bergenre patriotisme merangkumi karya sastera dan filem adalah untuk memperlihatkan bahawa bidang teknologi perlu diaktifkan kembali oleh pelapis pengarah yang baharu bagi memperkenalkan fakta-fakta sejarah yang tidak pernah diambil berat oleh masyarakat. Proses penciptaan sesbuah karya sastera dan filem dapat dipelajari secara mendalam oleh individu yang berminat dalam memperjuangkan semangat mempertahankan tanah air. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya penelitian terhadap kaedah dan cara yang sesuai untuk menghasilkan karya sastera dan filem kepada masyarakat. Pada masa yang sama dapat mengilap kembali kepakaran yang pernah ada pada pengarah veteran dan generasi kini sebagai salah satu kaedah perkembangan karya filem dan sastera bergenre patriotisme yang seimbang. Tambahan pula dalam penyampaian aspek patriotisme yang melibatkan sejarah negara Malaysia perlu diambil cakna tentang pengurusannya. Setiap karya yang dihasilkan, sama ada filem atau novel akan mempunyai pelbagai konsep idea untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu dan memberi manfaat kepada penonton dan pembaca. Kajian ini akan mendukung penghasilan karya-karya yang berbentuk ilmu pengetahuan dalam bidang sejarah setempat dan sejarah-sejarah veteran yang berselindung di sebalik tabir. Hal ini kerana, daripada karya itu akan mempunyai banyak coretan dalam penghasilan karya yang bermutu untuk divariasikan dalam bentuk penyampaian kepada penonton. Tambahan pula hasil karya patriotisme dapat mengutuhkan lagi pegangan "cinta akan negara" dalam kalangan masyarakat.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai batas-batas tertentu. Disebabkan oleh implikasi kekangan masa yang dihadapi oleh pengkaji, kajian ini dijalankan selama dua belas bulan sahaja. Oleh yang demikian, kajian dilakukan dalam ruang lingkup yang kecil sahaja, iaitu kajian merangkumi skrip filem dalam aspek patriotisme, yang berjudul *Leftenan Adnan* dan sebuah novel Komponen Sastera berjudul *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang pernah digunakan oleh pelajar tingkatan empat (4) di sekolah kawasan Klang. Kajian ini juga mengkaji aspek patriotisme di dalam filem dan novel yang diketengahkan dalam karya filem arahan Aziz M. Osman dan novel karya Abdul Latip Talib tidak melibatkan perihal sensitiviti perkauman dan struktur kementerian pendidikan secara khasnya.

Kaedah kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif, pengkaji akan melihat aspek patriotisme di dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Penelitian aspek patriotisme dalam penggunaan analisis kandungan di antara filem dan novel menjadi tunjang utama dalam penyelidikan ini. Unsur bahasa dituntut kerana budaya masyarakat Asia adalah berbudi bahasa, tidak kira di mana sahaja. Terdapat peribahasa "budi bahasa budaya kita". Hamidah Abdul Wahab (2012) berpendapat bahawa, setiap tindak tanduk sama ada dalam bidang penulisan dan kelakuan yang baik akan menjadi pegangan masyarakat Melayu untuk membuktikan bahawa nilai berbudi bahasa itu akan menghasilkan impak yang positif kepada manusia yang lain. Karya filem dan sastera akan memaparkan unsur kesantunan dan kesopanan dalam tutur kata untuk menyampaikan sesuatu perkara. Malah karya yang mengangkat kesantunan masyarakat ini akan mewujudkan kesejahteraan dalam penyampaian dan komunikasi antara pengkarya dan penonton atau pembaca. Kesantunan bahasa untuk memaparkan fakta sejarah merupakan perkara yang penting untuk mengambarkan kesantunan diri dan bangsa.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Pengertian istilah dan konsep ini dimaksudkan dengan sesuatu yang bermakna dan dibentukkan dalam simbol, perkataan, abjad atau sebagainya untuk kemudahan dalam mengingati dan menyusun atur dalam penggunaan seharian dan dapat digunakan secara meluas oleh masyarakat terutamanya untuk berkomunikasi dan berinteraksi di antara mereka. Terdapat pelbagai fungsi dan kegunaan di dalam setiap bidang komunikasi seperti dalam bidang ketenteraan, kesusasteraan dan perfileman yang harus dipelajari dan dipraktikkan oleh penguasa bidang masing-masing. Manusia perlu mengetahui pelbagai istilah dan konsep kerana manusia adalah makhluk bersosial. Terdapat istilah-istilah dan konsep yang digunakan dalam kajian ini seperti:

1.8.1 Maksud Patriotisme

Aspek patriotisme mempunyai lima (5) struktur utama iaitu mempunyai keberanian dalam memartabatkan kedaulatan kepada negara, melindungi perlembagaan negara, mempunyai sifat bangga menjadi anak watan, menjadi seorang yang sanggup bergadai nyawa demi kesejahteraan negara dan bangsa. Akhir sekali, menjadi individu yang menjaga kemaslahatan negara daripada sebarang fitnah atau anasir luar yang tidak sihat. Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat (2017), patriotisme merupakan dua gabungan patah perkataan bahasa Yunani dan didefinisikan sebagai perasaan sayang, cinta yang utuh kepada negara sehingga sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi kesejahteraan negara dan bangsa. Sikap cinta akan negara akan melahirkan generasi yang memberi tuah kepada negara dan seisinya. Manakala Syed Hussain, et al. (2016) memberi kenyataan dalam huraiannya berkaitan dengan kata asalnya patriotisme daripada bahasa Greek "*patriotes*" yang dimaksudkan dengan sebuah masyarakat yang

memperjuangkan keamanan negara dengan menggunakan tenaga dan kuasa yang mereka ada.

1.8.2 Maksud Karya Sastera

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), karya (kar.ya) adalah hasil pembuatan atau ciptaan yang berseni oleh individu yang mahir dalam setiap bidang yang diceburi. Karya sastera melibatkan imaginasi dan bermain dengan kosa kata, prosa, puisi, cereka, sejarah untuk menghasilkan karya penulisan atau karangan secara berseni. Sapardi djoko damono (2006), turut mempersetujui bahawa karya sastera itu mempunyai pelbagai variasi untuk menyampaikan pengajaran sama ada dalam bentuk fiksi atau fakta sejarah. Kandungan fiksi turut dibawa ke dalam bentuk novel, puisi dan drama pendek. Manakala fakta sejarah dibawa dalam bentuk berita, laporan, bibliografi dan sebagainya. Karya dihasilkan daripada pemikiran yang kritis dan dapat dikongsikan kepada masyarakat. Karya sastera akan mencerminkan adat dan budaya masyarakat setempat. Pertalian yang erat antara karya sastera dan masyarakat tidak dapat dinafikan. Hal ini kerana, individu yang menghasilkan karya sastera adalah berdasarkan pengalaman hidup mereka sendiri termasuk adat dan budaya yang diamalkan. Pembangunan insaniah dapat dipupuk dengan menggunakan penerapan pembacaan karya-karya sastera. Aziz, M.A., Nik Muhamad Affendi, N.R. (2019), mempersetujui bahawa modal insan yang baik dapat membangunkan negara daripada pelbagai sudut kerana mereka mempunyai kesajajaran dalam pemikiran bagi menguasai negara dengan kemajuan terutama dalam pembacaan dan penghasilan karya sastera. Adli Yaacob (2017), turut mempersetujui bahawa dengan menguasai ilmu pembacaan karya sastera, jiwa dan pemikiran individu itu akan berubah dan akan melahirkan buah fikiran yang

optimum. Karya sastera dapat merangsang pemikiran manusia untuk berimajinasi tentang kemajuan yang akan dapat dihasilkan. Tidak kisah sama ada semangat itu lahir daripada pembacaan atau pendengaran “cerita” karya sastera, ia tetap menjadi ilmu pengetahuan yang boleh difahami oleh manusia sejagat. Hasil daripada imaginasi itu, maka muncul sedikit rasa ingin mencuba untuk menghasilkan karya-karya tentang kehidupan dalam bentuk persendirian.

1.8.3 Maksud Filem

Filem akan merakamkan karakter-karakter yang dilakukan dalam pelbagai genre dengan menggunakan komponen rakaman seperti kamera digital dan disimpan di dalam cakera padat untuk ditayangkan melalui wayang sama ada dalam bentuk komersial. Terdapat tahap perkembangan dalam industri filem seperti wayang bisu, warna-warni, dan dokumentari. Bordwell & Thompson (1990) berpendapat, kelahiran bidang perfileman adalah melalui teknik fotografi (projektor kamera yang dikenali sebagai *Cinematograph*) yang diciptakan dan di inovasikan oleh Lumiere dan adik beradiknya iaitu Louis dan Auguste dalam filem yang pertama yang berjaya ditayangkan di Grand Cafe, Paris, Perancis yang bertajuk *La Sortie de L'usine Lumière à Lyo* berkisahkan tentang situasi para pekerja yang meninggalkan kedai fabrik *Lumiere* dimainkan pada tanggal 28 Disember 1895 untuk mengkomersialkan lalu terbentuknya teater. Abdul Kadir, F. R, Hamzah, Z. A. Z. (2017), menerangkan dalam kajiannya, bahawa terdapat juga elemen adat dan budaya yang terkandung di dalam filem sehingga menjadikan filem itu sebagai salah satu khazanah kepada negara dalam bentuk audio dan paparan visual.

1.8.4 Maksud Teknologi Penyiaran

Pada era globalisasi ini, manusia akan memanfaatkan kemudahan teknologi dalam kehidupan sehari-hari mereka untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Manusia dilahirkan sebagai makhluk sosial, dan mereka menggunakan teknologi untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Dayat Suryana (2012), teknologi adalah merupakan bahan interaksi yang dihasilkan oleh manusia yang cerdik pandai untuk digunakan bersama. Contoh teknologi yang dapat menghubungkan manusia bertukar khabar adalah melalui telefon bimbit, dan komputer yang disambungkan dengan Internet melalui pergerakan setelit. Hal ini berkaitan dengan kepesatan hasil karya sastera. Apabila sudah sampai kemudahan Internet dan teknologi di kawasan Asia Tenggara, masyarakat telah mengambil inisiatif untuk mengembangkan dan menyampaikan kisah-kisah tragedi yang pernah berlaku di kawasan Asia Tenggara, terutama pada zaman Perang Dunia ke II melalui media massa yang ada di dalam telefon bimbit. Teknologi yang digunakan oleh pengkarya sastera adalah bekerjasama dengan teknologi dalam pemaparan cerita di panggung wayang. Semakin banyak alatan teknologi penyiaran yang digunakan oleh penerbit atau pengarah filem di bahagian suntingan, semakin tinggi nilai estetika yang ada pada filem yang dihasilkan. Sebagai contoh penggunaan kamera yang berbagai sudut seperti teknik *close up*, *extreme close up*, *medium shot*, *wide shot*, dan *establish shot*. M.V. Ramachandran (2000), wujudnya satu alat kamera untuk menangkap pergerakan yang menghasilkan gambar bergerak kemudian disatukan dan dipancarkan pada satu papan putih di makmal Thomas Edison pada tahun 1893. Perkembangan teknologi penyiaran semakin canggih dengan perkembangan Internet di seluruh tempat. Penyiaran boleh dilihat dan dilanggan di dalam telefon bimbit masing-masing.

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini telah dibahagikan kepada tiga bab khusus pada peringkat yang pertama dan dua bab pada peringkat akhir. Setiap bab akan mempunyai penjelasan yang terperinci berkenaan dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Organisasi kajian dibahagikan kepada lima bab keseluruhannya untuk memudahkan pengkaji dalam menyusun maklumat yang diperlukan.

1.9.1 Bab Satu

Rangkuman bab satu adalah berkenaan dengan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan konsep, serta kesimpulan kecil bagi bab satu.

1.9.2 Bab Dua

Bahagian bab dua akan mengaitkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan unsur-unsur patriotisme dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, kajian lepas tersebut akan dirujuk daripada pelbagai pihak sama ada dalam bentuk jurnal, buku, atau artikel yang menyentuh aspek patriotisme. Pengkaji telah menetapkan kajian dengan menggunakan saringan kata kunci patriotisme bagi tajuk kajian supaya dapat memudahkan pencarian data yang tepat. Terdapat sedikit kesimpulan bagi bab dua untuk merangkumi pendapat daripada pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan karya sastera dan filem yang bertemakan patriotisme.

1.9.3 Bab Tiga

Bab tiga akan menerangkan berkaitan dengan metodologi kajian yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan kajian tentang unsur patriotisme dalam karya filem dan sastera. Kaedah kualitatif digunakan untuk merangkumkan bahan pembacaan perpustakaan dan data-data yang didapati di dalam laman sesawang yang berkaitan. Aspek patriotisme dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* akan dianalisis mengikut kaedah analisis kandungan skrip filem dan teks novel.

1.9.4 Bab Empat

Berdasarkan bab empat, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian yang telah di analisiskan oleh pengkaji selama dua belas (12) bulan berkaitan unsur patriotisme menerusi filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008). Analisis kajian dilakukan secara konsisten mengikut objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji. Pengolahan dan susunan analisis bergantung kepada kaedah analisis kandungan bagi mengkaji unsur patriotisme di dalam karya dengan mengaplikasikan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi.

1.9.5 Bab Lima

Berdasarkan bab lima, pengkaji akan merangkumkan keseluruhan dapatan akhir dan membuat penyimpulan kajian yang telah dijalankan. Selain daripada itu pengkaji turut memberikan sedikit cadangan untuk mengoptimumkan usaha kepada institusi perfileman dan penerbit buku untuk menggerakkan semangat patriotisme di dalam kalangan masyarakat.

1.10 Kesimpulan

Sejarah telah memperlihatkan bagaimana perjuangan nenek moyang terdahulu mempertahankan tanah air tercinta ini. Bermula dari zaman penjajahan kuasa kolonial seperti Portugis, Belanda, British, dan Jepun. Terdapat banyak kesan kemalangan jiwa yang berlaku di sekitar tahun 1511- 1941 di Tanah Melayu. Sumber asli yang terdapat di Tanah Melayu dijadikan sebagai perangsang kepada penjajah untuk terus menakluki dan meneroka setiap hasil bumi di Tanah Melayu sehingga sanggup mengorbankan nyawa manusia yang tidak bersalah untuk mengaut keuntungan mereka sendiri. Tanpa sedar mereka telah melakukan kekacauan di Tanah Melayu dan mengambil harta orang Asia. Namun begitu penjajahan telah meninggalkan pelbagai kaedah pembelajaran kepada penduduk tentang teknologi dan penggunaan bahasa. Ketidaksetujuan tentang penjajahan adalah, tentang peperangan dan kekejaman yang diberikan oleh mereka tanpa sebarang nilai kemanusiaan. Seboleh-bolehnya di era moden ini kita tidak mahu lagi dijajah, sama ada dari segi idealisme ataupun dalam penggunaan bahasa dalam pembelajaran dan pertuturan. Oleh yang demikian, kajian teks dan bahasa serta penggunaan teknologi penting untuk dikaji. Tambahan pula berkaitan dengan sejarah-sejarah penting untuk diangkat dalam karya sastera ke filem. Kajian ini akan dijelaskan dengan lebih mendalam perihal semangat patriotik yang disampaikan dalam bentuk filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) untuk memperlihatkan bahawa negara Asia kaya dengan adab budaya yang sopan dalam pelbagai aspek yang perlu dicontohi.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian projek penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji memerlukan sudut rujukan dari pengkaji lepas untuk memperkuuhkan setiap huraian yang dinyatakan. Assaf Arief dan Muhammad Yunus Abbas, pada tahun 2021, mempersetujui bahawa kajian literatur perlu di kenalpasti dan dirujuk untuk melakukan perkembangan ke atas fakta yang diterima sehingga mewujudkan kerelevan dalam kajian yang dilakukan. Titik utama pernyataan atau kata kunci yang sedia ada mesti dijaga supaya huraian yang dilakukan tidak lari daripada landasan kajian. Muannif Ridwan, Suhar AM, Bahrul Ulum, et al. pada tahun 2021, menerapkan dalam kajian mereka tentang kepentingan kajian literatur, untuk mendapatkan kajian literatur, pengkaji perlu memahami setiap pembacaan ilmiah yang dibaca, menghuraikan dapatan kajian dengan cara yang betul serta membuat kesimpulan daripada pemahaman pengkaji. Pengkaji akan mengambil secara berskala terhadap kajian literatur pengkaji lepas, terutama kajian tentang unsur patriotisme dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang menjelaskan aspek-aspek patriotisme dengan menggunakan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi. Selain daripada itu, persoalan kemudahan teknologi mampu mengangkat karya patriotisme melalui karya sastera dan filem. Konsep kajian literatur akan berdasarkan bahan yang bermaklumat akademik daripada dalam negara atau luar negara yang dijamin kesahihannya oleh Menteri Pendidikan Negara sama ada daripada jurnal, keratan akhbar dan novel. Selepas sesi pengumpulan data dan maklumat tokoh-tokoh yang didapati untuk kajian ini selesai, pengkaji telah menemui ulasan yang mempunyai persamaan dan perbezaan yang tertentu dalam kajian pengkaji lepas.

2.2 Kajian Tokoh

2.2.1 Kajian Aziz M. Osman

Ruzinoor Che Mat menerusi buku yang bertajuk *Inovasi dan Kreativiti Berteraskan Teknologi* dikarang pada tahun 2020, melalui kajian kualitatif yang dijalankan, dinyatakan bahawa setiap penghasilan karya sastera yang diadaptasi ke filem, akan ada kos-kos yang tertentu untuk diambil kira. Apabila melibatkan adaptasi perfileman, memerlukan kos produksi yang tinggi. Tambahan pula, jika filem tersebut mempunyai latar belakang dan plot yang rumit seperti latar belakang zaman penjajahan. Kaedah yang dibawa oleh Aziz M. Osman dalam menerbitkan filem *Leftenan Adnan* adalah kerana beliau percaya bahawa genre berbentuk patriotisme pasti melangkau kutipan yang tinggi dalam pasaran perfileman dan boleh diterima oleh masyarakat. Namun anggapan Aziz M.Osman tersasar daripada landasan kerana kutipan yang diperolehi pada hari tayangan filem *Leftenan Adnan* ditayangkan, pihak produksi hanya memperolehi kutipan sebanyak RM 1.08 juta berbanding kos produksi mereka yang dilaburkan sebanyak RM 1,500 juta. Namun begitu Aziz M.Osman tidak berputus asa kerana beliau percaya dengan mengangkat filem yang bergenre patriotisme akan membuka mata pelbagai pihak untuk terus mendokong bidang perfileman tempatan serta kreativiti Aziz M.Osman yang tiada tandingnya. Kajian yang telah dijalankan ini mempunyai sedikit kelompongan dari segi penerimaan masyarakat terhadap filem *Leftenan Adnan*, dimana masyarakat sangat menyukai filem patriotisme, namun filem-filem bergenre patriotisme kini kurang diadaptasikan.

Mohammad Syazwannuddin Shaharuddin mengulas ebuku berjudul *Ulasan Filem Ola Bola* pada tahun 2018, melalui kajian kualitatif terhadap filem *Ola Bola*, filem *Ola Bola* adalah campuran antara genre patriotik dan genre sukan. Terdapat

beberapa filem-filem patriotik yang perlu diberikan perhatian seperti filem yang diarahkan Aziz M. Osman yang berjudul *Leftenan Adnan*. Untuk menaikkan semangat sesebuah filem bergenre patriotisme, Aziz M. Osman menjaga watak-watak pelakon yang mendasari cerita asal iaitu sejarah Leftenan Adnan bin Saidi itu sendiri. Selain daripada itu, elemen dramatik perlu dijaga agar tidak lari daripada landasan genre patriotisme. Bahasa dialog yang digunakan perlu sama dengan latar masa zaman 90-an iaitu bahasa baku. Melalui kajian yang dilakukan membuktikan bahawa filem patriotisme ini dipersembahkan kepada masyarakat tidak mengira kaum. Justeru itu, pengarah dan pengkarya sastera perlu menjaga element-element patriotisme supaya dapat menjadi contoh filem patriotisme yang terbaik. Seperti yang dilakukan oleh pengarah filem ola bola, yang mengambil iktibar dan nilai-nilai yang perlu ada dalam pengadaptasian mengikut saluran yang dilakukan oleh Aziz M. Osman.

Hasil daripada penjagaan kualiti filem yang diadaptasikan, Aziz M. Osman telah berjaya menjadi pelapis pengarah yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada pengarah dan produser tanah air yang lain, pembuktian telah dilakukan dengan hasil juri-juri yang melihat kehebatan jalan cerita yang diketuai oleh Aziz M. Osman. Abdul Razak Mohaideen pada tahun 2016 telah merakamkan perihal keunggulan Aziz M. Osman dalam berkarya menerusi Tesis Universiti Utara Malaysia yang bertajuk *Pembangunan Modal Insan dan Motivasi Kerja dalam Industri Perfileman di Malaysia: Satu Kajian ke atas Industri Filem Cerek*. Filem yang pertama dihasilkan oleh Aziz M. Osman dikenali sebagai filem *Fenomena* (1990) dan telah mendapat sambutan yang hangat daripada juri dan filem tersebut telah mendapat Anugerah Khas Juri, Filem *Box-Office* semasa Festival Filem Malaysia yang ke-9, yang dianjurkan pada tahun 1991. Kajian ini memberikan bentuk perbezaan yang tinggi terhadap penerimaan masyarakat terhadap filem yang berbentuk genre seram berbanding dengan

penerimaan terhadap filem bergenre patriotisme. Kemenangan dalam penerbitan genre seram ini menjadi salah satu titik utama bagi Aziz M.Osman dalam mengorak langkah dalam bidang pengarah dan perfileman. Sehingga Azhari Zain, Faizul mengikut jejak langkah pengarah Aziz M.Osman yang turut berkarya dalam bidang perfileman.

Asaari, Azlina, Aziz et al. turut mempunyai kajian tentang Aziz M.Osman pada tahun 2017, berkenaan dengan *Perkembangan Filem Seram di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*, dengan menggunakan kaedah analisis tekstual berdasarkan beberapa filem 1960-an sehingga 2000-an. Kajian ini mengkaji filem genre seram yang semakin kurang mendapat sambutan dalam kajian ilmiah dan tiada kenaikan taraf yang setara dengan perkembangan genre yang lain. selain daripada itu, kajian ini juga menumpukan fokus kepada sejarah penubuhan genre seram kerana ingin melihat sejauh mana watak wanita yang kerap digunakan untuk menjadi watak hantu dalam filem seram. Terdapat satu filem seram yang dihasilkan oleh Aziz M.Osman yang tidak diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) pada tahun 1992. Perkara tersebut diambil serius oleh Aziz M. Osman dan pengarah filem seram yang lain kerana tidak mahu menambahkan kerugian dengan tidak lagi menghasilkan filem seram. Selepas isu pengharaman filem seram yang berjudul filem *Fantasia*, dunia filem seram semakin suram. Ironinya penciptaan filem adalah bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat namun terdapat beberapa panduan yang perlu diikuti mengikut format LPF. Hal ini kerana dalam filem itu terdapat kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam. LPF menyatakan bahawa keadaan si mati tidak dapat dihuraikan, kerana pemikiran kita tidak mungkin sejauh itu disebabkan kita tidak pernah dapat merasai kematian kecuali melalui mimpi semata. Melalui kajian ini, generasi pengarah yang seterusnya mampu memahami bagaimana pertumbuhan filem genre seram dengan baik dan mampu mengetengahkan struktur nilai yang baik dalam filem seram. Filem mistik

ini perlu menggunakan pemikiran diluar kotak fikiran kerana ianya berbeza dengan filem patriotisme. Unsur patriotisme boleh dikumpulkan melalui sejarah yang nyata dan realiti tidak seperti unsur kepercayaan mitos yang terdapat dalam filem seram. Aziz M.Osman komited dalam setiap penghasilan filem yang dihasilkan kerana ingin membentuk pemikiran tentang sejarah-sejarah yang pernah terjadi di Tanah Melayu. Dapat disimpulkan bahawa setiap perkara yang berkaitan dengan perkembangan filem negara Malaysia, kita perlu mengambil perhatian sebagai contoh mengambil iktibar daripada pengarah filem yang terdahulu dan mengambil maklum tentang sejarah pertumbuhannya.

Ahmad Syazli Muhd Khiar pada 2018 turut mengkaji sejarah dan latar belakang Aziz M.Osman terbitan FINAS yang bertajuk *Aziz M.Osman- Di sebalik Feminisme dan Sang Pencerita*. Aziz M. Osman bukan sahaja menghasilkan filem yang bergenre patriotism, namun beliau juga turut menghasilkan filem yang bergenre feminism. Beliau merupakan anak seni dan menjadi inspirasi kepada ramai anak muda untuk menghasilkan genre patriotism.

Kehebatan Aziz M.Osman dalam berkarya turut menjadi isu yang dibincangkan dalam surat khabar, Berita Harian, yang diterbitkan pada tahun 2014, ulasan yang dilakukan oleh Raja Nurfatimah Mawar Mohamed dalam sudut B. POP, telah dibuktikan dengan penganugerahan pengarah terbaik kepada Aziz M.Osman pada tahun 2000 semasa sambutan Festival Filem Malaysia ke-15. Berpandukan sejarah, beliau mampu menghasilkan filem yang berkisarkan perjuangan Leftenan Adnan yang menentang Tentera Jepun pada zaman Perang Dunia ke II dan filem *Leftenan Adnan* juga dikategorikan di dalam 10 filem Melayu patriotik yang terbaik. Kajian ini menujukkan bahawa kekuatan yang ada pada diri pengarah sangat penting jika dibandingkan dengan penggunaan teknologi. Fakta ini bertentangan dengan kajian yang

ingin menggunakan medium teknologi untuk menaikkan filem genre patriotik. Tidak ada kemosyikan dalam penelitian yang dilakukan kerana terdapat bukti yang menyatakan kehebatan Aziz M.Osman dalam menghasilkan kewangan terhadap bidang filem.

Perlanjutan perbincangan tentang keaktifan pengarah yang berumur setengah abad dalam menghasilkan filem yang mempunyai pelbagai genre. Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad menerangkan dalam kajian mereka pada tahun 2009, perihal Aziz M. Osman yang telah melancarkan sebuah filem sains fiksyen, bertajuk *Senario XX*. filem tersebut mengangkat perihal budaya dan kepercayaan masyarakat setempat tentang kewujudan makhluk ghaib dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa peranan pengarah dalam pengadaptasian sesebuah filem perlu melakukan kajian berkaitan dengan keadaan dan suasana penerimaan isu yang diketengahkan untuk tontonan masyarakat. Tambahan pula sekiranya patriotisme sahaja yang diangkat sudah tentu daya kreativiti pengarah itu tidak akan berkembang.

Bambang Suhartono Mohd Said, Wan Amizah Wan Mahmud, Badrul Redzuan Abu Hassan, et al. menganalisis Aziz M.Osman pada tahun 2022, yang berkaitan dengan *Analisis Naratif Remaja Melayu dalam Filmografi Ahmad Idham*. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah temu bual dengan pengarah filem Ahmad Idham sendiri. Ahmad Idham turut menjadikan Aziz M.Osman sebagai pemandu arah atau guru kerana beliau mempunyai pelbagai tema filem yang mengangkat trend terkini yang semestinya diminati oleh golongan remaja pada masa kini. Selain daripada itu, isu-isu terkini yang diambil kira di dalam media sosial juga turut menjadi buah fikiran kepada Aziz M.Osman untuk menciptakan kelainan dalam penghasilan pengadaptasian karya sastera ke filem. Sudah semestinya, bukan semua tema dan isu terkini diangkat kerana isu-isu tersebut perlu disaring dan ditapis dahulu untuk mengurangkan kebocoran etika-

etika yang perlu dipatuhi dan dielakkan. Aziz M.Osman akan mencari isu yang dibualkan oleh remaja, tuntasnya remaja itu menjadi penyumbang kepada kepesatan teknologi perfileman sekiranya terselit kisah yang mempunyai kerasian dan representasi kepada jiwa mereka. Kajian ini menyokong kesahihan kajian yang dilakukan bahawa tema remaja iaitu patriotisme yang diangkat oleh pengarah Aziz M. Osman dibuktikan oleh pengadaptasian filem *Leftenan Adnan*. Melalui keserasian yang wujud dalam jiwa remaja, dapat menyumbangkan jumlah tontonan yang ramai daripada kalangan mereka. Oleh yang demikian kajian ini akan menunjukkan sejauh mana teknologi yang digunakan dalam mengangkat isu patriotisme kedalam jiwa remaja untuk mengikat kembali nilai-nilai patriotisme yang terburai dek kerana kemajuan digital tanpa menyedari diri masih dijajah.

2.2.2 Kajian Abdul Latip Talib

Noraini Ibrahim, Ani Omar yang melakukan kajian pada tahun 2017 terhadap novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* menggunakan teori SPB4K untuk memahami teknik kepengarangan yang digarapkan di dalam karya oleh Abdul Latip Talib. Kajian yang dilakukan untuk mengkaji tahap penerimaan masyarakat terhadap keberkesanan karya Abdul Latip Talib yang menerbitkan buku yang berjudul *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kajian teknik kepengarangan dilakukan untuk mengenali latar belakang Abdul Latip Talib agar dapat mengetahui kebenaran yang ditulis oleh beliau sama ada sejarah tersebut pernah dialami oleh beliau sendiri atau diambil daripada fakta sejarah yang benar dari sisi orang yang berpengalaman semasa Perang Dunia ke II. Keberkesanan karya Abdul Latip Talib sehingga digunakan sebagai buku Komponen Sastera di zon 2.

Perkara ini menunjukkan bahawa pengarang membawa nilai patriotisme yang padat di dalam penulisannya.

Aqsari Isa turut mengkaji penulisan Abdul Latip Talib menerusi karya *Imam-imam yang Benar*. Kajian dilakukan pada tahun 2023 yang merangkumi kisah empat mazhab yang terkemuka di antara masyarakat beragama Islam iaitu Mazhab Abu Hanifah, Mazhab Imam Syafie, Mazhab Iman Malik dan Mazhab Imam Hanbali. Karya-karya yang dihasilkan oleh Abdul Latip Talib adalah merangkumi perjuangan-perjuangan Islam untuk membangunkan fakta sejarah yang pernah berlaku cara revolusi dan perkembangan agama Islam di Tanah Melayu. Setiap susunan cerita yang terdapat di dalam karya *Imam-imam yang Benar* telah membuktikan bahawa kreativiti Abdul Latip Talib telah membawa emosi yang luar biasa melalui penerapan persediaan, inkubasi, iluminasi, dan verifikasi dan dapat disononimkan di dalam teori Proses Kreatif, Graham Wallas. Aspek yang diterapkan di dalam karya *Imam-imam yang Benar* adalah aspek untuk mengajak masyarakat ke arah kebaikan, aspek kehidupan tokoh yang membangunkan agama Islam yang disusun secara kronlogi dan tepat.

Saripah Dora Ismail dan Azhar Wahid mengkaji *Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan* pada tahun 2020, pengkaji menggunakan teori Teksdealisme untuk melihat tahap perkembangan dan penerimaan pelajar terhadap novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* melalui reka bentuk kuantitatif merangkumi pengalaman pelajar melalui struktur soalan kajian yang telah disediakan oleh pengkaji. Kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat memahami genre fiksi sejarah dalam bentuk novel yang telah dihasilkan oleh Abdul Latip Talib dengan mudah. Pengkaji mendapati bahawa penyampaian yang dilakukan oleh beliau mempunyai kualiti ideal sehingga mampu menarik minat pelajar memahami lebih mendalam berkenaan perkataan “patriotisme”. Perkataan patriotisme amat penting

kepada masyarakat dahulu dan kini. Teknik pembacaan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* adalah salah satu inisiatif yang berjaya dilakukan untuk memupuk sifat patriotisme dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah.

Novel bergenre patriotisme seperti novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dihasilkan oleh Abdul Latip Talib pada tahun 2008 turut dikaji oleh Nur Hanis Mohd Ramlee pada tahun 2023 mempercayai bahawa novel patriotisme ini telah memberikan peluang untuk para pendidik membentuk acuan remaja yang progresif untuk memacu negara kearah keamanan dan daripada ancaman pihak luar. Terdapat empat aspek yang di fokuskan iaitu pengarang menunjukkan sifat watak yang hidup bersosial, sifat anak bangsa yang sanggup mempertaruhkan nyawa demi bangsa, agama dan tanah air, watak yang berjuang untuk mendapatkan keamanan dari penjajah. Pengkaji membuktikan bahawa karya Abdul Latip Talib sangat mengambil berat tentang unsur teks yang digunakan di dalam karya beliau kerana berdasarkan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu, prinsip Moral telah memberikan kesinambungan di antara karya tersebut dengan prinsip moral masyarakat di Tanah Melayu terutamanya.

Untuk menghasilkan sesebuah karya seni yang bermutu, pengkarya seni akan melakukan tiga aspek yang berbeza. Pertama, pengkarya menulis mengikut pengalaman yang pernah dirasai oleh mereka sendiri. Kedua, pengkarya berkarya berdasarkan pengalaman manusia lain dan yang ketiga berkarya yang dimasukkan sedikit pengaruh daripada persekitaran mereka sama ada dari segi pembacaan karya penulis yang lain kemudian diserap masuk ke dalam karya yang dikarang. Perkara ini dapat dikesan dengan mudah apabila pengkaji baru menggunakan teori Teksdealisme untuk melihat sejauh mana gerapan yang diambil daripada luar kemudian di masukkan ke dalam karya yang dihasilkan. Menurut Abdul Halim Ali dan Ariff bin Mohamad (2015) mengkaji novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* dalam bacaan Intertekstualiti.

Hasil dapatan kajian adalah menerangkan bahawa terdapat gerapan luaran yang terdapat di dalam karya yang dikaji, novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* ada perkaitan melalui element sejarah di Tanah Melayu seperti yang dihasilkan oleh Abdul Latip Talib di dalam novel *Letenan Adnan Wira Bangsa*.

2.2.3 Mikhail Mikhailovich Bakhtin (1926)

Untuk melihat perkembangan dialog serta perkaitan yang berlaku di antara teks karya sastera dan teks sastera yang lain, filosofi Barat telah mencipta teori Intertekstual. Mawar Safei dan Tuan Rusmawati Raja Hasan turut berkongsi kajian yang sama pada tahun 2020, tentang penciptaan teori Intertekstual yang bertajuk *Daun sebagai Wahana Komunikasi dalam Kesusasteraan Melayu* daripada Universiti Sains Malaysia. Teori Intertekstualiti dibentuk oleh Mikhail Mikhailovich Bakhtin dan Julia Kristeva yang bertujuan untuk memahami konsep komunikasi antara teks karya sastera. Pada awalnya teori Intertekstual adalah satu usaha yang dilakukan oleh ahli bahasa Switzerland yang dikenali sebagai Ferdinand de Saussure, kemudian Mikhail Mikhailovich Bakhtin menemui kekurangan di dalam teori tersebut, lalu beliau mengambil inisiatif untuk menghasilkan prinsip-prinsip yang baharu dalam teori Intertekstual, perubahan prinsip ini berlaku semasa Mikhail Mikhailovich Bakhtin ingin melakukan kajian terhadap karya Russia. Pengaplikasian aspek tatabahasa dan teks kesusasteraan yang melibatkan sejarah, politik, tokoh dan sebagainya telah diaplikasikan, bukan sekadar di dalam karya Russia sahaja. Malah Mikhail Mikhailovich Bakhtin menggunakan konsep dialogik untuk mengkaji perkaitan dialog teks tradisional pada zaman dahulu yang mempengaruhi dialog teks zaman global melalui teks *The Dialogic Imagination*. Konsep dialogik merupakan istilah yang sama dengan Intertekstualiti, panggilan itu

diubah oleh kristeva pada tahun 1960-an merangkumi prinsip petikan, penyerapan, pemindahan dan pengubahan. Oleh yang demikian untuk mengkaji filem dan karya sastera perlu mendalami dahulu teks-teks dan dialog yang terdapat didalamnya untuk diadaptasikan.

Sumber utama yang disampaikan oleh Mikhail Mikhailovich Bakhtin tentang kajian teks luaran dan dalaman dengan menggunakan teori dialogik kerana didapati satu persamaan yang ketara di dalam sebuah teks dengan sebuah teks yang lain, di mana teks tersebut membawa tema yang sama dan mempunyai perkaitan yang banyak. Untuk membezakan dan menguji keaslian teks, Bakhtin telah menguji teks-teks tersebut dengan menggunakan teori dialogik. Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin turut meneliti perkembangan teori dialogik pada tahun 2021, jurnal yang berjudul *Intertekstual Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan Gender*. Teori dialogik dikembangkan oleh Bakhtin kemudiannya dikembangkan oleh Julia Kristeva, 1966 kemudian dinamakan sebagai teori Intertekstual, yang mempunyai empat prinsip yang dibentangkan untuk mengkaji perkaitan antara proses hipoteks dan hiperteks, makna yang ingin diketengahkan, dan kewajaran dalam rumusan teks lama, teks karya sasterawan, karya teks sasterawan yang lain, dan karya teks bukan kreatif. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengkaji bahasa komunikasi yang digunakan oleh remaja abad globalisasi ini sehingga dapat mempengaruhi sistem penulisan di dalam blog dan Internet. Melalui kajian yang terbaru, pengkaji hanya mengkaji prinsip yang tertentu sahaja. Oleh yang demikian, untuk menghasilkan kajian yang ideal, pengkaji perlu menggunakan beberapa prinsip untuk mengeluarkan kandungan penting yang terdapat di dalam karya yang dikaji.

Vitaly L. Makhlin turut meneliti isu tentang tatacara penggunaan teori Intertekstualiti Mikhail Bakhtin dalam kajian *Future-in-the-Past: Mikhail Bakhtin's*

Thought Between Heritage and Reception pada tahun 2021 dalam menerapkan teori-teori yang perlu digunakan dalam setiap kajian yang dilakukan apabila berkaitan dengan karya-karya teks bagi mengupas pelbagai makna yang tersembunyi dan kesejarahan yang ada dalam teks kajian.

O. Osovsky, V. Kirzhaeva, E. Chernetsova, E. Maslova telah menghasilkan perkembangan sejarah Bakhtin dalam jurnal yang berjudul *Education-for-Myself and Education-for-the Other: The Right to Freedom of Education and Mikhail Bakhtin's Experience* pada tahun 2020. Sarjana di atas menyimpulkan tentang teori Intertekstualiti rentetan ideologi Bakhtin melalui kajian kualitatif pembacaan ilmiah daripada Matusov. Ideologi Bakhtin ini mampu membangunkan infrastruktur dalam setiap diri manusia, di mana teori tersebut memberi refleksi kepada manusia bagi mencapai gagasan dalam memberikan pengajaran kepada diri sendiri dan memberi pelajaran kepada manusia yang lain. Satu pegangan Bakhtin semasa mencipta teori iaitu “pendidikan untuk diri sendiri” dan “pendidikan untuk orang lain”. Dalam kajian ini membuktikan bahawa setiap teori yang diketengahkan akan memberikan faedah kepada bidang lain juga. Kajian ini merangkumi pembelajaran manakala untuk kajian terbaru bersangkut paut dengan pengadaptasian filem dan karya sastera dalam bidang teknologi. Untuk melakukan perkembangan ideologi mempunyai pelbagai inisiatif, bergantung kepada filosofi itu sendiri sama ada ideologi itu untuk kegunaan ramai atau untuk kepentingan diri sendiri. Namun begitu untuk menjadi tokoh, ideologi mereka mesti bersangkut paut dengan kebijakan yang akan memberikan faedah kepada masyarakat tidak kira dalam pembelajaran atau amalan sehari-hari.

Jauh perjalanan luas pemandangan, peribahasa ini menunjukkan sikap Bakhtin sendiri yang suka merantau dan berpindah randah untuk mendapatkan ideologi yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat sehingga kini. Akbar Rezki Ramadhan,

Anshari, Suarni Syam Sagumi, daripada Fakulti Bahasa dan Kesusastraan, Universiti Negeri Makassar telah menyusun kajian dengan menggunakan teori Dialogik Mikhail Bakhtin, bertajuk *Critical Spiritualism in a Collection of Short Stories “Markesot Bertutur Lagi” by Emha Ainun Nadjib: Dialogical* pada awal tahun 2021. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data kualitatif bagi mendapatkan data mesej yang tersirat dan tersurat di dalam cerpen *Markesot Bertutur Lagi* dengan menggunakan teori Dialogik Bakhtin serta latar belakang pengarang cerpen, iaitu Emha Ainun Nadjib untuk mengangkat cerpen kepada generasi seterusnya. Kajian ini berpandukan cerpen sahaja dan tidak menyentuh soal perkembangan perfileman. Untuk mengeratkan lagi maksud-maksud yang tersirat dalam kajian menggunakan teori Intertekstualiti, pengkaji juga perlu menerapkan kefahaman agama seperti membuat pernyataan mendasari ayat al-Quran dan Hadis. Pernyataan yang diberikan adalah daripada Allah S.W.T kepada nabi Muhammad S.A.W. Menerusi perbincangan di atas memperakui bahawa pelajar bahasa dan sastera wajib menerapkan teori Intertekstualiti dalam setiap kajian ilmiah yang dijalankan.

Huda, Putri Rahmatil, dan Dra. Sumayah, M.A, pada tahun 2022 telah melengkapi kajian tentang *The Role of Digital Communication in Building Human Existence in Film “Akeelah and The Bee”*. Objektif kajian pengkaji lepas adalah tentang keterangan teori yang dihasilkan oleh Bakhtin iaitu teori Dialogik dan setiap perbincangan dan data yang diperoleh adalah berbentuk kualitatif. Pengkaji lepas menggunakan *look-note* untuk mencatat data yang diperoleh. Teori Dialogik mempunyai konsep-konsep yang tertentu untuk difokuskan. Pengkaji lepas menggunakan konsep-konsep Dialogik untuk merungkaikan kesinambungan perbincangan yang terdapat dalam dialog filem “*Akeelah and The Bee*” ditulis dan diarahkan oleh Doug Atchison. Kesinambungan yang dapat dilihat watak utama dan

suasana sekeliling bagi menginterpretasikan diri supaya lebih bermotivasi dalam menjalani kehidupan. Bertepatan dengan teori Dialogik, Bakhtin kerana ia mengaitkan kesedaran diri sendiri dan orang lain. Terdapat kelompongan daripada pengkaji lepas iaitu menegakkan watak utamanya sebagai seorang wanita manakala untuk kajian pengkaji mempersempahkan watak utamanya lelaki iaitu Leftenan Adnan bin Saidi dan Askar Melayu yang lain berjihad di medan perang.

Faisal, pada tahun 2022 telah mengkaji *Intertextual Study on Lyrical Poem Calon Arang: Kisah Perempuan Korban Patriarki by Toeti Heraty*. Pengkaji lepas ingin mengkaji maksud dalaman yang terdapat dalam karya CAKPKP yang telah ditulis oleh Toeti Heraty. Sajak ini dicipta pada tahun 60-an untuk menyimbolkan kepada gagasan pemikiran untuk mendapatkan kebebasan daripada genggaman penjajah. Faisal menggunakan kaedah kualitatif iaitu meneliti sajak CAKPKP untuk menerangkan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. Terdapat dua isu yang dibincangkan di dalam kajian pengkaji lepas iaitu berkenaan feminism. Kajian pengkaji lepas melihat tahap penerimaan masyarakat terhadap kewujudan janda pada zaman 60-an. Isu yang kedua juga melibatkan wanita iaitu penentangan wanita yang mempunyai kelas dan pangkat untuk memiliki kekuasaan yang mutlak dalam sistem pemerintahan. Kelompongan yang terdapat dalam kajian pengkaji lepas adalah menyebut tentang perjuangan wanita-wanita dalam gelombang kehidupan pada zaman penjajahan manakala bagi kajian pengkaji lebih kepada patriotisme untuk menentang penjajah. Untuk mendapatkan kesinambungan nasihat yang terdapat dalam sajak CAKPKP, pengkaji lepas menggunakan teori Intetekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, bagi melengkapi maksud tersirat di dalam prosa lirik sajak tersebut. Hal ini bagi mengurangkan stigma kolot perihal wanita yang mempunyai pangkat atau janda.

Tirto Suwondo, telah membuat pengisian perihal novel *Olenka* yang ditulis oleh Budi Darma pada tahun 1983. Buku kajian yang berjudul *Membaca Olenka dalam Perspektif Bakhtin* diterbitkan pada tahun 2022. Tujuan pengkaji lepas adalah untuk menambah minat masyarakat untuk memahami, menikmati, dan menghargai sastera Indonesia serta memahami setiap perisian di dalam novel menggunakan teori Dialogik untuk melihat latar belakang pengarang, buah fikiran yang ingin disampaikan oleh penulis, dan kesinambungan dialog dalam novel itu sendiri. Pengkaji lepas telah menggunakan kaedah kajian kualitatif, pembacaan bahan ilmiah yang berkaitan dengan sastera Indonesia. Kajian pengkaji lepas berfungsi untuk memudahkan masyarakat mengenali dan mencintai bahasa Indonesia itu sendiri. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji kerana ingin mengangkat ideologi yang ada di dalam novel dan filem untuk dijadikan sebagai iktibar. Namun begitu terdapat kelompongan yang nyata di mana novel *Olenka* menyatakan keadaan di Indonesia manakala kajian pengkaji melibatkan karya sastera dan filem di Malaysia sahaja. Karya sastera perlu diambil perhatian untuk dikembangkan supaya generasi kini tidak dijajah dengan ideologi yang negatif sehingga melupakan adat dan budaya masyarakat itu sendiri.

UNIVERSITI

2.3 Kajian Lepas Teori Intertekstualiti

Wan Zaliha Wan Othman, telah membuat sedikit perkembangan ideologi dalam penulisan jurnal yang bertajuk *Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah* pada tahun 2021 daripada Universiti Malaya. Tujuan pengkaji mengkaji beberapa karya Faisal Tehrani adalah ingin merungkaikan aspek dakwah yang terdapat di dalamnya. Untuk mendapatkan aspek dakwah itu, pengkaji lepas telah menerapkan dua teori di dalam kajian nya iaitu teori Intertekstualiti dan teori Pengkaedahan Melayu serta menggunakan reka bentuk

kualitatif bagi mengumpulkan aspek dakwah tersebut melalui pembacaan teks-teks dan novel serta membuat sedikit soal selidik yang berkaitan dengan hasil karangan Faisal Tehrani. Kajian pengkaji lepas mendapati bahawa Faisal Tehrani perlu mendalami dan mempelajari maksud dan ciri-ciri dakwah Islam yang sebenar untuk diterapkan ke dalam karangan penulisan beliau dengan menggunakan hipogram yang teratur supaya mesej dakwah itu dapat dirasai oleh pembaca. Melalui dapatan kajian pengkaji lepas, mendapati bahawa terdapat perbezaan dengan kajian pengkaji kerana kajian pengkaji hanya melibatkan satu penggunaan teori sahaja dan menggunakan satu reka bentuk kualitatif sahaja untuk merungkaikan aspek patriotisme yang terdapat dalam skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.

Shania Windi Shonata, Windi Rahmi, Liya Astutin, telah mengkaji novel terpilih dengan menggunakan teori Intertekstualiti. Kajian tersebut telah diterbitkan pada tahun 2023, yang berjudul *Novel Dian yang Tak Kunjung Padam dan Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck: Teori Intertekstualitas*. Tujuan kajian yang dilakukan adalah untuk mengkaji unsur intrinsik (dalaman) yang dapat membezakan antara kedua-dua karya yang dikaji iaitu Novel *Dian yang Tak Kunjung Padam* yang dikarang oleh S. Takdir Alisjahbana dan Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah karya Hamka. Hal ini kerana kedua-dua novel ini membawa tema yang sama iaitu tema berkasih sayang yang tidak kesampaian kerana pangkat dan darjat. Kajian akhir yang didapati bahawa terdapat perbezaan di dalam kedua-dua novel tersebut walaupun membawa tema yang sama. Perbezaan yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji lepas adalah melalui plot cerita, karakter yang dimainkan oleh watak, gaya bahasa, latar yang digunakan serta bahasa yang digunakan. Kajian pengkaji lepas mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji kerana mengambil tema yang sama di antara kedua-dua karya yang dikaji iaitu tema patriotisme. Namun begitu, terdapat perbezaan sedikit tentang pemilihan karya yang dikaji kerana pengkaji lepas mengkaji teks novel dan teks novel, manakala kajian pengkaji menghuraikan berkaitan dengan teks novel dan skrip filem.

Penghasilan kajian melibatkan teks, perlu diambil perhatian kerana ia perlu ditelitian setiap perbezaan dan persamaan antara teks untuk mengenal pasti kreatiria-kreatiria yang ingin dihuraikan sama ada perbezaan yang katara atau tidak ketara.

Farida Nur ‘Afifah, Wendi Parwanto, melakukan kajian tentang tafsiran berkaitan etika pemakaian tudung bagi wanita Islam yang bertajuk *Membaca Penafsiran Jilbab Ibnu Taimiyah dengan Perspektif Intertekstualitas Julia Kristeva* diterbitkan pada tahun 2023. Kajian lepas dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, kajian perpustakaan dan naratif analitik untuk mengidentifikasi perkaitan antara etika pemakaian tudung dan keselamatan bagi seorang wanita. Kefahaman terhadap pemakaian tudung semakin berubah apabila pengkaji lepas menafsirkan kitab Ibn Taimiyah yang menyatakan bahawa tudung memainkan peranan yang penting dalam menjaga maruah seorang wanita. Terdapat kisah wanita jahiliah yang diceritakan oleh Ibn Taimiyah di mana pada zaman dahulu (hamba) wanita tidak memakai tudung dan dibenarkan untuk menunjukkan perhiasannya, oleh yang demikian ia memberikan penambahan terhadap maksiat. Berbeza pula dengan wanita yang bukan hamba, kerana mereka digalakkan untuk memakai tudung. Menurut Ibn Taimiyah semua anggota tubuh wanita adalah aurat kecuali telapak tangan dan muka sahaja yang boleh dipaparkan. Terdapat kelompongan dalam kajian pengkaji lepas yang berkaitan dengan aurat seorang wanita dan kepentingan memakai pakaian yang menutup aurat iaitu tudung dan diperjelaskan dengan menggunakan pembacaan kitab daripada Ibn Taimiyah dan ditafsirkan menggunakan teori Intertekstualiti. Manakala kajian pengkaji hanya mengkaji aspek patriotisme dengan menggunakan teori Intertekstualiti berdasarkan teks novel dan filem Melayu sahaja. Pentingnya penafsiran sesuatu perkara yang ingin dibahaskan, disebabkan oleh data yang diperoleh dapat menghasilkan satu pendapat dan pandangan yang sahih dan diterima akal manusia.

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin daripada Universiti Sains Malaysia telah mengkaji tentang *Intertekstualiti Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan Gender* pada tahun 2021. Tujuan kajian ini dilakukan adalah kerana untuk mengenal pasti tahap penyampaian yang berkaitan teks diruangan blog, perbezaan antara penulisan wanita dan lelaki. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan dianalisis segala perspektif yang dapat dikaitkan dengan watak dan sikap mengikut gender yang dikaji mengikut empat prinsip teori Intertekstualiti untuk mengetahui perbezaan cara penulisan lelaki dan wanita. Pengkaji akhirnya dapat mengkaji dua orang sahaja yang menulis blog pada tahun 2020 yang membuktikan bahawa dalam teks blog yang dihasilkan mempunyai pengaruh teks lain. Perbezaan pengkaji lepas dengan kajian pengkaji adalah, pengkaji lepas menggunakan teks Internet iaitu blog untuk dikaji. Manakala kajian pengkaji adalah berdasarkan teks skrip filem dan novel. Untuk mendapatkan pemaknaan dan pengaruh teks yang terdapat dalam teks adalah dengan menggunakan teori Intertekstualiti dan mengenal pasti prinsip-prinsip yang tertentu untuk digunakan.

Irwan Mus, Aiyub Berdan, menginterpretasikan diri dengan kajian yang bertajuk *Kajian Intertekstualitas Puisi Na>Zik Al-Mala> ‘Ikah ‘Ana>’ dan Chairil Anwar ‘Aku’ dengan menggunakan kaedah analisis sastera bandingan* pada tahun 2021. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perkaitan dan pengaruh teks antara dua puisi iaitu puisi Nazik Al-Mala’ikah yang berjudul *Ana* dan Puisi Chairil Anwar yang berjudul *Aku*. Judul setiap puisi ini memberi makna yang khas perihal peribadi seseorang dan sesuatu benda yang bernyawa, untuk menghuraikan perbandingan apa yang disampaikan dalam kedua-dua teks ini adalah dengan menggunakan teori Intertekstualiti bandingan. Pencarian makna hakikat sebenar seseorang itu perlu dikaji dengan pemikiran dan pemaparan akhlak yang ada pada diri mereka. Tetapi mencari pemaknaan teks dalam teks adalah mengkaji dari sudut struktur tema, nada dalam puisi, struktur fizik seperti susunan ayat dan perkataan, dan akhir sekali dari segi budaya

yang ingin digambarkan dalam kedua-dua puisi tersebut atau kajian intrinsik dan ekstrinsik. Hal ini menunjukkan latar belakang pengkarya sangat mempengaruhi setiap karya yang dihasilkan kerana penulis puisi *Ana*, Nazil Al-Mala'ikah seorang sasterawan wanita yang mempunyai aliran darah arab iaitu dari Iran. Manakala puisi *Aku* ditulis oleh sasterawan Indonesia, Chairil Anwar. Namun begitu kajian pengkaji lepas mempunyai kelompongan di mana, pengkaji lepas hanya melihat tema yang sama dalam puisi sastera yang sama iaitu puisi. Manakala kajian pengkaji merangkumi kajian puisi moden iaitu Novel dan Filem. Pembawakan tema tajuk yang sama adalah memainkan peranan penting untuk menghuraikan perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua teks bandingan tersebut.

Akhirul Insan Nur Rokhmah, Nugraheni Eko Wardani, daripada Universiti Sebelas Maret, Indonesia, telah mengkaji perihal keadaan wanita dalam sebuah novel dan filem pada tahun 2023. Tajuk kajian mereka adalah *Postkolonialisme Perempuan dalam Novel “Gadis Pantai” dan Film “The Last Princess”*. Pengkaji menggunakan kaedah kajian deskriptif-kualitatif. Untuk menganalisis setiap sudut yang mempunyai kaitan antara kandungan teks bagi kedua-dua karya di atas dengan menggunakan kaedah triagulasi untuk meningkatkan kesahihan dan kebenaran data yang diperoleh. Tujuan pengkaji lepas mengkaji kajian ini kerana, ingin memaparkan kekejaman terhadap wanita pada pasca-kolonial yang dilakukan oleh penjajah. Sosok fizikal seorang wanita yang lemah dan tertindas oleh kekejaman penjajah dapat dilihat dalam karya pascakolonial ini. Dapatan kajian yang diperoleh pada novel *Gadis pantai* adalah berkenaan dengan darjah antara rakyat di kampung dan di bandar. Manakala filem *The Last Princess* yang menceritakan sejarah-sejarah penting dan nilai perwatakan seseorang dengan manusia dan penjajahan. Kedua-dua novel dan filem ini mempunyai kesejajaran dengan teori Kresteva iaitu teori Intertekstualiti dalam konsep pendekatan oposisi, transposisi, dan transformasi mengikut jalan cerita pada zaman tersebut. Kajian pengkaji ini turut mengkaji novel dan filem yang berkaitan dengan keadaan sejarah semasa penjajahan berlaku sejajar

dengan kajian pengkaji yang mengkaji novel dan filem patriotisme berlatar belakangkan zaman 90-an. Perbezaannya adalah pemikiran pengkaji sebelum ini adalah dari sudut perbezaan peninggalan kesan penjajahan di Indonesia. Manakala kajian pengkaji hanya melibatkan kajian sejarah di Tanah Melayu sahaja. Kutipan pemaknaan yang terdapat dalam teks dan filem akan memberikan buah fikiran kepada pembaca untuk mengkaji sedikit sejarah-sejarah tempatan dan luar negara.

Ismalinar, Intan Sari Ramdhani, Asfitri Hayati et al. daripada Universiti Muhammadiyah Tangerang telah mengkaji *Kajian Intertekstualiti Intrinsik Novel TLM Karya Arifys dan Novel BBB Karya Habiburrahman*. Kajian ini dilakukan pada tahun 2023. Tujuan kajian pengkaji lepas adalah ingin melihat kesinambungan dalam novel TLM dan novel BBB yang dihasilkan oleh pengkarya yang berbeza dan tahun terbitan yang berbeza satu tahun. Kesinambungan ini dilihat dari sudut unsur intrinsik yang terdapat dalam novel yang dikaji sama ada tema, plot, perwatakan tokoh utama, dan latar belakang setiap karya. Pengumpulan data kajian intrinsik dilakukan secara kualitatif melalui kajian pembacaan jurnal, novel dan catatan serta dokumentasi yang mempunyai perkaitan dengan tajuk kajian. Dapatkan kajian yang diperolehi oleh pengkaji lepas adalah wujudnya kesinambungan unsur intrinsik di antara kedua-dua karya puisi moden ini, melalui tema yang sama “menjaga maruah diri”, dan watak perwatakan tokoh utama yang mempunyai kecerdasan emosi dan kestabilan emosi dalam menjalankan tanggungjawab dan berpegang pada ajaran agama. Manakala terdapat persamaan untuk latar tempat di dalam kedua-dua novel ini iaitu di kawasan pusat pembelajaran dan mempunyai seorang ayah yang berpangkat dalam kalangan masyarakat. Kajian pengkaji lepas adalah berkaitan dengan unsur instrinsik yang melibatkan kekuatan seseorang pengkarya yang menginspirasikan idea dan teks daripada orang lain. Manakala untuk kajian pengkaji ingin melihat unsur patriotisme di dalam novel dan filem pembawakan cerita tokoh yang sama namun berbeza jalan cerita. Jelaslah disini terdapat kelompongan dalam kajian pengkaji lepas

dan kajian pengkaji kerana ia melibatkan sejauh mana teks skrip dan teks novel itu berpengaruh berbanding kajian pengkaji yang mengkaji unsur patriotisme.

Syahirah Almuddin, Ahmad Arifin Sapar, Surinderpal Kaur et al. pada tahun 2022 telah menerbitkan jurnal yang bertajuk *Suara Pelarian Syria dalam Laporan al-Jazeera*. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk melihat keadaan dan suasana pelarian Syria yang disampaikan oleh al-Jazeera dalam karyanya. Setiap karya yang dihasilkan menghadapi masalah penjajahan melalui suara mereka. Suara manusia hasil daripada pergolakan jiwa mereka telah diluahkan melalui penulisan. Kuasa teks itu wujud untuk menyelamatkan manusia. Walau sekadar bicara tanpa suara namun ia dapat menegar dunia diluar sana. Untuk mendapatkan perhatian daripada golongan yang berpengaruh, sudah pasti mengambil masa yang lama, namun penerbitan daripada al-Jazeera ini adalah dengan mengambil inisiatif yang menyampaikan hasrat ataupun suara-suara pelarian Syria yang terjejas dek kerana peperangan berjaya disebarluaskan secara berkelompok. Kajian pengkaji lepas membincangkan tentang teks yang berada di dalam akhbar-akhbar yang menuntut kebebasan sebagai tanda semangat patriotisme mereka di dalam diri mereka. Manakala kajian pengkaji, membawa suara patriotisme dengan menulis dan berkarya secara moden iaitu teks novel dan filem. Kedua-dua tajuk kajian atau tema adalah sama iaitu tentang suara rakyat yang inginkan kemerdekaan. Hal ini menunjukkan bahawa punca interaksi dan penyampaian mesej itu telah wujud pada abad yang lalu walaupun versi yang berbeza, namun ia membawa fungsi yang sama iaitu menyampaikan “suara rakyat” meminta kebebasan dalam menjalani kehidupan yang dihimpit penjajah.

2.4 Kajian Bidang Lain-lain Yang Terlibat Dengan Aspek Patriotisme

2.4.1 Pendidikan

Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani, turut membuat kajian berkenaan *Semangat Patriotisme dan 1 Malaysia dalam Kalangan Mahasiswa di Timur Tengah*, pada tahun 2015. Sifat menuntut ilmu adalah memerlukan pengorbanan dari penuntutnya, tambahan pula sekiranya tempat menuntut ilmu itu jauh daripada kawasan kampung halaman dan memerlukan penghijrahan yang mengambil masa yang lama. Pengkaji lepas telah melakukan kajian semangat di antara pelajar-pelajar yang bermusafir untuk menuntut ilmu di negara luar terutamanya di Timur Tengah. Sudah semestinya menuntut ilmu di negara orang memerlukan sokongan dan dokongan daripada institusi pendidikan kita sendiri di Malaysia. Oleh yang demikian melalui kajian secara temu bual yang dilakukan oleh pengkaji lepas, mendapati bahawa pelajar Malaysia yang belajar di Timur Tengah masih kurang memahami maksud semangat 1 Malaysia yang digagaskan oleh Perdana Menteri. Kajian pengkaji lepas adalah berkaitan dengan program-program yang akan meningkatkan kefahaman terhadap gagasan 1 Malaysia itu sendiri. Manakala kajian pengkaji tertumpu kepada nilai-nilai perjuangan yang berbeza iaitu bukan dari sudut pelajar, malah dari sudut perjuangan tentera. Meskipun aliran yang berbeza dan cara yang berlainan, perjuangan tersebut tetap dinamakan sebagai semangat Patriotisme yang mampu menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat Malaysia dari sudut keselamatan dan kebijaksaan di dalam memperolehi ilmu kehidupan.

Nur Ayuni Nusaibah Husin, dan Amir Hasan Dawi, mengkaji *Peranan Sekolah dalam Pembentukan Perpaduan antara Kaum dalam Kalangan Pelajar*, pada tahun 2019. Pengkaji mendapat pendidikan daripada institusi Universiti Pendidikan Sultan

Idris (UPSI). Kajian dilakukan secara kuantitatif, mengumpul data-data yang diperlukan melalui kaedah temu bual. Kajian pengkaji lepas telah menggunakan dua teori iaitu teori Fungsionalisme dan teori Pilihan Rasional. Kajian dapatan daripada pengkaji lepas berkenaan dengan kemesraan antara pelajar yang berbagai bangsa semakin jauh. Oleh yang demikian pengkaji telah mengambil inisiatif untuk melakukan pelbagai aktiviti secara kumpulan. Hal ini kerana sekolah merupakan salah satu tempat untuk berinteraksi antara satu sama lain yang di Kongsi bersama dibawah satu naungan kemerdekaan. Isu perkauman ini juga turut disentuh di dalam kajian pengkaji, melalui pendekatan sesi persekolahan yang dilakukan oleh British pada tahun penjajahan adalah dibahagikan kepada dua iaitu sekolah Melayu dan sekolah Inggeris. Oleh yang demikian pengkaji mendapat terdapat toleransi dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas berkaitan dengan isu kemesraan pelajar yang pelbagai kaum.

Syamala Nair Gopal, Mahani Musa, Ganesan Shanmugavelu, telah membuat kajian pada tahun 2021 tentang *Implementasi Pendekatan Sejarah Lisan bagi Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah Rendah dan Pra-Universiti*. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kefahaman dan tahap ingatan tentang sejarah-sejarah yang dipelajari. Berbalik kepada fungsi sastera lisan iaitu ingin menyampaikan sesebuah perkara yang penting yang merangkumi aspek sejarah setempat, perjuangan pembebasan bangsa, pejuang-pejuang yang pernah memberikan sumpah setia untuk menjaga kedaulatan negara telah digarapkan di dalam nya. Melalui hal tersebut sudah semestinya, sejarah itu perlu disampaikan secara verbal dengan cara moden, bukan sekadar di dalam buku sahaja. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji lepas adalah kaedah kualitatif. Hasil kajian pengkaji lepas mendapat bahawa terdapat banyak cabaran yang luar biasa yang harus di tempuh oleh guru dalam mengetengahkan sejarah lisan untuk dikaji oleh pelajar sekolah menengah mahupun peringkat yang lebih

tinggi seperti ijazah. Melalui dapatan ini, dapat dirangkumkan bahawa untuk menjadikan seorang insan yang mencintai sejarah itu, perlu mendalamai cerita-cerita lisan daripada budaya mereka sendiri. Umumnya, masyarakat akan menjadi nilai-nilai yang terdapat dalam adat dan budaya mereka. Tanggungjawab akan menumbuhkan sebuah semangat patriotisme ke dalam diri setiap insan yang bergelar pelajar atau penuntut ilmu. Kajian pengkaji lepas adalah berkaitan dengan sejarah yang disampaikan melalui mulut ke mulut yang ingin dibawa dan dipentaskan kepada pelajar untuk menguatkan akal dan ingatan, manakala kajian pengkaji adalah berkaitan dengan pengarapan teknologi kini melalui mesej di dalam filem dan novel dalam memahami erti perjuangan veteran untuk mendapatkan keamanan.

2.4.2 Kemerdekaan

Munirah Aayuni Mohd Mokhtar, dan Azmir Mohd Nizah telah membuat satu penelitian tentang *Pengaruh Element Patriotisme Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Menjamin Keselamatan Negara* pada tahun 2021. Secara asasnya, untuk mendapatkan keamanan, negara memerlukan pengorbanan dan kerjasama daripada semua pihak. Tambahan pula pada awal tahun 2019, telah wujud satu virus yang dinamakan sebagai COVID-19 sehingga menyebabkan keadaan kesihatan dan ekonomi seluruh negara terjejas. Melalui penelitian pengkaji lepas, semangat patriotisme perlu ada dalam diri masyarakat untuk mengawal setiap perbuatan dan kelakuan pada waktu yang tegang itu. Pertahanan dari sudut keselamatan semakin longgar kerana serangan penyakit terkena pada semua anggota keselamatan dan masyarakat. Oleh yang demikian pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan untuk melakukan “SOP” iaitu prosedur operasi standard dan perintah kawalan pergerakan “PKP”, untuk bersama-

sama memutuskan rantaian virus tersebut. Kajian pengkaji lepas adalah berkaitan dengan semangat patriotisme yang perlu disemarakkan di dalam jiwa masyarakat untuk memutuskan rantaian virus yang merebak, manakala kajian pengkaji adalah semangat dan aspek patriotisme dapat menyelamatkan bangsa dan negara daripada dijajah oleh penjajah.

2.5 Kesimpulan

Tuntasnya daripada kajian literatur, dapat disimpulkan bahawa aspek patriotisme yang diketengahkan melalui hasil karya sastera dan pengadaptasian filem dapat menambahkan kesan cinta akan negara ke dalam jiwa masyarakat. Semakin tinggi pembahasan berkaitan dengan aspek patriotisme, semakin tinggi nilai kepekaan yang ada dalam diri pengkarya. Penghasilan karya yang berasaskan sejarah setempat akan meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam jiwa masyarakat. Bertepatan dengan “bersatu kita teguh bercerai kita roboh”. Penyampaian aspek patriotisme bukan sekadar di dalam skrip filem dan novel sahaja, malah menurut Boyman, N. (2016), terdapat pelbagai inisiatif lain yang digunakan oleh pihak kerajaan seperti menujuhkan satu institusi PLKN (Kursus Latihan Khidmat Negara) untuk memantapkan keperibadian dan jati diri seseorang insan. Filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* telah membuktikan bahawa jiwa setiap insan perlu diasah dan dijaga untuk memantapkan kerohanian dan keperibadian mereka. Karya yang dikaji tidak dapat disangkal ketulunganya, hal ini kerana bersangkut paut dengan sejarah-sejarah yang mempunyai bukti yang sahih dan masih ada lagi bukti dan susur galur keluarga Leftenan Adnan. Namun begitu, kajian aspek Patriotisme masih kurang di dalam kajian literatur ini terutama kajian berkenaan dengan novel dan filem *Leftenan Adnan*. Kajian yang dijalankan perlu diperkemaskan dengan kajian-kajian yang lain dan hasil huraian dapatan kajian yang didapati oleh pengkaji.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Huraian bab tiga kajian projek penyelidikan adalah berkaitan dengan penggunaan reka bentuk kajian dan kaedah kajian untuk menganalisis aspek patriotisme yang terdapat dalam filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) yang ingin diaplikasikan oleh pengkaji. Kaedah kajian projek penyelidikan ini dilakukan berteraskan kepada kajian skrip filem dan teks novel yang berlainan pengkaryanya sahaja. Untuk mendapatkan kajian yang telus, bab tiga ini telah dilandaskan dengan teori yang perlu diikuti. Kaedah kajian dan teknik menganalisis teks daripada skrip filem *Leftenan Adnan* dan teks novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* berfungsi sebagai menyenaraikan aspek patriotisme yang terdapat di dalam karya. Kaedah pengumpulan data yang diinginkan oleh pengkaji adalah melalui data pembacaan novel dan menonton filem bergenre patriotisme. Data yang diperoleh perlu mendasari dua objektif kajian yang telah dihuraikan dalam bab satu projek penyelidikan oleh pengkaji kajian ini. Pengkaji telah menapis dahulu data-data yang diperoleh, kemudian pengkaji memasukkan ke dalam huraian yang berkaitan metodologi kajian ke analisis dan dapatan kajian dalam bab empat. Teknik penerapan teori Intertekstualiti juga dihuraikan bagi memahami transformasi yang dilakukan dalam kedua-dua buah karya sastera dan filem ini. Teori Intertekstualiti melibatkan teks antara teks yang perlu dikaji bagi mengeluarkan kesahihan dari sudut pencuitan, penambahan, dan perubahan dalam plot, watak, tokoh dan banyak lagi. Kenyataannya, untuk menghasilkan sesuatu kajian, pengkaji perlu kenal dengan lebih mendalam teknik kajian yang digunakan bagi memperkemaskan kajian penyelidikan yang dilakukan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Untuk memenuhi kriteria dalam kajian, pengkaji perlu menjadi seorang yang peka dan menjaga setiap susunan data yang diterima masuk dengan kemas dan sistematik bagi memudahkan aliran pengkaji memahami setiap gerak kerja yang perlu dilakukan bagi menghasilkan huraian didalam projek penyelidikan ini. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mengumpulkan data-data yang diperoleh dari teks kajian skrip dan novel. Pengumpulan data-data daripada teks sama ada intrinsik mahupun ekstrinsik diserap dalam laporan kajian, kerana untuk mengukuhkan kajian aspek patriotisme. Penelitian yang dilakukan memfokuskan kepada bidang kajian dan tidak lari daripada tajuk kajian. Oleh yang demikian, struktur reka bentuk ini dapat memudahkan pengkaji membuat kajian secara tepat dan sistematik tentang aspek patriotisme di dalam karya filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Struktur kajian ini mendasari kepada objektif yang telah dilakukan untuk menganalisis aspek patriotisme dalam karya pilihan untuk dikaji. Pada akhir penelitian tentang aspek patriotisme ini mewujudkan kesinambungan dengan teori yang digunakan. Teori merupakan perkara yang perlu ada untuk menganalisis sesuatu perkara. Malahan pengkaji meneliti kajian lepas yang berkenaan dengan patriotisme dengan menggunakan teori Intertekstualiti.

Gagasan pemikiran yang disalurkan oleh pemikir-pemikir falsafah telah mengeluarkan teori untuk digunakan kepada pengkaji supaya kefahaman terhadap sesuatu perkara itu dapat difahami melalui pemahaman empirikal dan ideologi yang spesifik. Teori Intertekstualiti menjadi pegangan kepada kajian untuk mengkaji tahap patriotisme yang ada dalam skrip filem dan novel. Teori Intertekstualiti merupakan hasil gagasan dan pemikiran Mikhail Bakhtin yang dilanjutkan oleh Julia Kristeva. Fungsi teori Intertekstualiti adalah untuk menjalankan kajian teks yang pertama dengan teks yang kedua untuk melihat kesinambungan, pincisan, pengaruh dalam penulisan dan sebagainya. Teori ini diwujudkan kerana pendapat yang menyatakan setiap karya penulisan yang dihasilkan oleh seseorang sudah pasti ada pengaruh teks daripada

teks yang lain kerana untuk menjadi seorang pengkarya mereka perlu membaca dan menimba ilmu daripada insan yang lebih berpengalaman daripada mereka. Teori ini bersesuaian dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji, kerana aspek patriotisme yang terdapat dalam karya sastera dan filem boleh menggunakan teori Intertekstualiti melalui rungkaiannya skrip filem dan novel. Penelitian ini sangat penting kepada dunia sastera. Hal ini kerana, bagi menambahkan minat pengkarya yang baharu menghasilkan tema karya yang sama dengan penuh ilmu tentang patriotisme menerusi teks karya sastera dan filem.

Fokus yang mendalam bagi menjawab objektif kajian amat diperlukan. Oleh yang demikian pengkaji cuba untuk meneliti satu persatu jurang dan kelompongan dalam kajian dan memenuhi kelompongan tersebut supaya hasil kajian akhir, kemas dan teratur. Bagi menghasilkan analisis pengkaji perlu menjawab objektif yang disenaraikan dalam kajian. Isu atau data yang diperoleh membantu pengkaji untuk mengolah serba ringkas dan padat isi-isi yang berkaitan dengan kajian dalam penulisan yang dilakukan. Objektif-objektif yang telah disenaraikan adalah:

3.2.1 Mengenal pasti aspek patriotisme yang terdapat di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008).

3.2.2 Mengkaji persamaan dan perbezaan di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) dapat ditelurusi berlandaskan teori Intertekstualiti menerusi prinsip Transformasi.

Kajian ini perlu diluaskan untuk menjawab setiap objektif kajian di atas. Pengkaji turut mengusahakan mencari jalan penyelesaian kepada isu tersebut dengan menggunakan teori yang sudah dipelajari iaitu teori Intertekstualiti. Sebelum pengkaji mengkaji novel yang sekarang, pengkaji telah menilai tajuk yang ingin dikaji menerusi kajian teks novel yang lain. Hal ini kerana dikhuatiri berlaku pertindihan tajuk kajian penyelidikan di antara pengkaji. Apabila

tajuk sudah dipilih, iaitu tentang aspek patriotisme, maka pengkaji memfokuskan kepada teks-teks yang ingin dikaji, berkaitan dengan patriotik yang terkandung dalam skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Data-data yang terkumpul melalui kajian skrip filem dan teks novel ini dibaca dan difahami dengan telus untuk meletakkan huraiannya ke dalam penulisan kajian penyelidikan. Oleh yang demikian setiap data itu perlu selari dengan tajuk kajian dan dapat memasukkan kajian teori bersama untuk memperkemaskan hujahan pengkaji tentang isu yang dibahaskan.

3.3 Kaedah Kajian

Pengkajian aspek patriotisme dilakukan ke atas skrip filem *Leftenan Adnan*, yang diarahkan oleh Aziz M.Osman dan teks novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dikarang oleh Abdul Latip Talib. Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* padat dengan aspek-aspek dan ideologi patriotisme. Pengkarya novel tersebut telah meletakkan kisah-kisah veteran yang terdahulu, yang turut berjuang namun nama mereka tidak ada dicatatkan dalam catatan sejarah. Sememangnya setiap maklumat yang disampaikan dalam novel tersebut ditapis menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Selain daripada pengkajian teks pada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, pengkaji mengambil inisiatif yang berlainan dalam kajian pada kali ini iaitu mengkaji aspek patriotisme menggunakan filem. Filem yang bergenre patriotisme yang berjudul *Leftenan Adnan*, yang mengisahkan kehidupan seorang tentera yang berjuang memberikan kebebasan penjajahan kepada rakyat sehingga tergadai nyawanya ditangan pihak penjajah Jepun di Bukit Candu. Pelbagai versi yang diterima jalan penceritaannya. Oleh yang demikian pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang mengkaji sejauh mana kebenaran yang terdapat dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.

Penilaian kesahihan teks yang diterima perlu diperkuuhkan sebelum dilakukan penilaian. Pengkaji turut dibantu daripada sumber yang lain seperti bahan kajian daripada kepubstakaan dan Internet. Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini lahir pada generasi yang baharu untuk mengambil inisiatif sebagai satu pengaruh kepada masyarakat tentang penghargaan yang perlu di hargai melalui perjuangan-perjuangan veteran yang lepas dalam memberikan kemerdekaan kepada kita sehingga sekarang. Teks yang berlatarbelakangkan pengorbanan pada zaman 60-an dan 90-an ditulis oleh pengkarya, hasil daripada penemuan-penemuan veteran yang berumur hampir 100 dekad, namun masih mempunyai semangat juang yang tinggi dan memori-memori mereka masih segar dalam ingatan. Begitu juga dengan latar belakang yang ada pada filem *Leftenan Adnan*, menunjukkan penjajahan tentera Jepun yang memasuki Tanah Melayu dengan menggunakan pelbagai teknik seperti menggunakan jalan laut dan penyamaran. Namun perkara tersebut diambil maklum oleh leftenan Adnan. Teks novel dan file mini akan dikaji kesahihan jalan ceritanya dengan menggunakan teori Intertekstualiti. Melalui kajian ini, maka jelaslah bahawa aspek patriotisme yang ada dalam skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dapat memberikan kesedaran kepada individu, masyarakat dan negara tentang penting hidup dalam cinta akan tanah air.

3.3.1 Kaedah Internet

Di era globalisasi ini, pengkaji telah diberikan inisiatif untuk mengunjungi laman-laman web yang berdaftar, untuk mencari data-data yang diinginkan. Kajian yang dilakukan dalam laman sesawang perlu penelitian yang lebih, hal ini kerana data-data yang dikongsikan dalam Internet tidak kesemua mempunyai nilai ketulinan dan berkualiti. Namun demikian, pengkaji menggunakan laman sesawang Google Scholar dan My Athens, Scribd, Research Gate, serta YouTube bagi mengumpulkan bahan kajian berdasarkan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan kemudahan laman sesawang yang diberikan oleh pihak

perpustakaan untuk memudahkan pengkaji bagi mengesan jejak buku atau rujukan yang diperlukan. Sumber ini menunjukkan bahawa satu sumber yang sistematik yang boleh digunakan kepada pengkaji untuk meneliti bahan kajian di mana-mana institusi yang ingin dicari.

3.3.2 Kaedah Kepustakaan

Perpustakaan adalah suatu sumber yang besar dalam setiap kajian penyelidikan. Sekiranya pengkaji tidak menggunakan kemudahan yang tersedia di dalam perpustakaan, maka mereka memberikan hujah dan huraiyan yang kurang lengkap. Hal ini kerana, pada setiap kajian pengkaji di bahagian rujukan, sudah semestinya diwajibkan untuk meletakkan sekurang-kurangnya lima buah buku yang dikaji. Pengkaji membuat penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan dan mendapatkan setiap bahan rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, di kampus (UMK) iaitu di Bachok, Pengkalan Chepa dan Jeli. Kaedah kepustakaan ini dilakukan untuk mendapatkan buku, jurnal, artikel, majalah, dan fail-fail yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini adalah ingin meyakinkan bahawa setiap data yang diperoleh mempunyai ketulenan dan kesahihan dalam teks. Oleh yang demikian untuk mendapatkan kesahihan data tersebut pengkaji perlu menyatakan kaedah kajian kepustakaan untuk menghuraikan di dalam kajian penyelidikan.


3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji telah mengeluarkan isu-isu yang ingin dibahaskan terlebih dahulu daripada punca utama iaitu dari teks novel dan skrip serta dialog di dalam novel dan filem yang dikaji. Penulisan dapatan kajian yang didapati daripada penapisan teks yang dilakukan boleh diungkapkan dalam bentuk kepelbagaiannya. Pengkaji boleh menulis data tersebut dalam bentuk bertaip, bertulis, gambaran rajah, gambar peta minda dan lain-lain. Namun begitu, dalam kajian


berilmiah ini pengkaji lebih menggunakan teknik pemahaman dalam setiap hasil kajian bagi menyampaikan maklumat dan data kajian dengan mudah difahami oleh pengkaji lain.

Pengkaji menggunakan pelbagai kaedah dan cara untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang dilakukan. Oleh yang demikian, pengkaji telah merujuk skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* mendasari teori Intertekstualiti. Untuk mendapatkan ketelusan dalam pengkajian, pengkaji menjaga kata kunci kajian iaitu “patriotisme”. Garisan yang dilakukan amat berguna kepada pengkaji untuk mencari jurnal dan data-data yang diperlukan untuk menguatkan fakta yang dikongsikan dalam penulisan projek penyelidikan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



Rajah 3.1 Jadual Analisis Teks Berdasarkan Kajian Kualitatif Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008).



Rajah 3.2 Jadual Analisis aspek Patriotisme di dalam Skrip Filem Berdasarkan Kajian Kualitatif Filem *Leftenan Adnan* (2000).

3.4 Teori Intertekstualiti

Ideologi teks yang dikaji, wujud dalam karya teks yang lain. Orr, M. (2010), berpandangan bahawa setiap teks mempunyai persamaan yang diwujudkan dalam pelbagai variasi, namun terselit juga nilai ekstrinsik dan instrinsik yang sama dengan teks yang lain. Hal ini kerana manusia itu mempunyai adab, budaya, sejarah yang seakan-akan sama dan perkara tersebut diluahkan ke dalam bentuk teks dan karya sastera. Sudut luahan yang dilakukan mempunyai aspek penyampaian yang sama namun berbeza kriteria setempat. Hubungan antara sebuah teks dengan teks yang lain bukan sekadar pada teks baharu dan teks lama, namun pengkaji dapat melihat perkaitan antara teks yang dihasilkan oleh dua tokoh yang berbeza membawa perwatakan watak utama yang serupa. Huraian ini membawa maksud bahawa teori Intertekstualiti ini boleh diguna pakai untuk mengkaji teks-teks karya sastera yang berkembang mengikut peredaran zaman. Mikhail Mikhailovich Bakhtin merupakan pelopor Rusia dalam gerakan kritikan dan beliau adalah di antara pemikir idealogi yang berkaitan dengan teks dan bahasa sastera pada abad ke-20, idealogi tersebut dipanggil Dialogisme.

Hayati Harun (2003) menyatakan bahawa setiap pengucapan yang dilakukan yang berkaitan dengan isu-isu sosial dan budaya telah mempengaruhi bidang penghasilan karya sastera, ia memberikan idea kepada pihak penulisan. Hasil tulisan yang kritis dan telus daripada pengkarya adalah dipengaruhi oleh persekitaran penulis itu sendiri, di mana persekitaran itu mempunyai banyak ragam manusia yang sedang berinteraksi antara mereka dan alam semula jadi. Namun begitu terdapat sedikit kekurangan yang dapat dikesan di dalam teori dialogisme ini yang berkaitan dengan linguistik. Aliran Bakhtin ini kurang berminat dengan linguistik dan lebih tertarik dengan bahasa atau wacana yang berkaitan dengan perkembangan sosial yang berlaku di sekitar mereka. Ketidakselarian pemikiran ini, telah wujud aliran Strukturalisme yang lahir daripada kelompongan aliran Bakhtin.

Teori Dialogisme kemudiannya dialihkan kepada teori Intertekstualiti oleh Julia Kristeva. Julia Kristeva telah mengembangkan teori Intertekstualiti ini ke dalam bentuk penulisan dan diterangkan melalui buku yang dihasilkan oleh beliau yang berjudul “Semiotike”. Julia Kristeva berpendapat bahawa teori Intertekstualiti ini berlaku kerana terdapat penyerapan di antara teks yang dikarang dengan teks yang dibaca atau dirujuk. Hal ini kerana tidak mustahil bagi seseorang menghasilkan karya dengan tidak merujuk daripada mana-mana sumber teks. Komponen utama dalam teks seperti tema, plot, latar cerita, akan disusun mengikut kehendak pengkarya itu sendiri mengikut cerita yang ingin disampaikan. Penyesuaian teks semasa menghasilkan karya sangat penting, untuk menjaga kesinambungan di antara jalan cerita yang ingin disampaikan.

Shuib Dan (2005) telah mengkaji kata-kata dan pendapat Roland Barthes tentang definisi teori Intertekstualiti. Roland Barthes (1977), berpendapat bahawa teori Intertekstualiti adalah “*a text... is a multi-dimensional space in which a variety of writing, none of them original, blend and clash. The text is a tissue of quotations drawn from innumerable centers of culture*”. Variasi yang dimasukkan bersama ke dalam satu teks menyebabkan kepelbagaiannya adalah budaya masyarakat yang wujud dalam pebagai bentuk entiti yang tidak boleh dikawal iaitu imajinasi pengkarya untuk terus berkarya mengikut rentak pemikiran mereka. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan hasil karya yang memukau pembaca, pengkarya perlu meletakkan diri mereka ke dalam karya mereka untuk menghidupkan watak dan tema karya tersebut. Walaupun bukan semua perkara yang asli, namun pengkarya dapat membawakan mesej yang penting dalam karya yang dilakukan.

Susri Inarti (2016) menegaskan gagasan pemikiran pengkaji lepas berkaitan dengan Intertekstual. Susri Inarti memperkemaskan penelitian Intertekstualiti di dalam kajian beliau, dengan menyatakan bahawa Intertekstual diciptakan untuk mendalami makna-makna yang tersembunyi di dalam karya-karya yang dihasilkan oleh pengkarya. Penerapan yang digunakan


di dalam karya tersebut akan diteliti secara mendalam untuk mendapatkan kunci kekuatan teks yang disampaikan. Penelitian teks dengan menggunakan teori Intertekstualiti boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, sebagai contoh teks novel dan filem, novel dan sajak, novel dan puisi, lirik lagu dan cerita mitos dan sebagainya. Suku kata “teks” adalah berasal daripada bahasa latin “textus” yang membawa makna tenunan, anyaman, kolaborasi, dan jalinan. Oleh yang demikian untuk menghasilkan teks itu sendiri perlu mempunyai jalinan kolaborasi yang tersendiri bersama-sama dengan teks yang lainnya. Perkara tersebut tidak akan menganggu proses penghasilan karya. Hal ini kerana setiap hasil yang dilakukan oleh pengkarya adalah berbeza-beza dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Eris Firmayatni (2017), perpendapat bahawa hasil karya yang dipersembahkan adalah merupakan pantulan daripada budaya masyarakat setempat. Budaya tempatan akan digarapkan secara automatik ke dalam karya yang dihasilkan. Pihak pembaca boleh menilai dan mengkaji teknik kepengarangan dan sebagai nya di dalam karya yang dihasilkan. Pembaca boleh meneliti karya tersebut dengan teori Intertekstualiti.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.5 Kerangka Teoritikal

Jalan untuk pengkaji menjawab objektif kajian perlu dipelakukan carta alir seperti kerangka teoritikal, bagi memudahkan urusan dan panduan kepada pengkaji dalam melakukan kajian penyelidikan.



Rajah 3.3 Jadual kerangka teoritikal

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhan, perkara yang perlu difokuskan dalam menjalankan sesuatu kajian penyelidikan yang berkaitan, pengkaji perlu bersedia dan cakna tentang kaedah kajian. Kaedah kajian menjadi nyawa kepada setiap kajian penyelidikan yang bermutu. Penggunaan kaedah kajian ini adalah untuk mendapatkan data sokongan dengan telus mendasari aspek patriotisme yang diperlukan oleh pengkaji. Data yang dijumpai memerlukan proses penyaringan terlebih dahulu terutamanya data tentang fakta-fakta atau susur galur seseorang tokoh yang terdapat di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* khususnya. Tugas kaedah kajian ini adalah untuk menyenaraikan jenis-jenis kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji. Metodologi kajian adalah berfungsi sebagai struktur yang perlu wujud dalam setiap kajian. Walaupun mendasari dua perkara yang berbeza namun dapat melengkapi kajian dengan sebaik yang mungkin sekiranya diterapkan dan difahami struktur sebenar objektif kajian yang telah diwujudkan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kunci kejayaan yang ada pada sesuatu kajian adalah menerusi metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji. Hal ini kerana sekiranya metodologi kajian yang digunakan tidak tepat, maka akan wujudnya ruang keraguan kepada penilai tentang huraian kajian penyelidikan yang dilakukan. Oleh yang demikian, metodologi kajian amat penting untuk menjaga data-data pengkaji daripada sebarang persoalan yang akan diutarakan daripada pihak panel.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian penyelidikan ini mendiskusikan sejarah perjuangan yang membataskan kepada skrip dan teks novel KOMSAS (Kompenan Sastera) sahaja. Pembahasan yang mendalam berkaitan dengan unsur patriotisme menerusi skrip filem *Leftenan Adnan* yang diarahkan oleh Aziz M. Osman pada tahun 2000 dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang juga mengetengahkan tokoh perjuangan kemerdekaan yang sama iaitu Leftenan Adnan bin Saidi, pejuang kemerdekaan pada tahun 14 Februari 1942 bagi Tanah Melayu dan Singapura yang diterbitkan pada tahun 2008 oleh Abdul Latip Talib. Tema karya sastera berkaitan dengan sejarah kemerdekaan sudah sinonim dengan kehidupan masyarakat di Nusantara ini. Karya yang dikaji menceritakan keadaan dan suasana sebuah peradaban yang dijajah oleh negara Barat. Penentangan yang dilakukan seperti berperang, menentang, dan memberontak dalam menuntut hak kemerdekaan tanah air dari dijajah. Kajian ini mengaplikasikan kajian analisis kandungan dan teori sastera pascamodenisme iaitu Intertekstualiti melalui prinsip Transformasi, dibawah falsafah Barat Mikhail Bakhtin dan Julia Kristeva.



4.1.1 Kerangka teori Intertekstualiti yang digunakan dalam Bab 4

4.2 Sinopsis skrip filem *Leftenan Adnan*, Aziz M. Osman (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib (2008)

Sinopsis skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , penerbit Aziz M. Osman (2000)	Sinopsis novel Kompenan Sastera <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , karya Abdul Latip Talib (2008)
<p>Filem yang mengangkat tokoh perjuangan Leftenan Adnan Saidi yang syahid di medan perang semasa melawan tentera Jepun di Bukit Candu, Singapura pada 14 Februari 1942. Beliau mengetuai Batalion Rejimen Askar Melayu yang pertama.</p> <p>Leftenan Adnan direkrutkan sebagai Askar Melayu terbaik, dan kemudian dinaikkan pangkat menjadi Kolo Sarjan serta beliau dapat menyertai pembarisan hormat ke atas Raja England yang ke VI. Leftenan Adnan dikahwinkan dengan Safiah, mereka dikurnia tiga orang cahaya mata. Terdapat pertubuhan politik yang melawan penjajah British semasa permulaan British menakluki Tanah Melayu. Sehingga ada di antara ahli politik Tanah Melayu yang menjadi tali barut kepada pihak Jepun. Hal ini kerana mereka terlalu taksub dengan perjanjian yang dilakukan oleh Jepun kepada orang Melayu iaitu dengan berslogarkan “Asia untuk orang Asia”. Selain daripada itu, ideologi yang tidak selari di Tanah Melayu antara orang Melayu dan Cina menyebabkan berlaku pertubuhan Komunis dalam menentang Jepun kerana Jepun tidak suka akan penduduk China yang berada di Tanah Melayu.</p> <p>Kesan daripada perkara di atas telah mencetuskan pergolakan di antara Komunis, tentera British, askar Melayu dan tentera Jepun berada di Medan pertempuran. Perjuangan askar Melayu adalah untuk mendapatkan hak yang dirampas oleh penjajah.</p>	<p>Novel KOMSAS ini, telah digunakan dalam sistem pendidikan tingkatan empat di Kajang, Selangor.</p> <p>Darah kepahlawanan yang diwarisi oleh Leftenan Adnan melalui moyangnya, Datuk Siamang Gagap telah melahirkan generasi tentera yang sejati. Leftenan Adnan bersekolah di sekolah Inggeris di Sungai Ramal. Kebanyakan pelajar di sekolah tersebut adalah golongan bangsa Cina dan India sahaja. Hal ini kerana Pak Saidi perpendapat bahawa, perjuangan pada era pascamoden memerlukan pendidikan untuk melawan penjajah. Hal ini kerana zaman sudah berubah dan tidak sama dengan pejuang-pejuang dahulu yang menentang secara terbuka, seperti berperang sehingga berlaku partumpahan darah di antara pihak penjajah.</p> <p>Leftenan Adnan pernah menjadi seorang guru, sebelum memasuki bidang tentera. Leftenan Adnan diberikan peluang untuk memberikan penghormatan kepada Raja England yang ke VI di England. Selepas pulang ke kampung, Leftenan Adnan dikahwinkan dengan Sophia.</p> <p>Leftenan Adnan perlu mempertahankan Pasir Panjang dan Bukit Candu daripada tentera Jepun. Leftenan Adnan telah dibunuh dengan kejam oleh tentera Jepun dan ahli keluarganya juga turut di buru. Pak Saidi mati di bunuh oleh tentera Jepun. Mak Milah meninggal kerana sakit serta Sophia dan anak-anak Leftenan Adnan lari menyembunyikan diri.</p>

4.3 Mengenal pasti Aspek Patriotisme yang Terdapat di dalam Skrip Filem *Leftenan Adnan* (2000) dan Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) Menggunakan Kaedah Analisis Kandungan

Perkataan unsur menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) bermaksud aliran kecil yang terlahir dari zarah-zarah kecil. Apabila aliran kecil itu dikumpulkan, lalu akan menjadi satu gagasan yang kukuh dan saling bekerjasama dianatara satu sama lain. Manakala Patriotisme lahir daripada dua patah perkataan Yunani iaitu peter yang bermaksud bapa dan patris bermaksud tanah. Apabila dua patah perkataan ini digabungkan menjadi satu patah perkataan “patriotisme” maka terbitnya satu makna iaitu rasa cinta terhadap tempat kelahiran dan tempat dibesarkan. Semangat yang ada pada anak watan mempertahankan tanah air daripada dijajah adalah salah satu daripada unsur patriotisme. Semangat itu menjadi pembakar kepada jiwa manusia agar terus berjuang dan belajar untuk mengimbangkan diri dengan ilmu mempertahankan diri serta akademik bagi melakukan pertahanan awal menentang penjajah tanah air. Semangat yang berkobar-kobar dalam diri anak watan yang dititipkan pada zaman kecil mengundang bahana kepada penjajah di masa hadapan. Disebabkan oleh faktor persekitaran pada era penjajahan, maka semangat anak watan itu berdiri kukuh di dalam jiwa mereka untuk mendapatkan keamanan dan kesejahteraan di dalam kehidupan. Pemuda yang mempunyai darah pejuang, berjalan seiring dengan waktu akan memperjuangkan hak mereka secara bersungguh-sungguh sehingga ke titisan darah terakhir bagi mendapatkan kemerdekaan kembali.

4.3.1 Mengaplikasikan Seni Mempertahankan Diri Seperti Silat di dalam Karya

Seni sebuah perkataan adjektif (kata kerja) menzahirkan kehalusan jiwa yang murni dalam melakukan perkara melibatkan keindahan. Seni mempertahankan diri perlu ada di dalam diri

seseorang individu. Seni mempertahankan diri telah menjadi satu fenomena dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat di Malaysia untuk meningkatkan dan meneutralkan kembali tahap kesihatan mereka. Seni yang ada di dalam pertahanan diri ini berfungsi sebagai mengelakkan berlaku sebarang kecederaan yang parah pada mana-mana pihak sama ada dari pihak lawan atau sebaliknya. Silat adalah ilmu untuk membela diri yang dapat diamalkan dan dipraktikkan oleh kaum lelaki dan wanita. Sebagaimana yang dikatakan di dalam keratan akhbar Utusan Borneo yang dihasilkan oleh Henrietta Liza (2017), pergerakan bunga tari silat perempuan lebih lembut berbanding daripada pergerakan bunga tari silat lelaki. Tuntasnya selain daripada digunakan sewaktu pertelingkahan, silat dapat mengaktifkan pergerakan jantung dan paru-paru secara konsisten lebih-lebih lagi silat ini amat digalakkan kepada perokok tegar yang mempunyai penyakit *immunologi* (asma). Oleh yang demikian pada zaman dahulu, golongan-golongan pahlawan mempelajari ilmu silat untuk mempertahankan dan melindungi diri mereka daripada serangan musuh. Selain daripada itu ilmu silat juga dapat memelihara kudrat tubuh badan mereka daripada terus di mamah usia tua. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak hanya bergantung kepada senjata semata-mata untuk melawan musuh, bahkan mereka menggunakan ilmu mempertahankan diri dan kudrat manusia itu sendiri untuk menentang musuh.

Perihal seni mempertahankan diri, silat turut diterapkan di dalam petikan skrip filem *Leftenan Adnan*, Aziz M. Osman (2000) menerapkan seni silat semasa Leftenan Adnan sudah menginjak dewasa. Manakala di dalam novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, Abdul Latib Talib (2008) meletakkan seni silat dalam watak Leftenan Adnan sedari kecil lagi. Mila Mardhotillah dan Mohammad Zein (2016) berpendapat bahawa silat bukan sahaja seni yang dapat membela diri, namun ia dapat dikaitkan dengan konteks senaman badan yang dapat dipraktikkan kepada generasi kini. Silat turut berfungsi sebagai meningkatkan produktiviti insani dan jasmani manusia itu sendiri. Ilmu mempertahankan diri sangat dituntut oleh

masyarakat Melayu agar budaya tersebut tidak ditelan zaman. Irma Wani Othman (2019) menyatakan bahawa pembentukan individu dibantu oleh budaya yang diamalkan oleh masyarakat yang hidup di sekitarnya. Semakin kukuh budaya yang diamalkan semakin kuat jaringan rohani dan intelektual individu tersebut dengan individu yang lain.

[O1] Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Semasa dewasa, Adnan mempelajari silat bersama Guru Silatnya.</p> <p>Guru Silatnya berkata...</p> <p>“Aku tidak suruh kau mendurhakai orang tua, tapi apa yang kamu peroleh ini, belum cukup untuk kamu berhadapan dengan penjajah yang datang dengan kelengkapan dan ilmu peperangan yang tinggi.</p> <p>Kita mesti belajar ilmu peperangan tidak kira dengan siapa saja. Walau penjajah sekalipun. Kadang kala, belajar ilmu dari musuh lebih memberi manfaat kepada kita. Yang penting, berjuanglah kamu demi menuntut hak. Sesungguhnya mati syahid itu, amat mulia disisi Allah daripada berpeluk tubuh tanpa berbuat sesuatu untuk agama, bangsa dan tanah air.”</p> <p style="text-align: center;">21:20 saat- 22:12 saat</p>	<p>Dari jauh lagi Pak Saidi membunyikan loceng basikalnya. Mendengar deringan loceng itu, ketigatiga anak lelaki Pak Saidi yang sedang berlatih silat di halaman rumah berlari menyambut kepulangan ayah mereka.</p> <p style="text-align: right;">Muka Surat 26/ 358</p>

Petikan di atas menunjukkan bahawa Leftenan Adnan telah dibesarkan dengan ilmu persilatan untuk mempertahankan diri dan melasakkan diri. Untuk menuntut ilmu silat memerlukan “tok guru” atau orang yang lebih berilmu dalam bidang persilatan. Tok guru biasanya akan mengetahui teknik dan gerakan silat yang sesuai dengan usia pesilat. Terdapat dua watak yang memberi bimbingan kepada leftenan Adnan dalam bidang silat iaitu guru silatnya yang ditunjukkan di dalam filem *Leftenan Adnan* pada minit yang ke 21:20 saat sehingga 22:12 saat. Guru silat itu berpesan supaya amalan seni membela diri ini perlu dipelajari oleh semua terutama golongan muda. Namun begitu Guru Silat itu tidak menafikan

walaupun golongan muda mempunyai ilmu silat yang tinggi, namun ilmu silat itu tidak cukup untuk melawan penjajah yang dilengkapi dengan senjata yang moden. Oleh yang demikian Guru Silat menggalakkan golongan muda di kampung Sungai Ramal itu menyertai unit ketenteraan dengan keizinan ibu bapa supaya golongan muda di Tanah Melayu dapat mempelajari ilmu peperangan yang ditunjuk ajar oleh pihak British pada ketika itu. Tidak salah untuk menuntut ilmu dengan penjajah, asalkan ilmu yang didapati itu memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara kita. Selain daripada itu Guru silat juga menyatakan bahawa “mati syahid” adalah anugerah yang akan diperolehi oleh sesiapa sahaja sekiranya mereka pergi berperang untuk menuntut keadilan, keamanan, dan kesejahteraan agama, bangsa, dan negara.

Watak yang kedua yang melatih Leftenan Adnan di dalam bidang silat iaitu Pak Saidi, bapa kepada Leftenan Adnan sendiri. Novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* turut mengangkat watak Pak Saidi yang mempunyai aliran darah pahlawan yang diwarisi daripada arwah datuk Pak Saidi iaitu Datuk Siamang Gagap yang memimpin angkatan perang Seri Menanti pada suatu ketika dahulu. Melalui pengalaman yang ada, Pak Saidi melatih ketiga-tiga anaknya, iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah tentang ilmu persilatan dalam pada yang sama, Pak Saidi sangat merasa bangga apabila anak-anaknya berminat di dalam bidang seni mempertahankan diri. Selain daripada ilmu silat, Leftenan Adnan juga mempelajari ilmu bertinju. Ini menunjukkan bahawa bimbingan atau tahap budaya seni mempertahankan diri yang dipraktikkan oleh sesebuah keluarga adalah penting kepada tumbesaran anak-anak mereka. Walaupun keluarga Leftenan Adnan hidup di dalam serba kekurangan, semangat dan kudrat yang ada pada seorang ayah mampu membuatkan anak-anak mereka mengerti tentang perjuangan dalam menuntut hak kemerdekaan sehingga mampu mempertaruhkan nyawa mereka sendiri di medan peperangan.

4.3.2 Pengaplikasian Konsep Setia Kawan untuk Bersama-sama Mempertahankan Bangsa, Agama dan Negara daripada Dijajah.

Setia kawan membawa kepada kesejahteraan di dalam kehidupan. Untuk memenuhi komponen di dalam konsep kesetiaan memerlukan jaringan di antara seorang individu dengan individu yang lain. Sikap setia kawan bermain peranan untuk menerapkan unsur patriotisme di dalam jiwa seseorang individu. Keberkesanan sifat kesetiaan ini dapat dilihat melalui kisah Leftenan Adnan yang bersama-sama memasuki bidang ketenteraan dengan sahabatnya dan perkara tersebut telah membuktikan bahawa pengaruh daripada kawan adalah perkara yang sangat dominan dalam kalangan masyarakat di Kampung Sungai Ramal, Kajang. Pengaruh rakan sebaya itu wujud di dalam kalangan masyarakat setempat terutama di Asia.

Menerusi penerangan tentang pengaruh ini, Mohd Khairul Naim Che Nordin dan Muhamad Syafriz Mhd Nazer (2020) menerangkan bahawa di dalam bidang ketenteraan sudah mempunyai unit penguatkuasa anti penganas yang khas (*E8*) untuk membanteras tentera-tentera yang cenderung untuk menjadi terorisme. Terorisme ini timbul oleh kekurangan ilmu agama, faktor ideologi dan identiti, faktor pengaruh sumber dalam talian yang tidak terkawal, dan pergolakan yang berlaku di negara Islam yang di perang oleh musuh Islam. Aspek patriotisme adalah berbeza dengan ideologi gerakan terorisme walaupun tujuannya sama iaitu untuk menjulang kemerdekaan, akan tetapi cara yang dipraktikkan adalah berbeza. Oleh yang demikian untuk menjaga diri daripada tunduk akan fahaman yang membawa aliran penindasan, pemberontakan, dan gencatan senjata, golongan muda seperti Adnan perlu memilih kawan dengan sebaiknya kerana pengaruh daripada kawan itu adalah besar impaknya.

Petikan skrip filem <i>Lefthenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefthenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perjalanan tiga sekawan iaitu Adnan, Malik, dan Ismail yang merancang untuk melarikan diri daripada rumah masing-masing untuk memasuki latihan pemilihan ketenteraan di Port Dickson tanpa keizinan daripada ibu bapa mereka.</p> <p>Setibanya mereka di kem ketenteraan di Port Dickson, pelbagai latihan yang diberikan untuk menguji tahap kelasakan pemuda Melayu sebelum direkrutkan menjadi seorang tentera yang terlatih.</p> <p>Namun begitu selepas menjalani latihan pemilihan rekrut, hanya Adnan dan Malik sahaja melepas pemilihan untuk menjadi askar terlatih, manakala Ismail tidak terpilih.</p> <p>Pelbagai rintangan yang dihadapi oleh Adnan dan Malik semasa latihan tentera dijalankan keatas diri mereka.</p> <p style="text-align: center;">23:15 saat- 30:55 saat</p>	<p>Mamat menyampaikan berita kedatangan askar British adalah untuk mencari anak-anak muda kampung yang berminat menyertai pasukan Askar Melayu.</p> <p>“...Wajah Adnan berseri-seri menerima berita tersebut...”</p> <p>“Kalau begitu apa kata kalau kita mencuba nasib? Untung-untung kita diterima,” ajak Mamat.</p> <p>“Aku setuju. Macam mana kita nak memohon?”</p> <p>“Sesiapa yang berminat, mereka dikehendaki pergi ke kem latihan ketenteraan di Port Dickson.”</p> <p>“Port Dickson? Jauh tu.”</p> <p>“Kau tak sanggup?” duga Mamat.</p> <p>“Dah tentu aku sanggup. Bila kita nak pergi?” tanya Adnan tidak sabar.</p> <p>Adnan mengambil keputusan untuk menyatakan hasratnya kepada Pak Saidi dan Mak Milah untuk menyertai pasukan Askar Melayu. Selepas memujuk Mak Milah dapatlah keizinan kepada Adnan untuk pergi ke Port Dickson bersama dengan Mamat.”</p> <p style="text-align: right;">Muka surat 111- 112/ 358</p>

Petikan di atas menunjukkan bahawa Adnan dan kawan-kawannya mempunyai pertalian hubungan yang erat. Pada petikan skrip filem *Lefthenan Adnan* (2000) membuktikan bahawa golongan muda mengambil risiko dan mengikut gerak hati mereka tanpa mempedulikan nasihat ibu bapa. Apabila Adnan tekad untuk memasuki latihan ketenteraan, Adnan terus mengajak kawan-kawannya iaitu Malik dan Ismail untuk turut sama memasuki latihan ketenteraan. Walaupun pada mulanya Ramlah (emak Adnan) tidak merestui sekiranya Adnan memasuki pasukan ketenteraan, tetapi Adnan tidak mengendahkan perkara tersebut. Hal ini kerana niat Adnan merupakan niat yang suci daripada sisi seorang anak watan yang ingin menjadi pelindung negara daripada penjajah. Sudah pasti ia bukanlah satu halangan kepada

Adnan untuk terus mengejar cita-citanya menjadi seorang tentera yang berkarisma walaupun tidak mendapatkan restu daripada ibunya.

Manakala di dalam novel KOMSAS, *Lefthenan Adnan Wira Bangsa*, membawakan watak Adnan yang dipengaruhi oleh sahabat guru di sekolah serta di rumah, iaitu cikgu Salleh dan Mamat. Mamat membawa khabar berita gembira kepada Adnan perihal latihan ketenteraan yang bakal dijalankan di Port Dickson dan menggalakkan Adnan untuk menyertainya kerana menjadi tentera adalah cita-citanya sejak kecil lagi. Manakala cikgu Salleh turut menduga Adnan dengan soalan “kau tak takut mati” kerana beliau telah mengetahui akan cita-cita Adnan untuk menukar pekerjaan yang berlatar belakangkan guru kepada bidang keselamatan. Namun perkara itu dapat di tentang hebat oleh Adnan kerana cita-citanya sudah mula memunculkan diri, walaupun Adnan sudah menjadi guru di sebuah sekolah Melayu Sungai Ramal, perkara tersebut tidak mampu untuk diteruskan kerana jiwanya kuat di dalam bidang ketenteraan. Keteguhan diri dan tekad Adnan yang tinggi untuk mencapai cita-citanya sebagai seorang askar telah membawa dirinya dan sahabatnya Mamat ke kem ketenteraan di Port Dickson.

4.3.3 Pengaplikasian Sifat Seorang Ketua yang Demokratik.

Pengorbanan merupakan satu terma yang sangat besar di dalam jiwa pejuang-pejuang yang berbaju loreng. Nyawa mereka diibaratkan berada di hujung tanduk sekiranya memasuki medan pertempuran. Malangnya kisah perjuangan dan pengorbanan mereka tidak diangkat dan masih banyak lagi kisah yang tidak direkodkan berbanding yang telah direkod oleh pihak tertentu. Pengorbanan nyawa pejuang dalam menuntut kemerdekaan ini sangat memberi impak yang besar kepada perkembangan pemikiran keluarga, isteri, dan anak-anak tentera. Oleh yang demikian, coretan tentang pejuang yang pernah gugur di medan pererangan sedikit sebanyak akan mengubati hati waris tentera yang terkorban suatu ketika dahulu dalam menuntut

kemerdekaan. Selain daripada konsep berkorban di medan perang, di dalam agama Islam juga turut menerapkan konsep jihad di dalam medan perang. Rahim Affandi Abd Rahim dan Syamsul Azizul Marinsah, etc (2022) turut mengkaji kitab kitab jawi lama yang membawa tokoh ulama yang jihad menentang penjajah di Tanah Melayu. Ini membuktikan bahawa gerakan ulama juga memainkan peranan mereka di dalam membebaskan Tanah Melayu daripada gengaman penjajah. Kajian tokoh ulama yang dilakukan dapat menerapkan ideologi nasionalisme ke dalam jiwa pembaca. Muhammad Irsyad (2016), menghubungkan konsep jihad dengan nilai keupayaan dan kesungguhan manusia dalam menjauhi perkara yang negatif untuk mendapat keredhaan disamping mendekatkan diri kepada Allah swt. Apabila jihad bertunjangkan niat yang betul, Allah akan membantu hamba tersebut untuk mendapatkan kemudahan untuk menjalani sesuatu musibat. Keredhaan Allah di dalam berjihad di medan perang membawa panji untuk menegakkan agama Islam akan memberikan pahala yang berlipat kali ganda kepada mereka.

Petikan skrip filem <i>Lefthenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefthenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>“Mungkin mereka akan menang, tapi bukan kerana kita tidak melawan. Kau balik ke kubu kau...” kata Lefthenan Adnan kepada Ayob.</p> <p>Ayob membalas “baik tuan...” dan mula berundur ke kubu pertahanannya.</p> <p>Malik... kita tidak ada pilihan, bagitahu Sarjan Ngah tinggalkan satu seksyen. Tentera Melayu tidak dapat membendung tentera Jepun dan pergi mendapatkan bantuan di <i>White Gate</i>.” Ujar Lefthenan Adnan.</p> <p style="text-align: center;">1:17:23 saat- 1:18:06 saat</p>	<p>Saya tak menyesal, tuan, Malah berasa bangga kerana kita mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan tanah air. Dan kita sanggup berkorban nyawa untuk tugas ini,” jawab Sarjan Hasan.</p> <p>Lefthenan Adnan berasa senang hati mendengarnya. Tidak sia-sia dia mananamkan semangat perjuangan kepada anggotanya selama ini. Walaupun berjauhan dengan keluarga, namun ia tidak melunturkan semangat mereka untuk berjuang mempertahankan negara.</p> <p style="text-align: right;">Muka Surat 173/ 358</p>

Petikan Skrip filem *Leftenan Adnan*, menunjukkan bahawa terdapat penerapan pengorbanan seorang askar di dalam medan pertempuran. Sudah semestinya untuk menjadi seorang askar memerlukan semangat juang dan berjiwa matang supaya mereka tidak lemah semasa menghadapi serangan daripada pihak musuh. Perkara ini diambil serius kerana semangat yang lemah ini melibatkan jiwa dan memberi kesan kepada kesihatan mental tentera yang bertugas. Perkara tersebut telah terjadi kepada tentera yang bernama Ayob, yang terkasima dengan bilangan tentera Jepun, tidak putus-putus memerangi Askar Melayu dari Bukit Tanjung Penjuru, kemudian ke Bukit Pasir Panjang, dan di bukit Titi Sungai Pandan sehingga kekurangan rehat menjadikan Ayob ingin berputus asa di dalam medan pertempuran. Namun begitu ideologi itu ditempis oleh Leftenan Adnan dengan mengatakan bahawa “Mungkin mereka akan menang, tapi bukan kerana kita tidak melawan”. Leftenan yang juga memikirkan keadaan tersebut, telah membuat keputusan untuk mengarahkan tentera seksyen 3 di Bukit Titi Sungai Pandan berundur ke Gap House. Namun begitu semasa di Gap House, Ayob dan Darus telah melarikan diri ketika mereka ingin bergerak ke Bukit Candu, tempat pertahanan yang perlu mereka lindungi daripada pihak musuh. Ayob dan Darus berjaya melarikan diri. Namun umur mereka tidak panjang, kerana mereka telah bertembung dengan tentera Jepun di pertengahan jalan. Lalu mereka berdua menjadi korban kepada tentera Jepun. Orang sekeliling hanya mampu memberikan kata-kata semangat dan akhirnya terserah kepada diri sendiri untuk melakukan keputusan sama ada membinasakan diri atau sebaliknya.

Menerusi novel *Leftenan Adnan Wira bangsa*, seorang perwira dan ketua, perlu berkomunikasi dengan golongan bawahannya untuk mengetahui tahap kesedaran dan keseimbangan pemikiran yang ada pada mereka. Komunikasi itu adalah jaringan yang penting untuk merapatkan pertalian di antara golongan yang tinggi dan yang rendah dan tanpa membezakan pangkat dan darjah. Komunikasi yang dilakukan berhubungan secara langsung akan mengeratkan perhubungan silaturrahim, menumbuhkan konsep saling memahami, serta

memupuk kasih sayang bagi mengelakkan perpecahan dan kebencian, Andika Sari (2017). Leftenan Adnan cuba menerapkan konsep komunikasi secara langsung dengan Sarjan Hasan tentang perjuangan mereka untuk tanah air. Jawapannya, Sarjan Hasan masih bersemangat untuk berjuang bersama-sama dengannya di Bukit Candu, walaupun berjauhan dengan keluarga dan kemungkinan nyawa mereka akan diambil oleh penajah bila-bila masa sahaja. Sarjan Hasan berpegang dengan kata-katanya iaitu “kita sanggup berkorban untuk menyelesaikan misi ini”. Sadarlah Leftenan Adnan bahawa semangat patriotisme yang di suntik olehnya masih kukuh di jiwa Sarjan Hasan walaupun sudah ramai tentera lain menjadi korban di medan perang.

4.3.4 Penerapan Sokongan kepada Ahli Keluarga untuk Mengikut Jejak Langkah Menjadi Perwira Bangsa.

Sudah menjadi fitrah manusia menginginkan sokongan dan dorongan daripada orang sekeliling. Tambahan pula sokongan daripada ibu bapa yang disumbangkan melalui doa yang tiada hijab akan memberikan kekuatan yang luar biasa kepada diri seseorang. Tidak dinafikan, tidak semua orang mampu untuk memperoleh doa daripada insan yang tersayang, namun setiap tindak tanduk manusia sudah dikawal selia oleh sang pencipta dan setiap manusia itu mempunyai rezeki masing-masing yang sudah ditetapkan. Sokongan juga tidak cukup, jika disambut dengan jiwa yang kosong, kerana jiwa itu akan runtuh apabila sokongan itu musnah. Mempunyai jiwa dan cita-cita yang tinggi bakal melahirkan seorang individu yang bermatlamat di dalam menjalani kehidupannya. Siti Hajar Abu Bakar, Fatimah Abdullah, etc (2011) mengkaji pemikiran pada abad 21 yang telah memperkenalkan ideologi “Semakin kecil institusi kekeluargaan itu, semakin banyak sumber yang dapat dikumpulkan” terutama harta. Namun perkara tersebut menyebabkan kekurangan sokongan sosial di antara sesama manusia,

adik beradik dan ibu bapa kerana bilangan diperkecilkan untuk menampung kehidupan pada masa kini. Oleh yang demikian di dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* akan menerangkan bahawa pentingnya insititusi kekeluargaan yang mengetahui dan hidup di dalam keadaan sosial yang seimbang walaupun berada di dalam keadaan “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>“Abang tak kisah kalau kau nak masuk askar. Cuma, selama ni, kita biarkan orang lain yang menjaga tanah air kita, kita biarkan orang putih yang mempertahankannya, tanpa kita sedar, maksud niat disebalik mereka tu, ini tanah tumpah darah abang. Abang sepautnya menjaganya, pertahankannya. Sebab tu, abang jadi askar. Abang gembira kalau kau nak ikut jejak langkah abang. Tapi semangat mesti ada disini (di dada). Kalau benar-benar nak jadi askar yang Ikhlas.” kata leftenan Adnan menyumbang semangat kepada adiknya.</p> <p>“Bang, saya berikrar akan menjadi askar yang Ikhlas mempertahankan agama, bangsa dan negara.” Ucapan ikhlas daripada hati Ahmad.”</p> <p style="text-align: center;">20:35 saat- 21:35 saat</p>	<p>“Ahmad dan Amarullah memutuskan menyertai pengambilan terbaru itu di Port Dickson. Tiada siapa menduga, permainan olok-olok membawa mereka menerokai ke dunia baru. Dunia yang penuh cabaran. Di tangan mereka bukan lagi tergenggam senapang kayu, tetapi kini memikul senjata api. Kejayaan itu merupakan kebanggaan keluarga. Sudah tentu ayahnya berbangga apabila melihat ketiga-tiga anak lelakinya amat hebat dalam pakaian seragam.”</p> <p style="text-align: right;">Muka Surat 144/ 358</p>

Petikan yang dipaparkan di atas bersumberkan skrip filem *Leftenan Adnan* yang sedang menasihati adiknya iaitu Ahmad yang sedang keliru untuk memilih sama ada untuk terus tinggal di kampung bersama Pak Saidi dan Emak Ramlah atau keluar kampung mengikut jejak langkah abangnya, Adnan memasuki bidang ketenteraan sebagai Askar Melayu yang disegani ramai. Terdapat perasaan cemburu di dalam diri Ahmad kerana gadis yang disukainya akan dijodohkan dengan abangnya, Adnan. Ahmad melakukan konklusinya sendiri dengan menyatakan bahawa sekiranya dia menjadi seorang tentera, maka barulah dapat menarik minat anak-anak dara di kampungnya. Akan tetapi Adnan dapat memahami perlakuan adiknya itu. Oleh yang demikian Leftenan Adnan telah menyatakan sebagaimana yang di atas, bahawa

untuk menjadi seorang askar bukan sekadar untuk menempah nama semata-mata dan menjadi julangan kepada orang kampung. Namun ianya memerlukan pengorbanan mental dan fizikal dalam menjalankan tanggungjawab untuk menjaga keamanan agama, bangsa, dan negara. Memasuki bidang ketenteraan melibatkan kepentingan diri menyebabkan mental dan fizikal mudah rapuh.

Persekitaran di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* sedikit berbeza di mana ketiga-tiga anak lelaki Pak Saidi sangat meminati bidang ketenteraan. Minat mereka telah dipupuk sejak mereka kecil lagi. Sebagai contoh mereka dilibatkan dengan seni mempertahankan diri dan bebas aktif bersama kawan-kawan sekampung. Selain daripada itu, mereka juga didedahkan dengan cerita-cerita tokoh perjuangan yang pernah ada di Tanah Melayu yang di sampaikan oleh emak Ramlah sebelum anak-anaknya tidur. Adik beradik Adnan juga sudah mengambil maklum akan bapanya yang sangat menyokong mereka untuk menyertai bidang keselamatan, terutama dalam bidang ketenteraan. Adnan menyahut peluang dan ruang yang dia ada untuk menyertai bidang ketenteraan dan sanggup meninggalkan bidang tenaga pengajar di sebuah sekolah di Kajang. Semasa Adnan menceburি bidang ketenteraan, beliau dinobatkan menjadi askar Melayu yang terbaik dan kemudian beliau di naikkan pangkat sebagai Leftenan Adnan dan kemudian menyandang jawatan sebagai Kolo Sarjan. Kolo Sarjan adalah bertugas sebagai ketua di dalam gerakan sebanyak 2-6 batalion tentera apabila berada di medan pertempuran. Kenaikan pangkat yang diperolehi oleh Leftenan Adnan telah membuatkan adik-adiknya ingin mengikuti jejak langkah perjuangan abang sulung mereka. Segala keperitan yang pernah dialami oleh Pak Saidi untuk membesarakan anak-anak lelakinya telah membawa hasil. Sebagai seorang bapa Pak Saidi akan mendokong cita-cita anaknya yang suci untuk mempertahankan tanah air untuk menuntut kemerdekaan dan keamanan.

4.3.5 Pengaplikasian Teknik Berperang di dalam Medan Pertempuran

Ilmu itu tidak mempunyai sempadan dan ilmu juga dapat diperoleh di mana-mana sahaja di dunia ini. Namun begitu tahap pemikiran manusia tidak mampu untuk menakluki kesemua ilmu tersebut kerana tahap pemikiran manusia telah dibataskan. Oleh yang demikian, kepakaran seseorang itu berbeza dan perlu digabungkan di dalam satu struktur sesama mereka supaya mampu memberikan pelbagai pendapat agar mereka dapat berkongsi maklumat dan kepakaran baharu bersama-sama. Apabila pendapat yang dihujahkan diluar pengetahuan seseorang, maka individu lain perlu berfikir sejenak untuk memproseskan maklumat baharu yang didapati. Perkara tersebut mengekspresikan kebanggaan kerana terdapat ilmu baharu yang diperolehi. Ilmu di medan perang telah dipelajari oleh prajurit-prajurit terlebih dahulu sebelum mereka memasuki medan pertempuran. Selain daripada pembelajaran secara di dalam kelas, mereka turut didedahkan dengan mempraktikkan apa yang dipelajari di dalam tempur.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Leftenan : Ada yang tak kena, Adnan Ibrahim... cuba kamu perhatikan betul-betul... kumpulan askar Punjabi tu</p> <p>Ibrahim : Nampak macam askar British... tapi yang belakang tu... kenapa pendek?</p> <p>Leftenan : Kamu perhatikan senjata mereka...</p> <p>Ibrahim : Itu bukan pistol British...</p> <p>Leftenan : Itu pistol Jepun... jenis 44... maklumkan kepada kesemua anggota kita, bersiap sedia.</p> <p>Ibrahim : Baik Tuan.</p> <p>Leftenan : Tunggu arahan tembakan daripada saya</p> <p>Ibrahim : Baik Tuan.</p>	<p>'Cuba kamu perhatikan tentera Sikh itu. Ada yang tidak kena,' bisik Leftenan Adnan.</p> <p>'Apa maksud, Leftenan?' Sarjan Hasan kurang mengerti.</p> <p>'Tentera Sikh juga dilatih oleh British. Tetapi cara mereka tidak sama,' jawab Leftenan Adnan.</p> <p>'Apa maksud Leftenan?' soal Sarjan Hasan masih tidak mengerti.</p> <p>'Tentera British bergerak bertiga bukan berempat seperti mereka itu,' jelas Adnan.</p> <p>'Baru saya perasan. Mereka menyamar sebagai tentera Sikh bagi mengelirukan kita. Nampaknya mereka sengaja mencari nahas. Elok kita tembak mereka sekarang,' kata Sarjan Hasan.</p> <p>'Biar mereka terus berjalan sehingga hampir dengan kita. Kemudian baru lepaskan tembakan. Tetapi tunggu dulu arahan saya,' kata Leftenan Adnan.</p>

1:30:20-1:34:01 saat

Muka surat 295-296/583

Skrip filem *Leftenan Adnan*, telah menunjukkan Leftenan Adnan telah mengambil langkah berjaga-jaga semasa melihat askar Punjabi datang dari arah laut. Hal ini kerana laluan tersebut adalah laluan yang digunakan oleh pihak tentera Jepun untuk menyerang askar Melayu. Namun begitu Leftenan Adnan tidak terus mengeluarkan arahan untuk menyerang askar Punjabi tersebut. Malah Leftenan Adnan telah mengambil inisiatif untuk meminta pendapat daripada Ibrahim tentang Askar Punjabi yang menghampiri kubu pertahanan di Bukit Pasir Panjang itu. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun Leftenan Adnan merupakan ketua mereka, tetapi Leftenan Adnan turut meminta pendapat dan pandangan daripada Ibrahim. Sikap seorang Ketua yang merendah diri dan berhati-hati di dalam membuat keputusan telah membuktikan bahawa bekerja di dalam kumpulan itu adalah penting. Benar kata pepatah

Melayu, “bersatu teguh bercerai roboh”. Apabila Leftenan Adnan mengenal pasti wujudnya pergerakan dan serangan daripada pihak musuh menggunakan peralatan yang bernama *Baino*, iaitu alat untuk meneropong musuh dari jarak jauh mendapati bahawa terdapat perkara yang pelik di dalam sekumpulan askar Punjabi tersebut. Ibrahim cuba untuk melihat dan menyatakan kekeliruannya berdasarkan fizikal tubuh badan askar Punjabi di bahagian barisan belakang yang kelihatan pendek, kerana pada pengetahuannya Askar Punjabi ini bertubuh tinggi. Selain daripada itu, senjata yang digunakan oleh mereka juga menjadi spekulasi yang paling besar kepada Leftenan Adnan kerana Leftenan Adnan mengenali dengan baik senjata milik British. Senjata yang dipakai oleh Askar Punjabi itu adalah senjata Jepun jenis 44. Ini menunjukkan bahawa Leftenan Adnan melakukan pemerhatian yang mendalam terhadap senjata dan peralatan peperangan daripada pihak musuh.

Manakala watak di dalam novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* telah menerangkan bahawa pergerakan di dalam peperangan juga diambil kira untuk mengenali sama ada tentera yang menghampiri itu musuh atau pun sebaliknya. Leftenan Adnan juga turut meminta pendapat daripada Sarjan Hasan tentang kemaraan Askar Sikh ke kubu di Bukit Candu itu. Selain daripada itu, Leftenan Adnan juga mengetahui bahawa pergerakan yang dilakukan oleh askar Sikh akan sama dengan pergerakan askar Melayu kerana mereka lahir di bawah ajaran tentera British iaitu bergerak secara bertiga. Oleh yang demikian, Leftenan Adnan yakin bahawa itu adalah tentera Jepun yang menyamar menjadi askar Sikh. Leftenan Renya Mutuguchi menggunakan taktik penipuan dengan melakukan penyamaran ke Bukit Candu untuk menewaskan askar Melayu, namun taktik itu telah dikesan oleh Leftenan Adnan. Sangkaan Leftenan Renya Mutuguchi bahawa Askar Melayu mudah terpedaya meleset. Oleh yang demikian menunjukkan bahawa setiap persediaan latihan yang diberikan adalah berbeza mengikut ajaran masing-masing. Namun begitu sebagai ketua dan tentera yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara, mereka perlu mempelajari dengan lebih

mendalam dan peka tentang peralatan perang dan teknik di medan perang yang dipraktikkan oleh musuh. Terdapat dua komponen utama yang diangkat di dalam skrip filem dan novel iaitu jenis senjata api, bentuk fizikal tubuh badan musuh, dan cara pergerakan di dalam medan peperangan yang dapat difahami oleh Leftenan Adnan sebagai ketua.

4.3.6 Penerapan Kisah Pejuang-Pejuang Kemerdekaan di dalam Karya Filem dan Novel

Sejarah sudah dirisalahkan, namun tiada penghayatan yang mendalam oleh generasi kini. Melainkan Sejarah itu divisualkan dengan menggunakan teknologi terkini menggunakan teknik verbal kepada visual dan audio. Seperti mengadaptasikan naratif lisan kepada filem dan drama. Namun begitu setiap cerita yang dipaparkan sudah pasti akan diubah sama ada menjadi *loos adaptation*, *close adaptation*, dan sebagainya. Untuk menghasilkan cerita verbal ke visual memerlukan kos yang tinggi dan memerlukan kepakaran dalam penghasilan serta pengkaji untuk melakukan kajian dan pemerhatian yang mendalam agar tidak menyeleweng daripada fakta sejarah. Selain daripada itu terdapat juga satu kelemahan di mana kisah naratif lisan ini akan ditokok tambah mengikut kesesuaian serta atas faktor usia seseorang yang mempengaruhi ingatannya. Oleh yang demikian seorang berjiwa patriotisme akan terus menerus memanjangkan dan menyampaikan cerita pejuang-pejuang dahulu kepada generasi mereka supaya sejarah tokoh pejuang kemerdekaan bagi Tanah Melayu tidak hanya menjadi mitos semata-mata. Hal ini kerana semakin banyak cerita itu diketahui oleh masyarakat, semakin tinggi kebenaran cerita tersebut. Unsur patriotisme di dalam skrip dan novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini menunjukkan bahawa pengkarya memasukkan element tokoh pejuang-pejuang yang terkenal.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Sejarah Melayu membuktikan kita pernah menakluk Nusantara. Kita mampu membina empayar besar, mampu membuat kapal-kapal besar. Lebih besar dari Flora Delima milik Portugis. Itu sebelum kita dijajah.</p> <p>Orang lain nampak kelebihan kita, sebab itu mereka takut. Bila kita nak menuntut hak kita. Bertapa susahnya Paduka Seri Sultan Perak, Yam Tuan Besar Negeri Sembilan, Raja Chulan, dan Undang Luak Rembau, memperjuangkan untuk menubuhkan Askar Melayu, Kerana mereka tahu Melayu yang Merdeka, mampu mengegarkan dunia. Ingat! Bangsa Melayu bebas dan berdaulat dan bangsa Melayu juga yang mencipta pepatah “Biar putih tulang, jangan putih mata.” Kata Leftenan Adnan kepada tentera yang berlainan pangkat dibawahnya.</p>	<p>Menyebut tentang fakta sejarah pejuang-pejuang Tanah Melayu:</p> <p>“Gajah mati meninggalkan tulang. Harimau mati meninggalkan belang. Pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang itu pergi meninggalkan nama yang baik. Jasa dan pengorbanan mereka dikenang sepanjang zaman,” Kata Pak Saidi. “Orang Negeri Sembilan bangga dengan Pahlawan Mereka, Datuk Siamang Gagap yang menentang orang putih di Seri Menanti. Orang Pahang bangga dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau. Orang Kelantan bangga dengan Dol Said. Orang Sarawak bangga dengan Rentap. Orang Johor bangga dengan Si Bongkok Tanjung Puteri. Dan ramai lagi pahlawan terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi tanah air tercinta. Jasa mereka masih dikenang sampai sekarang. Kerana itu abang mahu anak-anak kita juga berjasa kepada bangsa, agama, dan tanah air,” katanya.</p> <p style="text-align: right;">M/s 11-12/ 358</p>

Menerusi skrip filem memaparkan bahawa Leftenan Adnan sedang menerangkan kelebihan yang ada pada Tanah Melayu sebelum dijajah oleh penjajah. Beliau turut berkeras mengatakan bahawa pejuang yang dilahirkan di Tanah Melayu sahaja yang akan berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Hal ini kerana Tanah Melayu adalah tanah tumpah darah mereka. Tanggungjawab mereka untuk menjaga dan memerintah Tanah Melayu berbanding dengan penjajah sangat besar. Motif penjajah menjajah Tanah Melayu kerana mereka ingin mengaut keuntungan hasil bumi yang ada di Tanah Melayu seperti bijih timah, emas, dan sumber rempah ratus. Ayob terus menentang hujahan daripada Leftenan Adnan dengan menyuarakan supaya askar Melayu menyerah kalah sahaja supaya tidak berlaku pertumpahan darah. Sekiranya askar Melayu tunduk kepada tentera Jepun, rakyat akan selamat. Tambahan pula Ayob menyatakan bahawa askar Melayu tidak dapat melawan kekuatan musuh yang akan menjajah kawasan Tanah Melayu kerana di atas faktor-faktor tertentu. Namun begitu di dalam skrip filem ini menegaskan bahawa pejuang-pejuang kemerdekaan bagi Tanah Melayu pernah

dijalankan, seperti pihak pembesar Tanah Melayu telah berhasil mewujudkan Angkatan Askar Melayu di Tanah Melayu supaya masyarakat Melayu dapat mempertahankan tanah air. Maka tugas mereka adalah untuk mengekalkan kesejahteraan.

Abdul Latib Talib juga menerangkan usaha seorang bapa iaitu Pak Saidi menyampaikan kisah-kisah Sejarah di dalam jiwa anak Melayu. Namun begitu pengetahuan tentang tokoh pahlawan itu di ambil dan diteliti melalui bahan pembacaan yang dihasilkan oleh Syed Syeikh al-Hadi yang banyak menerangkan tokoh-tokoh pejuang untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Pak Saidi mengamalkan penyampaian naratif lisan kepada anak-anaknya sebagai contoh tentang tokoh yang bernama Datuk Siamang Gagap, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Dol Said, Rentap, Si Bongkok Tanjung Puteri, dan tokoh-tokoh lain yang lahir daripada pelbagai tempat di daerah atau negeri yang ada di Tanah Melayu. Perbahasan mengenai tokoh sejarah ini adalah merupakan satu unsur patriotisme yang lahir daripada jiwa yang cinta akan tanah air dan sejarah perjuangan tokoh dahulu.

4.3.7 Penerapan Ideologi Berjuang Demi Menegakkan Agama Islam dalam Pentadbiran di Tanah Melayu

Hairuddin Megat Latif dan Che Asiah Abdullah (2008), menghuraikan kajian tentang agama dan kedaulatan Raja khususnya di negeri Melaka, iaitu negeri perdagangan yang kompleks kerana mempunyai hukum kanun laut Melaka untuk melindungi perlabuhan di negeri Melaka daripada musuh. Agama Islam dan Tanah Melayu ibarat isi dan kuku, untuk menjadi seorang sultan di negeri Melaka, kerabat diraja itu perlu beragama Islam. Pada kebiasaannya, rakyat akan mengikut kepercayaan dan amalan yang dilakukan oleh pemerintah. Disini ia menerangkan bahawa kuatnya kuasa pemerintah kerana dapat mempengaruhi kepercayaan dan pegangan agama kepada rakyat. Agama Islam sudah menjadi agama rasmi di Tanah Melayu.

Namun begitu terdapat satu isu yang dibahaskan pada tahun 2005, bahawa ideologi penjajah yang inginkan hak kesamarataan iaitu dengan memasukkan agama Islam di dalam IRC (Suruhanjaya Antara Agama) yang akan menjadi satu tahap yang sama dengan ajaran Kristian, Buddha, Hindu, dan Sikh di Malaysia. Namun begitu perkara itu ditentang kerana agama Islam tetap menjadi agama rasmi di negara Malaysia dibawah kedaulatan Kesultanan di Tanah Melayu. Perihal agama Islam dan adat istiadat kaum Melayu tidak dapat disentuh oleh mana-mana pihak kerana ia adalah isu sensitiviti orang Melayu. Orang Melayu sanggup berjuang menentang sekiranya agama Islam dan adat mereka ditentang dan ditolak kuasanya. Perkara di atas menerangkan bahawa di dalam jiwa orang Melayu mempunyai unsur patriotisme.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>“Jadi, Komunis berpihak kepada British?” tanya Ibrahim song kepada perisik Jepun.</p> <p>“Komunis selalu bagi susah Nipong di negeri China, disini pun Komunis mahu kacau. Nanti askar Nipong ajar sama mereka cukup-cukup. Kita kasi bunuh sama dia,” bentak perisik Jepun.</p> <p>“Awak jangan risau orang-orang Melayu tidak akan menyokong pihak Komunis” kata Ibrahim.</p> <p>“Kenapa?” tanya perisik Jepun.</p> <p>“Sebab Komunis tidak percaya kepada agama. Sedangkan orang-orang Melayu berpegang kepada agama Islam. Dan mereka berjuang demi agama, bangsa dan negara untuk bebas dan merdeka.” Terang Ibrahim kepada perisik Jepun tersebut.</p> <p style="text-align: center;">47:43- 48:19 saat</p>	<p>Sejak kecil ayahnya selalu menceritakan tentang kehebatan pahlawan-pahlawan Melayu seperti Mat Kilau, Datuk Maharaja Lela, Tok Gajah dan ramai lagi pahlawan Melayu terbilang berjuang sehingga ke titisan darah terakhir semata-mata untuk memperjuangkan tanah air daripada dijajah orang asing.</p> <p>Guru agamanya, Imam Ahmad juga sering memperdengarkan cerita tentang kehebatan pahlawan Islam. Antaranya Khalifah Umar, Abu Ubaidah, Salahuddin dan ramai lagi yang sanggup mati syahid demi menegakkan syiar Islam di bumi Allah. Dari situ timbul semangatnya untuk menceburি kerjaya itu bagi mempertahankan tanah air.</p> <p style="text-align: right;">Muka surat 101/ 358</p>

Kekuatan pegangan agama Islam yang ditunjukkan di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* menegaskan bahawa orang Melayu tidak akan menerima sebulat-bulatnya perjuangan tentera Komunis yang hendak melawan tentera Jepun daripada menjajah Tanah Melayu untuk mengambil alih pusat pentadbiran Tanah Melayu. Di antara faktor Komunis ingin menyerang

tentera Jepun adalah kerana tentera Jepun telah menjajah negara China. Tentera Komunis ini wujud adalah daripada hasil gerakan imigran bangsa Cina yang telah bermastautin di Tanah Melayu, namun begitu Komunis pada masa tersebut bersifat etis dan tidak percaya kepada mana-mana agama. Oleh yang demikian orang Melayu tidak akan bekerjasama dengan tentera Komunis kerana Orang Melayu berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Selain daripada itu, perjuangan Orang Melayu adalah berdasarkan agama, bangsa dan negara. Sekiranya mereka bekerjasama dengan Komunis, ia akan menjerat diri sendiri kerana Komunis tidak percaya kepada agama. Namun begitu Lee Kuok Tiung dan Mohd Safar Hashim (2015) telah menyatakan bahawa selepas Perang Dunia ke II, Orang Cina mula mengeluarkan akhbar di dalam bahasa Cina, yang membawa mesej-mesej negara-bangsa, keadaan negara China kepada golongan imigran dan akhirnya akhbar tersebut menjadi media perniagaan untuk memperkenalkan produk.

Novel KOMSAS *leftenan Adnan Wira Bangsa* menzahirkan agama adalah tunjang utama yang dipegang oleh tokoh pejuang dahulu untuk mendapatkan kemerdekaan. Perkara tersebut menunjukkan bahawa agama Islam itu penting untuk Tanah Melayu. Apabila perkara penting diusik oleh penjajah, maka perwira dan tentera perlu menentang kembali pengangan penjajah tersebut dengan menyatakan bahawa agama Islam adalah agama rasmi Tanah Melayu dan majoriti rakyat di Tanah Melayu adalah beragama Islam. Pertahankan agama Islam juga turut diklasifikasikan sebagai unsur Patriotisme. Hal ini kerana agama Islam adalah agama yang disyariatkan oleh Allah dan bukan daripada manusia.

4.4 Mengkaji persamaan dan perbezaan di dalam skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) dapat ditelurusi berlandaskan teori Intertekstualiti menerusi prinsip Transformasi

Teks merupakan agensi berbentuk tulisan yang menghubungkan sesuatu mesej kepada pembaca. Pembaca yang membaca teks tersebut sahaja akan merasai roh teks tersebut. Teori Intertekstualiti akan mengklasifikasikan secara tertib mengenai perubahan dan pembaharuan yang ada pada sesebuah teks sama ada dari segi skrip filem atau teks novel sastera. Penulis yang mapan akan menghidupkan teks yang dikarang melalui pengalaman, pemikiran, dan hasil dapatan yang bermanfaat pernah didapati dan perlu dikongsi dengan pembaca yang lain. Oleh yang demikian pentingnya pengkaji untuk mengkaji ideologi, falsafah, dan sejarah yang pernah berlaku di Medan pertempuran terutama yang melibatkan kemerdekaan di Tanah Melayu supaya mesej perjuangan di dalam medan pertempuran dapat dirasai bahangnya kepada anak-anak watan. Menerusi dapatan kajian skrip filem *Leftenan Adnan* dan novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* terdapat persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua karya tersebut. Walaupun pengkarya mengangkat tokoh pejuang Tanah Melayu dan Singapura yang sama iaitu Leftenan Adnan, namun sisi penceritaan yang difilemkan oleh Aziz M. Osman dan sisi penceritaan perjuangan Leftenan Adnan di dalam novel adalah berbeza secara interinsik dan dapat dikesan oleh pengkaji. Kewajaran alur cerita di dalam filem dan novel adalah berbeza. Pemerolehan kajian berkenaan dengan Leftenan Adnan yang diperolehi oleh pengarah Aziz M. Osman dan penulis novel Abdul Latip Talib adalah berbeza. Persamaannya adalah mereka mengkaji tokoh pejuang tanah air yang sama. Perincian persamaan dan perbezaan akan diterangkan melalui objektif kedua kajian ini.

4.4.1 Persamaan: Watak dan Perwatakan Anak Lelaki Sulung

Skrip filem *Leftenan Adnan* (2000) membawa watak seorang anak lelaki sulung yang berjiwa berani, watak utama di dalam karya yang dikaji iaitu Adnan bin Saidi yang sedang bermain perang olok-olok menggunakan senapang olok-olok bersama kawan-kawannya di bendang. Begitu juga dengan watak utama di dalam novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) mengisahkan ketangkasan Adnan dalam mengendalikan keris kayu pemberian daripada ayahnya dan ditusuk ke batang pisang di hadapan rumahnya. Secara imperikalnya, kedua-dua watak ini menggunakan senjata untuk mensasarkan musuh mereka yang berada di hadapan. Selain daripada itu, terdapat satu watak lain yang mengingatkan kepada diri Adnan supaya tidak melakukan perkara tersebut dan Adnan harus fokus kepada kesan yang akan didapati sekiranya Adnan tidak berhati-hati. Perwatakan Adnan juga dipengaruhi dan didorong oleh persekitarannya. Melalui filem, Adnan mempunyai kawan-kawan dan adik beradik lelaki. Sebagaimana yang kita ketahui lelaki ini adalah khalifah untuk memimpin di dunia ini. Oleh yang demikian tidak salah sekiranya mereka suka berperang olok-olok untuk menerapkan kepimpinan di dalam jiwa mereka. Manakala dalam petikan novel pengarang mengaitkan perwatakan Adnan yang suka menggunakan keris kayu kerana Pak Saidi selalu menerapkan diri Adnan dan adik beradiknya tentang Hang Tuah yang mempertahankan dirinya daripada musuh dengan menggunakan keris.

[O2] Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Adnan bersama kawan-kawan dan adiknya pergi ke sawah, untuk bermain perang olok-olok. Adnan mensasarkan Tok Mudim sebagai musuh dan Adnan dan kawan-kawannya sebagai askar.</p> <p>Adnan memberikan arahan kepada adiknya supaya meninjau musuh (ibu), takut-takut sekiranya ada musuh menyerang mereka dari belakang.</p> <p>Adnan mula duduk di tempat yang strategik untuk menyasarkan peluru olok-oloknya kepada musuh.</p> <p>Adik Adnan berteriak, “Abang... musuh...” Mereka dimarahi oleh Ramlah kerana pada mulanya Ramlah menyuruh Adnan memandikan adiknya, tetapi mereka malah pergi bermain perang olok-olok di bendang.</p>	<p>Adnan menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang sedang menikam musuh.</p> <p>Pak Saidi pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anak sulungnya itu lalu berkata, “Jangan tikam batang pisang itu. Nanti ia mati.”</p>

1:37 saat- 2:35 saat

M/s 10/ 358

Berdasarkan filem *Leftenan Adnan* yang menunjukkan Adnan berada di dalam persekitaran persahabatan yang menyokong beliau untuk menjadi seorang pahlawan agama, bangsa, dan negara. Adnan merupakan anak sulung, karakter yang ada pada Adnan adalah memerhati dan bijak bertindak dan mampu menjadi seorang ketua. Perkara ini ditunjukkan di dalam filem di mana Adnan dan kawan-kawannya bermain perang olok-olok dan Adnan menjadi ketua mereka mengarahkan mereka untuk membuat pertahanan di sayap kiri dan kanan agar Adnan dapat menembak musuh dengan jarak dekat. Perwatakan pemimpin kecil ini disanggah oleh Mak Milah yang tidak mahu Adnan menjadi askar kerana Mak Milah hanya dapat bergantung sepenuhnya terhadap Adnan untuk menguruskan adik-adiknya yang masih kecil.

Transformasi yang dilakukan di dalam novel KOMSAS *Leftenan Adnan Wira Bangsa* adalah menukar senjata yang dimiliki oleh Adnan dengan keris kayu. Penulis meletakkan nilai estetika tentang kisah keris kayu yang diperolehi daripada cerita Hang Tuah yang terkenal dengan ketangkasannya dalam penggunaan senjata tajam tersebut. Selain daripada itu, Pak Saidi seorang ayah yang bersifat memerhati akan perkembangan tumbesaran fizikal

dan rohani anaknya. Oleh yang demikian Pak Saidi selalu menjadi sandaran dan rujukan kepada Adnan terutama apabila melibatkan seni mempertahankan diri dan tentang pembelajaran.

4.4.2 Persamaan: Plot Kematangan Tok Mudim dalam Memberikan Nasihat kepada Kanak-kanak Lelaki

Untuk menjadi orang yang dewasa, mereka perlu melalui beberapa tahap kematangan bagi menentukan mereka boleh berhadapan dengan tanggungjawab yang lebih besar di kemudian hari bila umur mereka semakin dewasa. Tambahan pula anak lelaki yang banyak tanggungjawab yang perlu digalas seperti membantu ibu bapa, adik beradik, ahli keluarga, menjadi pelindung kepada anak-anak dan bekerja untuk menyara kehidupan keluarganya. Untuk menjadi pelindung kepada agama, bangsa dan negara juga adalah salah satu tanggungjawab yang perlu digalaskan oleh pihak lelaki. Kekuatan dan kudrat lelaki dan wanita adalah berbeza oleh yang demikian perkara ini sangat relevan pada suatu ketika dahulu semasa penjajah mula menjajah Tanah Melayu. Apabila penduduk Tanah Melayu dijajah, pasti akan ada seorang pejuang lelaki yang berjuang untuk menuntut hak kebebasan daripada dijajah. Oleh yang demikian anak-anak lelaki akan diberikan ilmu pengetahuan yang cukup untuk mereka berjuang menegakkan agama, bangsa dan negara.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Nasihat Tok Mudim:</p> <p>Adnan memberanikan diri semasa ingin berkhatau</p> <p>“Adnan, kelmarin kamu acu senapang kat atok kan? Hari ni atok nak tengok pistol kamu pulak... jangan takut, lepasni kamu sudah jadi anak teruna dah... ha minum air jampi tok ni... ha minuummm... apabila besar nanti, boleh jadi seorang pahlawan negara. Kamu tanggung warisan datuk nenek moyang kita... ingat! Terus berjuang membela agama, bangsa, dan tanah air kita. Ingat Adnan, jangan sia-siakan amanah yang diberikan kepada kamu.”</p>	<p>Nasihat Tok Mudim:</p> <p>“Semua orang lelaki mesti berkhatau. Selepas berkhatau nanti, kamu akan menjadi orang dewasa”.</p> <p>“Kamu seorang yang pemberani” puju Tok Mudim.</p> <p>Disamping Adnan sedang mencari ayahnya supaya ayahnya berpegang pada janji untuk membelikan dia sebuah basikal baharu sekiranya dia disunatkan.</p>

4:43 saat- 5:11 saat

M/s 80/358

Di dalam filem *Leftenan Adnan*, memberikan pandangan tentang nasihat yang diberikan oleh Tok Mudim kepada Adnan berkenaan dengan kehidupan selepas dia berkhataukan. Sebagai seorang anak lelaki dia mesti bertanggungjawab terhadap keamanan dan kesejahteraan agama Islam terutamanya, bangsa dan negara. Hal ini berkesinambungan dengan perbuatan yang dilakukan oleh Adnan iaitu bermain perang olok-olok dan menembak Tok Mudim di bendang semalam sebelum dimarahi oleh Mak Milah. Adnan perlu menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya agar kehidupannya berlandaskan perjuangan yang betul dan dia akan dihormati dan dihargai oleh masyarakat di atas tanggungjawab yang dijalankan.

Transformasi yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib iaitu Adnan telah tertarik kepada mencari ayahnya iaitu Pak Saidi dan menghiraukan apa yang dikatakan oleh Tok Mudim. Hal ini kerana minda dan pemikiran seorang kanak-kanak mudah terganggu apabila dia berada di dalam keadaan yang cemas. Tujuan utama Adnan mencari ayahnya adalah kerana menginginkan kepastian bahawa Pak Saidi akan membelikannya sebuah basikal selpas dia berkhatau. Selepas Adnan melihat Pak Saidi baru keadaan Adnan kembali tenang dan majlis

dimulakan. Ini mengambarkan keberanian yang terdapat di dalam diri Adnan yang dipupuk sejak kecil lagi oleh Pak Saidi.

4.4.3 Persamaan: Plot Penghinaan yang Dilontarkan oleh Penjajah kepada Orang Melayu

Penjajah adalah satu unsur yang ingin meluaskan tapak kekuasaannya. Hal ini kerana kuasa adalah benda yang paling disukai manusia kerana dengan kuasa mereka boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki. Selain daripada itu pemikiran institusi yang mempunyai kuasa besar ini adalah untuk membangunkan sesebuah tempat terpencil untuk memperkenalkan unsur kemodenan di dalam kehidupan. Terutama kepada golongan Barat yang mempunyai pengaruh kemodenan yang 100 tahun lebih moden berbanding di Asia.

Petikan skrip filem <i>Lefteenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefteenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Berlaku penghinaan terhadap orang Melayu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Orang Melayu jadi askar? awak ingat orang Melayu mampu menjadi askar yang baik? <p>“Ismail, awak ada kenal anak Pak Saidi?” tanya Tuan Esmate kepada pembantunya itu.</p> <p>“Ehh… cukup kenal tuan, nama dia Adnan. Kecil-kecil kami selalu main perang-perang, sekarang dia dah jadi askar. Saya pun ada juga minta tuan, tapi tak dapat.” Kata Ismail kepada tuan Esmate.</p> <p>“Orang Melayu jadi askar? Awak ingat orang Melayu boleh jadi askar yang baik?</p> <p>7:45 saat- 8:05 saat</p>	<p>Berlaku penghinaan terhadap orang Melayu:</p> <p>“Boleh kita bercakap dalam Bahasa Inggeris?” tanya Guru Besar Steward.</p> <p>“Saya tidak tahu cakap orang putih, tuan,” kata Pak Saidi pula.</p> <p>“Orang Melayu memang bodoh!”</p> <p>Berdeping telinga Pak Saidi mendengar kata-kata itu. Namun dia terpaksa menahan sabar kerana kedatangannya ke situ demi masa depan anak-anaknya. Sekiranya timbul sesuatu yang tidak diingini, bukan anaknya sahaja tidak dapat belajar di sekolah itu, malah mungkin dia akan ditangkap dan dikenakan sanksi.</p> <p>“Melayu malas sebab itu miskin.” Kata Guru Besar Steward.</p> <p>M/s 75-76 /358</p>

Pembahasan tentang penghinaan yang ada di dalam kedua-dua karya filem dan novel cukup jelas untuk menerangkan bahawa penjajah memandang serong terhadap penduduk di Tanah Melayu. Walaupun transformasi yang dilakukan oleh pengarang dengan menukar nama, dan pangkat orang Inggeris itu, tetapi mesej yang disampaikan adalah sama iaitu sejauh mana kepandaian dan kekuatan yang ada pada orang Melayu yang terjajah, penjajah tetap akan membuat spekulasi bahawa orang Melayu ini tidak mempunyai pendidikan yang sempurna seperti mereka yang berpendidikan tinggi dan penuh dengan falsafah. Perkara tersebut dipaparkan di dalam filem di mana orang Melayu, orang Sikh bekerja dengan tuan Esmate dirumahnya menjadi tukang kebun, pemandu kereta, dan tukang masak. Oleh yang demikian apabila Ismail menceritakan tentang kerja yang disandang oleh anak Pak Saidi, Tuan Esmate tidak percaya bahawa anak orang Melayu mampu menjadi askar. Sehingga dapat pergi ke negara beliau di England untuk memberi penghormatan kepada King George VI.

Selain daripada itu, di dalam novel *Lefthenan Adnan Wira Bangsa* digarapkan dengan hinaan yang dilakukan oleh Guru Besar Steward kepada Pak Saidi yang tidak dapat bercakap dan faham bahasa Inggeris. Guru Besar Steward juga memandang serong terhadap pekerjaan Pak Saidi yang hanya sebagai pesawah dan penoreh getah sahaja. Guru besar menyatakan bahawa orang Melayu itu malas berusaha sebab itu masyarakat Melayu hanya menjadi pesawah. Sedangkan sebelum ini pihak penjajah telah mengambil alih secara keseluruhannya kuasa di Tanah Melayu sehingga yang kaya menjadi miskin dan yang miskin akan menjadi lebih miskin. Perkara ini membawa mesej kepada pembaca bahawa untuk ekonomi bangsa Melayu bergantung kepada penjajah semata-mata. Oleh yang demikian orang Melayu perlu pergi ke sekolah untuk menuntut ilmu dari pihak British.

4.4.4 Persamaan: Watak dan plot Tali Barut

Tali barut adalah perbuatan yang paling dibenci oleh masyarakat dan tali barut adalah musuh negara. Apabila seseorang itu tidak mempunyai ilmu tentang sesuatu perkara, tambahan pula perkara tentang keamanan dan isu semasa, golongan tersebut mudah terpengaruh dan menjadi kambing hitam kepada pihak penjajah untuk mengaut sumber-sumber risikan kepada pihak musuh untuk memusnahkan barisan hadapan yang memperjuangkan Tanah Melayu. Mereka juga ditawarkan kemudahan dan mendapat keuntungan secara peribadi seperti menjadi ketua, menjadi hero, dan dijanjikan dengan pangkat dan harta jika mereka membantu pihak musuh. Di dalam novel dan filem ini memaparkan bagaimana kedua-dua watak tali barut Jepun yang telah dimanipulasikan fikirannya oleh pihak risikan tentera Jepun.

Petikan skrip filem <i>Lefetenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefetenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perbualan antara Ibrahim dan Mr. Fujiwara sebagai mata-mata Jepun.</p> <p>Mr. Fujiwara : Terima kasih, mahu tolong Nipong, Ibrahim.</p> <p>Ibrahim : Mr. Fujiwara, saya setuju tolong awak, sebab awak sudah berjanji untuk tolong bangsa saya.</p> <p>Mr. Fujiwara : Awak tahu, itu maharaja Nipong dan Kerajaan Nipong telah bersetuju memilih 18,000 untuk biri warta Malaya... jadi tunjuk jalan dan tukang cakap itu bira nipong sudah datang. Ini Malaya akan bebas. Awak punya raja, itu naik. Itu agama Islam, perempuan Melayu, dan harta, tetap kita jaga.</p> <p>Ibrahim : Bagaimana bagitahu semua orang Melayu di Malaya ni?</p> <p>Mr. Fujiwara : Jangan gaduh Ibrahim song, itu radio Nipong, sini orang boleh dengar em, kamu</p>	<p>Kami datang untuk membebaskan Singapura daripada penjajah British. Singapura untuk orang Singapura. Kerana itu kamu mesti bekerjasama dengan kami. Kamu akan diberi hadiah lumayan jika kamu setuju." Lelaki Jepun itu membuat tawaran.</p> <p>Samad masih was-was. Dia serba salah. Muncung senjata itu masih tepat di mukanya. Lelaki Jepun itu mengarahkan dua rakannya mengalahkan muncung senjata mereka.</p> <p>"Setelah askar British menyerang kalah, kamu akan dilantik menjadi ketua orang Melayu di Singapura. Kerajaan Jepun akan membayar kamu gaji pada setiap bulan," lelaki Jepun itu membuat tawaran.</p> <p>Tawaran itu cukup mengujakan Samad. "Betul apa yang kamu katakana itu?"</p> <p>Lelaki Jepun itu mengangguk. "Kami tidak menipu."</p> <p>"Baiklah aku setuju kerana aku memang bencikan orang putih. Aku mahu orang Jepun berkuasa di Singapura. Biar padan muka mereka." Samad menyuarakan kebenciannya.</p> <p style="text-align: right;">M/s 253-254/358</p>

	masukkan dalam warta melaya, kasi puji itu Nipong. Itu Nipong sudah menang lawan China, lawan Rusia, sekarang ni, Nipong sama British sudah tiada kawan lagi, tiada janji lagi.	
Ibrahim	:	saya takut, takut dianggap menjadi tali barut Jepun.
Mr. Fujiwara	:	Kamu jangan takut Ibrahim song, nanti itu nipong dapat tawan ini Malaya, dan halau itu orang putih, semua orang Melayu akan sedar, itu Ibrahim Yaacob sangat bagus. Jadi hero Malaya.
Ibrahim	:	Saya bukan nak jadi hero, saya cuma tidak mahu orang Melayu diperbodohkan oleh orang asing.

Berdasarkan filem *Leftenan Adnan*, Ibrahim adalah seorang ketua bagi kelab Kesatuan Melayu Muda (KKM) yang dibangunkan oleh masyarakat di Kampung Sungai Ramal, Kajang bagi membanteras penjajah British. Ibrahim dibantu oleh Jepun untuk menghalau pihak British, dalam masa yang sama Ibrahim terlalu percayakan Perisik Jepun itu yang membawa slogan “Singapura untuk orang Singapura”. Selain daripada itu semasa perbualannya dengan Ah Seng iaitu tentera Jepun tetapi mampu bercakap dalam dialek orang Melayu. Ah seng hidup di Tanah Melayu adalah sebagai orang Cina. Hal ini kerana muka tentera Jepun itu seakan muka orang Cina yang mendiami Tanah Melayu. Ah Seng mempergunakan Ibrahim untuk menunjukkan jalan kepada dia bagi meneroka Tanah Melayu.

Kesinambungan dengan novel *Leftenan Adnan Wira bangsa* yang juga mempunyai tali barut yang bernama Samad. Samad merupakan orang kampung Pasir Panjang yang benci akan tentera British. Semasa Samad menghentam perihal tentera British di kedai kopi, tanpa menoleh kiri dan kanan telah membuatkan dia diperangkap oleh tentera Jepun untuk bekerjasama dengan pihak Jepun bagi menjadi perisik mereka. Risikan tersebut diterima oleh

Samad kerana Samad benci kepada tentera British dan Samad juga bersetuju kerana dia akan diberikan upah sekiranya membantu perisik Jepun itu.

4.4.5 Perbezaan: Watak dan Perwatakan perwira yang mempengaruhi semangat Leftenan Adnan

Silat adalah seni mempertahankan diri daripada serangan musuh, untuk memahami gerakan seni tradisional ini, seseorang individu itu perlu berguru seperti Adnan yang mempunyai guru silat untuk mempelajari teknik silat. Teknik berguru adalah sebagai menjaga batas seseorang dalam mempelajari dan menghargai ilmu kesenian yang ada pada seni silat agar tidak disalah gunakan oleh pengamal silat itu sendiri. Selain daripada itu, guru silat juga sering memberikan nasihat kepada anak-anak buahnya untuk terus berjuang dan tanpa meninggalkan adat budaya mereka.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Semasa dewasa, Adnan mempelajari silat bersama guru silatnya.</p> <p>Guru silatnya berkata...</p> <p>“Aku tidak suruh kau menderhakai orang tua, tapi apa yang kamu peroleh ini, Belum cukup untuk kamu berhadapan dengan penjajah yang datang dengan kelengkapan dan ilmu peperangan yang tinggi.</p> <p>Kita mesti belajar ilmu peperangan tidak kira dengan siapa saja. Walau penjajah sekalipun. Kadang kala, belajar ilmu dari musuh lebih memberi manfaat kepada kita. Yang penting, berjuanglah kamu, demi menuntut hak. Sesungguhnya mati syahid itu, amat mulia disisi allah daripada berpeluk tubuh tanpa berbuat sesuatu untuk agama, bangsa dan tanah air.”</p> <p style="text-align: center;">21:20 saat- 22:12 saat</p>	<p>Adnan menoleh ke arah ayahnya lalu bertanya, “Hang Tuah pandai bersilat. Boleh ayah ajar Nan bersilat?”</p> <p style="text-align: right;">M/s 10/ 358</p>

Berdasarkan petikan filem dan novel menerangkan bahawa terdapat perbezaan watak dan perwatakan yang digunakan oleh pengkarya. Perwatakan di dalam filem menerangkan

watak guru silat yang mengajar Adnan dan kawan-kawannya bersilat di sebuah gelanggang latihan. Dunia persilatan ini dipelajari oleh Adnan ketika beliau menginjak dewasa. Darah muda yang masih panas, dan pantang dicabar elok di lenturkan. Tambahan pula pada ketika itu persekitaran Adnan adalah untuk mengejar cita-citanya menjadi seorang Askar. Peluang turut diberikan kepada anak muda Melayu yang berminat dalam bidang ketenteraan menyebabkan Adnan meminta izin daripada Mak Milah dan Pak Saidi untuk menjadi askar, namun Adnan tidak mendapatkan persetujuan daripada kedua orang tuanya itu untuk menyertai pasukan ketenteraan. Hal ini kerana tugas di rumahnya masih lagi banyak memerlukan kudrat Adnan sebagai anak sulung daripada lima adik beradik. Guru silat Adnan mengetahui akan perkara tersebut. Oleh yang demikian guru silat Adnan turut memberikan nasihat kepada mereka tentang restu ibu bapa dalam perjuangan menegakkan hak dan keamanan agama, bangsa, dan negara daripada dijajah.

Proses transformasi yang berlaku di dalam novel KOMSAS adalah Adnan sudah didedahkan dengan dunia persilatan oleh ayahnya sendiri iaitu oleh Pak Saidi. Keinginan Adnan untuk mempelajari ilmu seni mempertahankan diri itu adalah daripada cerita-cerita pejuang yang diceritakan oleh ibunya sebelum Adnan dan adik-adiknya melelapkan mata. Melalui ayat yang diceritakan oleh ibu bapanya. Lalu Adnan memberanikan diri untuk mempelajari silat dengan meminta tunjuk ajar daripada ayahnya “Hang Tuah pandai bersilat. Boleh ayah ajar Nan bersilat” menunjukkan keinginan daripada seorang anak watan diibaratkan sebagai mempunyai akal fikiran yang panjang dan bijak.

4.4.6 Perbezaan: Plot Aktiviti Sosial

Merujuk kepada keadaan pada zaman sebelum kewujudan arus kemodenan, masyarakat pada ketika itu suka meraikan sesebuah majlis keramaian secara merewang bersama-sama. Merewang adalah aktiviti sosial yang dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara masyarakat setempat. Aktiviti tersebut akan berlangsung sekiranya terdapat majlis khatam al-quran, berkhatan, majlis raja sehari, majlis tahlil, majlis akikah, dan sebagainya. Motifnya adalah untuk mengangkat toleransi dan kerjasama di antara masyarakat.

Petikan skrip filem <i>Lefthenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefthenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
Menunjukkan satu majlis rewang untuk berkhatam secara ramai-ramai di kampung Sungai Ramal, Kajang, 1927, termasuk Adnan juga kawan-kawannya turut dikhatarkan pada hari tersebut. 2:46 saat- 3.13 saat	“Dia seorang sahaja yang berkhatam?” tanya Tok Mudim Anak saya ada tiga orang. Semuanya lelaki, Tetapi saya khatarkan Adnan yang sulung dahulu. Adik beradiknya tahun depan, insya-Allah,” Jawab Pak Saidi. M/s 77/ 358

Berdasarkan penerangan di dalam cerita skrip filem *Lefthenan Adnan* yang dinyatakan oleh Aziz M. Osman, yang menerapkan aktiviti bergotong royong sesama masyarakat setempat melalui majlis berkhatam secara beramai-ramai. Anak-anak lelaki yang sudah cukup umur, di arak dan digendung di atas belakang ayah mereka untuk melengkapai majlis keraian mereka untuk menyambut anak teruna mereka selepas dikhatamkan oleh Tok Mudim. Sebagaimana yang diketahui pada zaman 90-an masih tidak ada teknologi perubatan yang melibatkan hospital dan doktor-doktor pakar dan mereka hanya menggunakan kepakaran daripada perubatan kampung atau tradisional sahaja.

Menelusuri transformasi yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib adalah Pak Saidi merancang untuk melakukan majlis berkhatan Adnan semasa cuti sekolah ini. Disini menunjukkan bahawa keadaan Adnan pada ketika itu adalah berlatar belakangkan

pembelajaran dan disekolahkan oleh ayahnya berbanding di dalam filem *Leftenan Adnan* yang tidak menerapkan hal persekolahan Adnan dan tahap pendidikan yang diperolehi oleh Adnan. Selain daripada itu, novel KOMSAS ini juga berlainan plot iaitu Adnan seorang diri sahaja yang berkhataam dan majlis tersebut dilakukan dirumahnya sahaja.

4.4.7 Perbezaan: Plot Pergaulan Lelaki dan Perempuan

Adab pergaulan di antara lelaki dan perempuan adalah bergantung kepada ajaran yang diberikan oleh ibu bapa masing-masing. Sesetengah ibu bapa mengamalkan ajaran Islam dan setengah lagi memberikan kebebasan kepada anak-anak mereka untuk berkawan. Sebagaimana yang diketahui, pada zaman dahulu, budak lelaki dan perempuan dibataskan pergaulannya kerana tidak mahu menimbulkan masalah sosial di antara mereka. Oleh yang demikian, jarak yang dicipta antara lelaki dan perempuan mempunyai unsur positif kerana dapat mengelakkan masalah sosial berlaku di antara mereka. Perkara ini juga diamalkan supaya tidak berlaku perkara yang memalukan sehingga menconteng arang dimuka mana-mana pihak. Sekiranya anak mereka sudah dewasa dan matang dalam menentukan arah kehidupannya, maka mereka akan dikahwinkan dengan calon pengantin yang sudah dipilih oleh ibu bapa mereka. Walaupun begitu di dalam filem *Leftenan Adnan* masih lagi memberikan ruang kepada pihak lelaki untuk menyatakan pilihan hatinya. Disebabkan oleh tidak mahu mengecewakan ibu bapa, anak-anak mereka tidak akan menolak permintaan dan cadangan daripada ibu bapa mereka.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Safiah dan kawan-kawannya mengintai dari tebing sungai, semasa Adnan dan budak lelaki yang lain sedang mandi sungai sebelum dikhatarkan.</p> <p>Mereka (Safiah dan kawan-kawannya disergah oleh Tok Ketua,</p> <p>“Orang perempuan mana boleh tengok… pergi balik… pergi balik…”</p> <p>Safiah dan kawannya melambaikan tangan kearah Adnan sambil tersenyum sebelum berundur pulang. Lambian itu disambut oleh Adnan dengan senyuman di bibirnya.</p> <p style="text-align: center;">3:15 saat – 3:35 saat</p>	<p>Adnan nampak kawan-kawannya mengintai menerusi tingkap kayu yang terbuka. Mereka memandang Adnan sambil tersenyum. Mamat membisikkan sesuatu kepada Adnan. Tetapi suaranya tidak jelas. Bila mamat mengeraskan suaranya, dia disergah Tok Mudim.</p> <p>“Kamu belum masuk jawi. Jangan nak mengintai kat sini!” Mamat dan kawan-kawannya segera melarikan diri.</p> <p style="text-align: right;">M/s 79/358</p>

Lakaran ibu bapa Adnan di dalam filem adalah bersifat terbuka untuk anak-anaknya berkawan. Namun begitu persahabatan lelaki dan perempuan perlu dijaga agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini berlaku. Perihal ini juga ditunjukkan apabila Safiah dan kawan-kawannya sedang ralit memerhati budak-budak lelaki termasuk Adnan yang sedang berendam di sungai sebelum di khatamkan dan mereka ditegur oleh Tok Ketua bahawa orang perempuan tidak bolleh melihat orang lelaki mandi. Ajaran tersebut sudah berpaksikan ajaran agama Islam iaitu menundukkan pandangan daripada melihat perkara yang mungkar, agar iman mereka terpelihara.

Berbeza pula dengan konsep transformasi yang dilakukan di dalam novel KOMSAS iaitu melambang Adnan tidak mempunyai kawan wanita, dan hanya dikelilingi oleh kawan lelaki sahaja sejak kecil. Namun begitu hubungan persahabatan mereka terjalin dengan landasan yang betul. Ini menunjukkan bahawa penulis Abdul Latip Talib ingin mengetengahkan bahawa berkawan dengan sesama lelaki dapat mengelakkan masalah sosial di dalam pergaulan lelaki dan perempuan. Kenakalan yang ada pada budak lelaki turut disamakan didalam filem dan novel ini iaitu perbuatan mengintai. Cuma latar tempat dan watak yang mengintai itu adalah berbeza. Di dalam filem watak mengintai itu adalah Safiah dan

kawan-kawanya yang berada di atas tebing sungai. Manakala di dalam novel, kawan Adnan yang bernama Mamat yang mengintai di sebalik tabir rumah Adnan semasa Adnan berhadapan dengan Tok Mudim untuk dikhatamkan.

4.4.8 Perbezaan: Latar Belakang Pekerjaan Orang Melayu di Era Penjajahan British

Pekerjaan adalah satu perkara yang penting di dalam kehidupan manusia. Sekiranya manusia tidak bekerja, mereka tidak akan dapat memenuhi keperluan dan kehendak di dalam kehidupan seharian. Oleh disebabkan tekanan hidup yang dirasai, orang Melayu pada zaman dahulu sanggup menjadi pembantu rumah kepada penjajah. Termasuk Pak Saidi yang menjadi pembantu rumah dan tukang kebun Tuan Esmate bersama-sama dengan Ismail iaitu sahabat anaknya, Adnan yang tidak melepassi untuk memasuki Latihan Ketenteraan di Port Dickson. Mereka bekerja untuk mendapatkan sumber kewangan untuk menampung kehidupan mereka di kampung.

Petikan skrip filem <i>Lefetenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefetenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
Pekerjaan Pak Saidi: Tukang Kebun dan tukang buka pintu kereta kepada tuan (Warga England: Mr. Smith) 5:51 saat- 6:15 saat	Pekerjaan Pak Saidi: “Penoreh getah dan tanam padi, tuan” M/s 75/ 358

Transformasi yang dilakukan untuk pekerjaan Pak Saidi adalah menuai padi dan penoreh getah. Perkara ini akan menambahkan lagi kekuatan dan watak Pak Saidi yang menentang penjajah. Hal ini kerana walaupun Pak Saidi bekerja petani, Pak Saidi dapat membimbang anak-anaknya tentang kesederhanaan untuk tidak berharap kepada pertolongan orang British.

4.4.9 Perbezaan: Plot dan Latar masa Institusi Kekeluargaan

Institusi kekeluargaan yang bagus akan meraikan sesuatu perkara dengan melakukan majlis besar-besaran. Perkara ini juga turut dipaparkan di dalam filem *Leftenan Adnan* di mana Adnan disambut meriah oleh ibu bapa, saudara, penduduk kampung selepas kepulangan beliau dari England. Tugasnya disana adalah untuk memberikan penghormatan pertabalan bagi King George VI. Semasa majlis itu dijalankan Adnan masih tidak berkahwin akan tetapi kepulangannya disambut baik oleh Safiah.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
Selepas Adnan balik dari England, Adnan disambut meriah oleh ibu bapanya, adik beradiknya, dan penduduk kampung.	Setelah habis percutiannya, Adnan kembali ke Singapura dan seterusnya ke London. Selepas pemergian Adnan ke London, Pak Saidi dan Mak Milah segera menjalankan rancangan mereka berdua. Mereka mengunjungi rumah Pakih Muda, sahabat Pak Saidi. Pertemuan mereka penuh bermakna. Ada hajat ingin mereka sampaikan. Hajat mereka berdua begitu besar sekali. Perkara itu telah dirunding tanpa pengetahuan Adnan, ternyata hajat Pak Saidi dan Mak Milah disambut baik Pakih Muda.

8:22 saat- 10:18 saat

M/s 146-145

Manakala di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* juga turut menceritakan bahawa Adnan terpilih menyertai pertabalan King George VI, namun pada masa tersebut Pak Saidi dan Mak Milah mengambil peluang untuk meminang Safiah untuk anak terunanya tanpa Adnan mengetahui bahawa dia sudah ditunangkan. Kebijaksaan pengarang mengangkat isu pertunangan disamping Adnan yang sedang berada di England, untuk menyelesaikan tugasnya.

4.4.10 Watak dan Plot Pertubuhan Politik di Tanah Melayu

Pertubuhan-pertubuhan NGO, atau pertubuhan politik adalah salah satu alat untuk menyeru masyarakat menentang penjajah selain daripada menegakkan hak-hak peribumi. Perkara ini telah berlaku di zaman Perang Dunia ke II. Malahan ia tidak dapat dibendung kerana pemikiran manusia pada ketika itu adalah untuk mencari sokongan daripada rakyat bersatu hati melawan musuh atau penjajah dari terus mengambil hak-hak peribumi. Apa yang disampaikan di dalam filem dan novel *Leftenan Adnan* adalah untuk mengembalikan kepercayaan rakyat kepada pejuang-pejuang kemerdekaan yang dilakukan oleh agensi-agensi politik untuk menentang penjajah bersama-sama. Menerusi filem *Leftenan Adnan*, ketua Kesatuan Melayu Muda yang bernama Ibrahim Yaacob telah terpedaya dengan janji manis yang diberikan oleh pihak Jepun dengan berslogarkan “Singapura untuk Singapura”. Di dalam pengucapan yang dilakukan oleh Ibrahim Yaacob, terdapat unsur-unsur kisah perjuangan tokoh pada zaman dahulu sebelum Tanah Melayu dibawah jajahan British, akan tetapi Ibrahim Yaacob juga turut tidak mempersetujui cara yang digunakan oleh pejuang dahulu dalam menentang penjajah British tanpa mendapatkan persetujuan dan persepakatan bersama-sama dengan rakyat pada ketika itu. Oleh yang demikian didalam Kesatuan Melayu Muda akan menggunakan suara rakyat, hal ini kerana rakyat adalah komponen penting untuk mendapatkan kesejahteraan negara yang berdaulat. Akan tetapi masyarakat Sungai Ramal juga terpedaya dengan kata-kata Ibrahim, sedangkan Ibrahim adalah tali barut tentera Jepun tanpa dia mengetahui dia telah dipergunakan oleh Ah Seng (mata-mata Jepun).

Petikan skrip filem <i>Lefthenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefthenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Menyebut tentang fakta sejarah pejuang-pejuang Tanah Melayu:</p> <p>Sekarang ini, sudah ada orang Melayu berjawatan tinggi dalam tentera English, mereka membuktikan orang-orang Melayu boleh maju dan setanding dengan askar-askar dengan seantero dunia.</p> <p>Ini la tujuan mesyuarat kita diadakan pada hari ini. Kita harus, Bersatu bersama-sama, dengan Kesatuan Melayu Muda. Jangan kita menjadi seperti Datuk Maharajalela, Datuk Naneng, Datuk Bahaman, dan Tok Janggut. Memang benar, mereka juga turut berjuang. Tetapi perjuangan mereka, tidak mendapat sokongan rakyat sendiri, malah mereka dianiaya sebagai pemberontak dan penjahat oleh pihak British.</p> <p>Saudara-saudara sekalian, penjajah tetap penjajah. Mereka sengaja kelabukan mata kita dengan memutar belitkan fakta sejarah. Dari itu, saya menyeru, saudara-saudara sekalian, bangunlah. Bangunlah bersama-sama dengan Kesatuan Melayu Muda. Mari kita mengorak langkah menuju kemerdekaan dengan satu arah, satu tujuan, dan satu matlamat “Perjuangan Kemerdekaan”.</p> <p>Kita bebaskan Malaya ini daripada penjajah English.</p>	<p>Menyebut tentang fakta sejarah pejuang-pejuang Tanah Melayu:</p> <p>Abang nak anak-anak kita jadi macam Datuk Siamang Gagap? Macam Tok Janggut, Datuk Bahaman dan Mat kilau? Mak Milah seperti menyindir.</p> <p>“Mereka itu pahlawan Melayu yang terbilang. Sekiranya anak-anak kita mengikut jejak langkah mereka apa salahnya,” Balas Pak Saidi pula.</p> <p>“Saya tak mahu anak-anak kita menjadi buruan orang putih. Biarlah mereka menjadi orang biasa sahaja.”</p> <p>“Gajah mati meninggalkan tulang. Harimau mati meninggalkan belang. Pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang itu pergi meninggalkan nama yang baik. Jasa dan pengorbanan mereka dikenang sepanjang zaman,” Kata Pak Saidi. “Orang Negeri Sembilan bangga dengan pahlawan mereka, Datuk Siamang Gagap yang menentang orang putih di Seri Menanti. Orang Pahang bangga dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau. Orang Kelantan bangga dengan Dol Said. Orang Serawak bangga dengan Rentap. Orang Johor bangga dengan Si Bongkok Tanjung Puteri. Dan ramai lagi pahlawan terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi tanah air tercinta. Jasa mereka masih dikenang sampai sekarang. Kerana itu abang mahu anak-anak kita juga berjasa kepada bangsa, agama, dan tanah air,” katanya.</p>

7:56 saat- 9:38 saat

M/s 11-12/ 358

Manakala didalam novel, Abdul Latip talib mengambil watak Pak Saidi untuk menjadi penaung tentang tokoh pejuang kemerdekaan sebelum Tanah Melayu dijajah oleh pihak British. Penerangan yang sangat padat oleh Pak Saidi tentang Tokoh kemerdekaan telah membuatkan penduduk terkasima dengan ilmu pengetahuan Pak Saidi tentang hal tersebut. Pak Saidi selalu mendapatkan membaca risalah-risalah yang melibatkan kisah perjuangan kemerdekaan. Namun begitu kudrat yang ada hanya mampu menceritakan hal-hal tokoh perjuangan

kemerdekaan di kedai-kedai kopi sahaja. Transformasi ini menunjukkan bahawa kedai kopi adalah tempat masyarakat pada zaman dahulu berkongsi maklumat dan berita sensasi.

4.4.11 Plot Anak Melayu Pulang dari England

Anak Melayu adalah pejuang tanah air yang bermutu. Tambahan pula jika anak Melayu itu diberikan didikan yang terbaik oleh ibu bapanya terutama tentang isu penjajahan di Tanah Melayu. Budaya orang Melayu adalah suka berkongsi kegembiraan mereka bersama orang yang tersayang. Buah tangan adalah salah satu yang diangkat di dalam filem *Leftenan Adnan*, Leftenan Adnan disambut dengan majlis kesyukuran atas kepulangannya dan Adnan juga membawa balik gambar-gambar kenangan yang diambil di England. Selain daripada itu, Adnan juga tidak melupai sahabatnya Ismail, Adnan telah memberikan rokok yang dibawa dari England untuk sahabatnya. Mungkin pada waktu itu, budaya orang Melayu merokok adalah biasa dengan rokok daun, tetapi Adnan membawa balik rokok batang yang versi baharu dari England.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
Ismail sedang menghisap rokok yang dibawa pulang oleh Adnan daripada England. “Amboi Nan... sedapnya rokok orang putih yang kau bawak Nan...” ujar Ismail.	Keesokan harinya Adnan menemui kapten Anderson lalu menunjukkan sepasang pakaian askar British yang dihadiahkan Raja England itu. Kapten Anderson berasa amat kagum kerana setahunya bukan senang hendak mendapat kurniaan itu. “Awak askar Melayu yang pertama menerima,” puji Kapten Anderson.

13:40 saat- 13:48 saat

M/s 147/358

Transformasi yang dilakukan di dalam novel *Leftenan Adnan Wira bangsa*, sebelum Adnan bermusafir ke England, dia diberikan cuti selama seminggu, dan beliau mengambil peluang itu untuk balik ke kampung halaman. Selepas habis cuti di kampung, Adnan mula

bermusafir ke England untuk bertugas. Semasa dia di England dia diberikan hadiah sepasang baju askar British sebagai satu penghargaan kepada Leftenan Adnan di atas disiplin yang ditunjukkan di dalam latihan ketenteraan. Oleh yang demikian juru latih Leftenan Adnan iaitu Kapten Anderson begitu bangga dengan pencapaian yang diperolehi oleh Leftenan Adnan.

4.4.12 Perbezaan: Plot Hubungan Lelaki dan Wanita Dewasa

Hubungan lelaki dan perempuan dewasa adalah berbeza dari persahabatan semasa kecil. Penerapan menghormati wanita di dalam filem *leftenan Adnan* juga disampaikan kepada masyarakat. Menghormati wanita adalah satu perkara yang penting kerana wanita adalah satu tanggungjawab dan anugerah yang paling bernilai. Sekiranya menginginkan zuriat yang elok, maka pihak lelaki dinasihatkan untuk mencari wanita yang menjaga kehormatannya supaya zuriat yang dikandung akan baik. Menerusi filem *Leftenan Adnan*, Safiah berjumpa dengan Adnan di sawah untuk meluahkan perasaannya agar Adnan mengambil langkah seterusnya jika Adnan juga menginginkan dirinya menjadi permaisuri di dalam kehidupan Adnan.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perjumpaan Adnan dan Safiah di tepi bendang.</p> <p>Adnan : Assalamualaikum. Safiah : Waalaikumussalam Adnan : Lega rasanya. Ingatkan Safi dah tak nak jumpa abang lagi. Safiah : Entah-entah abang yang tak nak jumpa Safi. Maklumlah baru pulang dari perantauan. Emm dah puas tengok dewi-dewi jelita di negara orang. Adnan : Memang ramai dewi-dewi jelita disana. Tapi tidak sama dengan gadis di Sungai Ramal ni. Safiah : Orang lelaki, memang pandai menanam tebu di tepi bibir. Adnan : Habis Safi nak abang buat macam mana?</p>	<p>Adnan mengunjungi rumah Sophia, tunangnya keesokan harinya. Masa yang singkat itu diambilnya untuk melihat dan mengenali bakal suri yang akan melayari kehidupan bersamanya kelak. Pertemuan itu menemukan dua insan yang tidak pernah mengenali antara satu sama lain. Masing-masing begitu kekok memulakan perbualan. Mata berpandangan tetapi diam membisu seribu bahasa. Adnan cuba mencipta suasana agar mereka berasa lebih selesa. ...Ternyata kelembutan dan keayuan gadis itu berjaya menambat hati lelakinya pada pertemuan pertama itu.</p>

Safiah : Fikirlah sendiri...masakan pergi cari timba.	17:07 saat- 18:10 saat	M/s 149/358
--	------------------------	-------------

Terdapat banyak transformasi yang dilakukan di dalam novel iaitu Adnan tidak pernah berjumpa dengan Sophia. Semasa dia ditunangkan secara rahsia dengan anak Pak Pakih Muda iaitu kawan kepada ayahnya, Mak Milah cuba merisik Sophia untuk dijodohkan dengan Adnan. Semasa Adnan berjumpa dengan tunangannya untuk kali yang pertama, telah muncul rasa cinta “cinta pandang pertama”. Ia membuatkan Adnan yakin bahawa wanita pilihan keluarganya dapat membahagiakannya. Menurut cerita Leftenan Adnan, ini mengambarkan usaha masyarakat dahulu mencari jodoh.

4.4.13 Perbezaan: Watak Ibu bapa dan Latar tempat.

Menjadi ibu bapa yang menjaga kebajikan anak-anaknya adalah amalan yang penting agar anak-anak rasa kasih sayang daripada ibu bapa. Kebajikan seorang anak perlu dipelihara sama ada dari segi pembelajarannya, pakaianya, didikan agama, dan cara hidup mereka perlu diselaraskan dengan agama Islam. Hal ini kerana, ibu bapa yang mengambil kisah tentang anak-anak semakin berkurangan kerana tidak ingin membebankan kepala mereka. Namun tidak bagi Pak Saidi dan Mak Milah yang selalu mengambil berat tentang kebajikan anak-anaknya untuk membentuk masa hadapan yang cerah dan terbaik buat mereka sekeluarga.

Berdasarkan petikan di bawah, di dalam filem *Leftenan Adnan*, Pak Saidi bertanyakan soalan perihal perkahwinan kepada anaknya. Hal ini kerana diumur Adnan sudah layak untuk menjadi seorang suami dan mempunyai isteri dan anak-anak. Soalan itu diterima dengan berlapang dada oleh Adnan dan Adnan tidak mengatakan apa-apa selain daripada merendah

diri. Namun begitu, Pak Saidi dapat mengagak bahawa hati anak itu sedang berbunga. Tanpa berlengah, Pak Saidi mencadangkan supaya Pak Saidi sendiri yang akan mencarikan jodoh untuk anak lelaki sulungnya itu. Ini menunjukkan bahawa sifat sebagai seorang anak, walaupun mempunyai pangkat yang tinggi namun tetap mendengar dan merendah diri dihadapan ibu bapa.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perbualan Adnan dan Pak Saidi.</p> <p>Pak Saidi : Ahh... kamu semua sudah besar... ayah percaya kamu sudah boleh menentukan hidup sendiri. Cuma kamu Nan... sampai bila kamu nak membujang? Kerja ada, kedudukan ada dah sampai masanya kamu ini berumah tangga. Ada sesiapa yang menjadi pilihan hati kamu?</p> <p>Adnan : Siapalah yang nakkan saya ni ayah.</p> <p>Pak Saidi : Aihhh... mengalahkan anak dara budak nih. Biar ayah carikan calon untuk kamu.</p>	<p>"Anak mak pun dah besar panjang. Dah boleh berkahwin. Kamu dah ada calon?" tanya Mak Milah cuba merisik. Adnan ketawa. "Nan tak fikir lagi pasal tu, Mak," jawabnya ringkas sambil menuap ubi rebus bersalut kelapa ke dalam mulut.</p> <p>"Betul kau belum ada calon lagi?" soal Mak Milah ingin kepastian.</p> <p>"Kenapa mak tanya macam tu?"</p> <p>Kalau ada, cakap ada. Kalau takda, mak boleh carikan gadis-gadis di kampung ni. Tapi mak berkenan sangat dengan Sophia anak Pak Pakih kau tu. Dia mengajar di Sekolah Sungai Ramal. Lembut dan sopan orangnya."</p>

18: 33 saat- 19: 12 saat

M/s 145

Transformasi yang dilakukan di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* adalah, watak Mak Milah yang sedang merisik Adnan tentang perihal peribadi anaknya itu. Sebagaimana yang dikatakan, Adnan sudah pun besar dan diumurnya sekarang sudah mampu untuk membina rumah tangga. Oleh yang demikian jiwa seorang ibu ini ingin melihat anaknya bahagia. Apabila Mak Milah mengetahui bahawa anak teruna sulungnya itu masih tidak ada calon isteri, Mak Milah mencadangkan calon yang dia berkenan iaitu anak Pak Pakih Muda yang bernama Sophia bekerja sebagai seorang guru di sekolah Melayu Sungai Ramal itu. Perkara tersebut diterima oleh Adnan dengan berlapang dada kerana tidak mahu mengecewakan hasrat emaknya itu.

4.4.14 Perbezaan: Plot Cita-cita Anak Muda

Cita-cita adalah perkara yang penting, ianya perlu ada di dalam jiwa seseorang. Cita-cita itu akan menjadi peransang kepada manusia untuk berusaha mendapatkan apa yang diinginkan. Manfaat yang akan diperolehi melalui cita-cita itu akan membuatkan manusia itu puas dan cukup dengan perkara yang dimiliki. Namun begitu menjadi seorang anak yang bercita-cita tinggi, perku mendapatkan restu daripada ibu bapa terlebih dahulu. Perjuangan tanpa doa daripada ibu bapa hanya perjuangan kosong sahaja tanpa rasa tenang melaluinya. Tambahan pula sekiranya cita-cita seorang anak itu akan meletakkan nyawa mereka di hujung tanduk. Anak-anak adalah anugerah yang paling istimewa kepada ibu bapa, anak itu diibaratkan rezeki untuk membantu memeriahkan ikatan kekeluargaan dan membantu ibu bapa untuk menguruskan hal keluarga, tambahan pula jika anak laki-laki, yang mempunyai banyak tanggungjawabnya di dalam menjaga keharmonian keluarga.

Berdasarkan filem *Leftenan Adnan* menunjukkan bahawa Adnan telah meminta kebenaran daripada ibu nya iaitu Ramlah agar merestui cita-citanya untuk menjadi seorang tentera untuk menjaga keamanan negara dari penjajah. Namun begitu Ramlah tidak bersetuju kerana adik-adik Adnan masih kecil dan mak dan ayahnya juga sudah tua, tiada siapa yang akan bantu Pak Saidi dan Mak Milah menjaga adik -adik Adnan yang kecil itu tanpa kudrat seorang anak lelaki sulung dewasa. Namun begitu Adnan tekad untuk memasuki bidang ketenteraan di Port Dickson dan Adnan lari daripada rumah bersama-sama Malik dan Ismail untuk pergi ke Port Dickson.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>4 tahun sebelum.</p> <p>(Selepas perjumpaan antara Askar British dan Tok Imam dan Penghulu serta Orang Melayu)</p> <p>Adnan meminta izin daripada ibunya untuk masuk ke dalam bidang ketenteraan (askar) namun ibunya tidak bersetuju akan hal tersebut.</p> <p>Mak Milah : Adik kau masih kecik lagi, semua perlukan kau, mak dan ayah pun sudah tua, kalau kau nak pertahankan negara, pertahankan kampung ini pun boleh... tak payah masuk askar.</p> <p>Adnan : Ayah... (meminta simpati dan persetujuan dengan Pak Saidi namun Pak Saidi tidak dapat melakukan apa-apa).</p>	<p>“Nan nak masuk askar Melayu!”</p> <p>Mak Milah terdiam. Tiada sepatah kata yang terucap. Adnan menjadi semakin serba salah. Jelas kelihatan wajah ibunya tidak senang dengan kemahuannya itu.</p> <p>“Mak, Nan dah lama nak jadi askar. Bila sudah ada peluang ini, Nan tak mahu lepaskan,” jelasnya mengharapkan pengertian daripada ibunya.</p> <p>“Sudah elok-elok menjadi guru, kenapa nak jadi askar? Apa kurangnya jadi guru? Mak lebih suka kamu terus menjadi guru mendidik anak bangsa daripada menjadi askar. Pekerjaan itu tak menjamin kehidupan kamu,” bantah Mak Milah. Suaranya agak keras.</p> <p>“Askar juga pekerjaan yang mulia mak. Ini satu-satunya peluang yang ada untuk Nan mencapai cita-cita selama ini,” bela Adnan. Dia sudah gelisah. Dia tidak mahu ibunya tersinggung dengan kata-katanya...</p> <p>“... Berat hati Mak Milah untuk mengizinkan anaknya menjadi anggota tentera. Tetapi zalim pula jika dia membantah cita-cita anaknya itu... akhirnya Mak Milah terpaksa mengalah.</p> <p style="text-align: right;">M/s 116- 117</p>

Manakala di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, Adnan telah menjadi seorang pendidik di sekolah Sungai Ramal, namun disebabkan oleh minat yang mendalam yang dipupuk oleh Pak Saidi untuk menjadikan anaknya sebagai pejuang agama, bangsa, dan negara. Adnan bertekad untuk menukar bidang kerjayanya sebagai seorang pendidik kepada seorang tentera. Adnan terlebih dahulu menyatakan hasratnya untuk menjadi tentera kepada Pak Saidi, dan Pak Saidi sangat bangga kerana anaknya ingin mengikut jejak langkah moyangnya iaitu Datuk siamang gagap dalam mempertahankan bangsa, tanah air dan agama dari dijajah. Sebaliknya cita-cita Adnan itu telah ditolak oleh Mak Milah kerana sebagai ibu, dia risau akan keselamatan anaknya itu. Selepas dipujuk, Mak Milah akhirnya merestui cita-cita anaknya. Perkara ini membincangkan tentang tingginya darjah seorang ayah dan ibu, setiap cita-cita dan perbuatan yang ingin dilakukan mesti melalui keizinan dan keredhaan ibu bapa.

4.4.15 Perbezaan: Watak dan Plot Medan Ilmu Kehidupan

Ilmu pengetahuan bukan sekadar di dalam buku sahaja. Terdapat pelbagai medan ilmu yang diterangkan melalui lisan dan perbuatan gerakan tubuh badan. Di dalam filem *leftenan Adnan*, menerangkan watak seorang guru silat memberikan nasihat tentang kehidupan sebagai seorang anak yang menghormati ibu bapa. Selain daripada itu, guru itu juga berpesan supaya anak-anak muda memasuki askar kerana di dalam latihan ketenteraan itu anak Melayu dapat mempelajari gerakan atau ilmu di medan perang yang setanding dengan pihak lawan untuk menghalang penjajah lain daripada menjajah Tanah Melayu.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Semasa dewasa, Adnan mempelajari silat bersama guru silatnya.</p> <p>Guru silatnya berkata...</p> <p>“Aku tidak suruh kau mendurhakai orang tua, tapi apa yang kamu peroleh ini, Belum cukup untuk kamu berhadapan dengan penjajah yang datang dengan kelengkapan dan ilmu peperangan yang tinggi.</p> <p>Kita mesti belajar ilmu peperangan tidak kira dengan siapa saja. Walau penjajah sekalipun. Kadang kala, belajar ilmu dari musuh lebih memberi manfaat kepada kita. Yang penting, berjuanglah kamu, demi menuntut hak. Sesungguhnya mati syahid itu, amat mulia disisi allah daripada berpeluk tubuh tanpa berbuat sesuatu untuk agama, bangsa dan tanah air.”</p> <p style="text-align: center;">21:20 saat- 22:12 saat</p>	<p>Sejak kecil ayahnya selalu menceritakan tentang kehebatan pahlawan-pahlawan Melayu seperti Mat Kilau, Datuk Maharaja Lela, Tok Gajah dan ramai lagi pahlawan Melayu terbilang berjuang sehingga ke titisan darah terakhir semata-mata untuk memperjuangkan tanah air daripada dijajah orang asing.</p> <p>Guru agamanya, Imam Ahmad juga sering memperdengarkan cerita tentang kehebatan pahlawan Islam. Antaranya Khalifah Umar, Abu Ubaidah, Salahuddin dan ramai lagi yang sanggup mati syahid demi menegakkan syiar Islam di bumi Allah. Dari situ timbul semangatnya untuk menceburি kerjaya itu bagi mempertahankan tanah air.</p> <p style="text-align: right;">Muka surat 101/ 358</p>

Sebaliknya di dalam novel, Abdul Latip Talib mengangkat watak Pak Saidi iaitu ayah Adnan sebagai juru latih silat kepada anak-anaknya. Pak Saidi memberitahu dan menceritakan kisah tokoh pejuang kemerdekaan seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman, Tok Gajah yang mempelajari ilmu mempertahankan diri untuk menentang penjajah. Faktor seorang anak itu mendapatkan ilmu pengetahuan adalah bersumberkan cerita lisan yang disampaikan oleh orang

bijak pandai atau daripada seorang guru dan bapa mereka sendiri. Hal ini kerana pada zaman ketika itu tiada television dan gajet untuk mereka terokai.

4.4.16 Perbezaan: Plot Sifat Masyarakat di Tanah Melayu

Sedekah adalah salah satu perbuatan baik yang diamalkan oleh orang yang beragama Islam. Amalan ini juga mempengaruhi bangsa lain selain daripada orang Melayu, kerana ia dianggap sebagai perbuatan yang baik untuk memberikan kegembiraan di dalam hati seseorang yang sedang berduka serta menambahkan semangat kepada mereka untuk meneruskan kehidupan. Watak perisik Jepun yang menjadi orang Cina perlu mengamalkan konsep sedekah untuk mengambil hati dan kepercayaan daripada orang kampung bahawa dia adalah orang Cina yang pemurah. Untuk menjadi seorang perisik dia perlu mengadaptasikan diri dengan keadaan atau tatacara persekitarannya supaya mudah untuk mereka mendapatkan kepercayaan dan tiada siapa yang akan meragui akan salasilah kehidupannya sebelum menetap di kawasan tersebut.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Orang kampung : Ah seng... cepatlah siapkan saya punya basikal. Ah Seng : Iya... ya... sudah siap... sudah siap... Orang Kampung Ah Seng : Berapa Ah Seng? Ah Seng : Aihh... nda apa lah... itu rantai sikit lari saja... aiya cincai kiralah. Orang Kampung : Terima kasih ya.</p>	<p>Kelihatan tauke Cina itu sedang menunggu kedatangan mereka. ‘Kenapa lu mahu masuk sojer. Tak takut mati?’ tanya Ah Chong. ‘Tak masuk askar pun mati juga,’ balas Adnan sambil tersenyum. ‘Lu memang berani,’ kata Ah Chong sambil menyeluk poket seluarnya. Kemudian dia mengeluarkan beberapa keping duit syiling lalu diberikan kepada Adnan. ‘Duit apa ni, tauke?’ tanya Adnan. ‘Gua sedekah sama lu,’ jawab Ah Chong sambil tertawa. ‘Terima kasih tauke,’ kata Adnan sambil menyambut pemberian tauke Ah Chong.</p>

Manakala di dalam novel pula menerangkan watak tauke Cina yang berada di kawasan bandar, mempunyai perniagaan baiki basikal di bandar. Oleh disebabkan Pak Saidi dan Tauke Ah Chong itu sudah kenal lama, tauke tersebut telah memberikan sedikit duit poket kepada Adnan dan dikatakan duit itu adalah sedekahnya kepada Adnan kerana Adnan sanggup memasuki bidang ketenteraan dan tidak takut akan kematian. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa dunia ini wujud hanya sebagai persinggahan yang sementara. Konsep sedekah ini diamalkan oleh bangsa lain walaupun bukan berasal daripada agama Islam. Ini menunjukkan pada waktu itu terdapat satu kebaikan yang dijadikan sebagai amalan.

4.4.17 Perbezaan: Plot Kematangan Individu untuk Menjadi Tentera.

Perjuangan anak muda di negeri orang akan mempunyai pelbagai rintangan. Konflik wujud kerana terdapat manusia yang sompong dan angkuh dengan perkara yang dimiliki. Sedangkan manusia semua ini mempunyai kelemahan masing-masing. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang perantau, seseorang itu perlu berjiwa suci supaya akan disenangi ramai. Watak dan perwatakan yang ada pada filem *Leftenan Adnan* adalah seorang pelatih tentera yang bernama Ayob. Ayob merupakan seorang yang memandang serong terhadap orang lain terutama kepada Malik iaitu kawan kepada Adnan. Di dalam filem diterapkan juga watak Malik yang tidak suka mencari masalah dengan Ayob kerana setiap kali percetusan berlaku Malik akan mendiamkan diri berbanding dengan Ayob yang selalu mencari salah Malik.

Petikan skrip filem <i>Lefetenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefetenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perjalanan seorang kawan yang bernama Malik</p> <p>Malik : Maaf encik, boleh saya pinjam pen?</p> <p>Ayob : Belum apa-apa dah nak pinjam barang orang. Macam ni nak jadi askar.</p> <p>24:20 saat- 24:30 saat</p>	<p>“Eh Nordin! Apa hal ni? Tak Nampak aku nak lalu? Tanya Mamat.</p> <p>“Suka hati aku lah. Ini bukan jalan bapak kau.” Nordin dan kawan-kawannya ketawa. Mamat sering menjadi bahan usikan mereka kerana dia tidak berani melawan.</p> <p>“Aku dengar kau nak jadi askar?” tanya Nordin.</p>
<p>Ayob : Eh... skuad, kau sedar tak ada si Luncai dalam platuun kita nih.</p> <p>Skuad : Siapa? Ehh... kau nih buta ke? Kau tengoklah betul-betul.</p> <p>“Hey you! Wake up man, no sleeping on the brid ground. Do you understand Skuad....”</p> <p>Kalau akulah... balik kampung... jaga kerbau lagi baik. Langsung takde bakat jadi askar. Aku rasa Mat Salleh tu mabuk ataupun buta sebab pilih dia tempoh hari.</p> <p>Malik : Eh Abbas, kau ada bau taik tak?</p> <p>Abbas : Taik? Bau tahi... siapa pula buat hal dalam bilik kita ni?</p> <p>Malik : Ada orang tercirit dalam seluar masa suntikan perang petang tadi.</p> <p>Abbas : Siapa?</p> <p>Malik : (Melirik mata kearah Ayob) sambil tertawa dengan Abbas</p> <p>Ayob : Apa pasal kau tengok aku!</p> <p>Malik : Eh, yang kau terasa sangat ni kenapa? Betul apa aku cakap, korang semua tak percaya? Kalau korang tak percaya korang boleh periksa seluar dalam dia. Mesti ada apam kunyit.</p> <p>Malik dan Ayob mula bertumbuk.</p> <p>28:12 saat- 29:55 saat</p>	<p>“Suka hati akulah. Tak ada kena mengena dengan kau,” jawab Mamat.</p> <p>Nordin melihat Mamat dari atas ke bawah seakan mengejek lalu berkata, “Kau lembik dan kurus. Ada hati nak jadi askar. Kalau aku tolak dengan hujung jari, terus tumbang.”</p> <p>M/s 114/358</p>

Manakala di dalam novel pula, watak kawan Adnan yang bernama Mamat, adalah seorang yang bercita-cita untuk menjadi seorang askar. Namun begitu Mamat dipandang serong oleh kumpulan penyangak di kampung Sungai Ramal itu, yang diketuai oleh Nordin kerana Mamat ingin memasuki latihan Askar Melayu di Port Dickson. Sindiran dan perlakuan yang tidak senonoh yang dilakukan oleh Nordin kepada Mamat tidak mematahkan semangatnya untuk menjadi askar Melayu. Mamat ini mempunyai perwatakan yang sama

dengan Malik iaitu tidak melawan dan hanya mengambil sindiran yang dilemparkan kepadanya sebagai kata-kata yang masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Plot di atas menerangkan bahawa di mana-mana sahaja tempat akan ada sahaja orang tidak berpuas hati dengan pencapaian yang kita perolehi. Oleh yang demikian perangai anak muda ini perlu dibendung agar tidak berlaku sebarang pertengakaran yang membabitkan pertumpahan darah melibatkan sesama mereka sendiri. Jika perkara itu berlaku maka semangat anak watan akan pupus.

4.4.18 Perbezaan: Plot Kesetiaan Seorang Isteri

Sudah kewajipan kepada seorang isteri untuk mengikuti ke mana sahaja suaminya pergi. Mesej tersebut di sampaikan di dalam filem dan novel *Leftenan Adnan*. Kesetiaan seorang isteri sehingga sanggup meninggalkan kampung halaman dan berpindah ke tempat yang tidak pernah di jelajahi. Masyarakat zaman dahulu tidak membenarkan anak perempuannya meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki kerana kudrat seorang wanita itu adalah tidak sedaya dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, watak Safiah di dalam filem *Leftenan Adnan* agak berat meninggalkan ibu bapanya di kampung. Sudah takdirnya untuk mengikuti suaminya Adnan merantau ke Port Dickson. Pada ketika itu, mereka baru sahaja berkahwin dan tidak mempunyai anak lagi. Akan tetapi pada sampai di Port Dickson, berjalannya satu majlis untuk menghargai Leftenan Adnan dan Leftenan Abbas yang telah dinaikkan pangkat menjadi Kolo Sarjan diraikan bersama.

Petikan skrip filem <i>Lefetenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefetenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.						
<p>Perbualan antara Safiah dan Tumirah selepas Safiah dikahwinkan dengan Adnan.</p> <table> <tr> <td>Safiah</td> <td>:</td> <td>Bang Adnan, dia ajak aku berpindah ke Port Dickson.</td> </tr> <tr> <td>Tumirah</td> <td>:</td> <td>Kau memang bertuah safi.</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;">35:52 saat- 36:02 saat</p>	Safiah	:	Bang Adnan, dia ajak aku berpindah ke Port Dickson.	Tumirah	:	Kau memang bertuah safi.	<p>Beberapa tahun berlalu, Adnan dan Sophia dikurniakan cahaya mata dua lelaki yang bernama Mokhtar dan Zainudin serta seorang bayi Perempuan. Namun begitu Adnan tidak dapat melalui saat-saat menyedihkan itu bersama isterinya kerana mereka tinggal berjauhan. Dia di Singapuran manakala isteri dan anak-anaknya tinggal di kajang bersama keluarganya dan keluarga mentua.</p> <p>Pada ketika itu, pengkalan tentera di Bukit Candu tiada kemudahan utnuk dia membawa keluarganya berpindah ke sana. Ditambah pula sejak tercetusnya perperangan di Eropah pada 3 September 1939, membuatkan keadaan tidak mengizinkan dia membawa keluarganya.... “Hanya surat yang menjadi penghubung antara mereka”.</p> <p>“Abang akan ditukarkan ke Pasir Panjang. Di sana abang dibenarkan membawa isteri dan rumah juga disediakan. Sophia setuju?”</p> <p>“Abang, ke mana saja abang pergi, saya akan ikut jika itu abang mahukan...”</p> <p style="text-align: right;">M/s 153/358</p>
Safiah	:	Bang Adnan, dia ajak aku berpindah ke Port Dickson.					
Tumirah	:	Kau memang bertuah safi.					
<p>MEG PEGAWAI, PORT DICKSON 1941</p> <p>Good evening ladies and gentlemen, even though we are facing possibilities of war. We take the opportunity today for a simple occasion to celebrate, two of our fellow officers who have been promoted. They are second Lefetenan Adnan Saidi, and second Lefetenan Abas Abdul Manan.</p> <p>Yang dihadiri oleh Safiah bersama.</p> <p style="text-align: center;">36: 18 saat -37:46 saat</p>							

Kedua-dua peristiwa ini menunjukkan perbezaan dalam keadaan keluarga Adnan selepas perkahwinan. Dalam skrip filem, Adnan dan Sophia tinggal bersama-sama di Port Dickson, manakala dalam novel KOMSAS, mereka tinggal berjauhan di kajang bersama keluarganya dan keluarga mentua. Selain itu, dalam skrip filem, mereka boleh membawa isteri dan anak-anaknya ke kampung ibu bapanya dan mentua, manakala dalam novel KOMSAS, mereka tidak boleh membawa isteri dan anak-anaknya ke sana kerana perperangan di Eropah. Terdapat perbezaan tempat dan keadaan keluarga Adnan semasa Adnan di naikkan pangkat dan ditugaskan di Pasir Panjang pada tahun 1940.

4.4.19 Perbezaan: Plot dan Watak Perwatakan Seorang Perisik

Menerusi tugas perisik yang dibawa oleh Aziz M. Osman di dalam filem, menegaskan bahawa perisik tersebut melakukan risikan dan bergerak selari dengan seorang perisik Jepun iaitu yang digelar sebagai Ah Seng. Ah seng mempunyai tempatnya sendiri di sebuah kampung. Tugasnya adalah untuk mengkaji dan mengumpul maklumat tentang keadaan persediaan yang dilakukan oleh tentera British di Tanah Melayu. Perisik Jepun itu memerlukan orang Melayu untuk menjadi tunjuk jalan kepadanya agar mudah untuk tentera Jepun memasuki Tanah Melayu.

Petikan skrip filem <i>Leftenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
Ah Seng sebagai perisik Jepun sedang memerhati dan membuat kajian tentang rupa bentuk dan cuaca di Tanah Melayu. Dengan Ibrahim sebagai penunjuk jalan.	<p>“... L eftenan Adnan ternampak Samad bersama dua orang lelaki dengan mengayuh basikal melalui kawasan hadapan pengkalan. Dua lelaki itu bertopi memandang ke arah pejabat. Apabila menyedari diperhatikan, mereka mempercepatkan kayuhan basikal mereka...”</p> <p>“... sudah beberapa kali saya lihat si Samad itu lalu-lalang di depan pengkalan ini. Kadang-kadang dia datang berbual di pos pengawal,” celah Sarjan Arshad yang berdiri berdekatan dengan Leftenan Adnan.</p> <p>“Sarjan kenal Samad?” tanya Leftenan Adnan. “Kenal tuan. Kampung Bukit Candu dan kampung Pasir Panjang ini bukannya jauh sangat. Tapi kebelakangan ini kerap pua dia datang ke mari,” jawab Sarjan Arshad.</p>

37:45 saat- 39:40

M/s 275

Manakala di dalam novel, perisik Jepun itu hadir kepada Samad dalam kuantiti dua orang yang menyerangnya ketika dia baru keluar daripada warung kopi. Setelah beberapa hari Samad menjadi perisik, perbuatan Samad dikesan oleh Leftenan Adnan yang mengawal kubunya di Bukit Pasir Panjang. Apabila Leftenan Adnan melihat Samad bersama dengan dua orang lelaki yang memakai pakaian yang tertutup. Pemakaian sedemikian adalah untuk

mengelakkan dikesan oleh Askar Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu perlu berhati-hati supaya tidak mudah tertipu dengan harta dan pangkat yang telah dijanjikan oleh pihak musuh. Gambaran ini menunjukkan bahawa orang Melayu mudah percaya kepada janji sehingga sanggup menjadi tali barut penjajah tanpa berfikir panjang.

4.4.20 Perbezaan: Plot dan Watak Perwatakan Seorang Isteri

Suara wanita sering kali disalah tafsirkan. Sikap Safiah yang berkeras untuk tinggal bersama suaminya di Singapura untuk selalu bersama suaminya ketika susah dan senang. Tambahan pula waktu itu Safiah sedang sarat mengandung. Adnan pula risau akan keselamatan isteri dan anak-anaknya, dan menasihati Safiah supaya pulang ke kampung halaman. Namun begitu Safiah tidak mahu pulang selagi tugas Adnan tidak selesai Adnan harus pulang bersama dia dan anak-anaknya ke kampung. Namun begitu kudrat seorang wanita ini tidak mampu menebusi kuasa lelaki, akhirnya Safiah mengalah dan pulang ke kampung menaiki keratapi bersama-sama dengan anak-anaknya tanpa seorang suami di sisi. Pengorbanan seorang isteri yang bersuamikan tentera, yang memerlukan jiwa yang kental melawan ideologi diri sediri.

Petikan skrip filem <i>Lefthenan Adnan</i> , Aziz M. Osman, 2000.	Petikan novel KOMSAS <i>Lefthenan Adnan Wira Bangsa</i> , Abdul Latip Talib, 2008.
<p>Perang Dunia kedua sedang berlaku. Kita diarahkan berpindah ke Singapura secepat mungkin. Gentlemen be prepared for movement by this evening. That's all.</p> <p>“Selamat pagi tuan, isteri tuan sakit di rumah” “Kenapa?” “Entahlah tuan, Isteri saya datang ke pejabat.” “Awak boleh tolong saya?” “Ya Tuan.” “Awak pergi ke rumah saya, bagitahu isteri saya, yang saya akan balik secepat yang mungkin selepas kerja saya selesai.” Baik tuan.</p> <p>Di rumah</p> <p>Safi...</p>	<p>“... Abang terpaksa menghantar Sophia dan anak-anak pulang ke kampung. Ramai kawan abang akan menghantar isteri masing-masing balik ke kampung,” terangnya.</p> <p>“... sudah kedengaran ura-ura Jepun mahu menyerang Singapura. Mereka mahu menjajah Tanah Melayu. Keselamatan Sophia dan anak-anak tidak terjamin kalau terus berada di sini. Jadi abang terpaksa hantar Sophia dan anak-anak pulang ke kampung. Di sana lebih selamat. Mak dan ayah boleh tengok-tengokkan Sophia dan anak-anak.”</p>

Safiah... tergelincir bilik air nasib baik takde apa-apa. Dia kuat. Macam ayah dia. ... Abang minta maaf pasal tak dapat balik cepat. Safi faham. Alah, terseliuh sikit aje. Tak pe safi berehat. Biar abang tolong kemas. “Berkemas?” 40:57 saat- 42:48 saat.	“... Tak apalah, bang. Sophia faham keadaan abang. Bila abang mahu hantar Sophia pulang ke kampung? Lusa. Sophia hanya mengangguk lemah
Safiah : Kenapa? Adnan : Abang nak anak kita dilahirkan di kampung. Safiah : Kita balik kampung (muka yang berseri-seri) Adnan : Safi dan anak-anak. Safiah : Abang? Adnan : Abang banyak Tanggungjawab disini. Safiah : Apa abang ni, biarlah safi, anak-anak sama-sama kat sini dengan abang. Kesian budak ni, bila keluar nanti. Belum lahir lagi dah berjauhan dengan bapaknya. Adnan : Tanah air kita dalam kancah peperangan. Keadaan makin runcing. Jepun dah hampir di perak. Safiah : Maknanya Jepun lebih hampir dengan kampung kita dari Singapura? Lagi pun Kolonel Endre bagi tahu kat safi yang Jepun takkan berani sampai sini. Adnan : Mereka sendiri pernah kata Jepun takkan serang Malaya. Adnan : Dengar tu letupan-letupan tu bila-bila masa saja akan sampai sini. Safiah : Safi tak takut. Safi tahu abang dan orang-orang abang akan mempertahankan tempat ni. Adnan : Memang benar, tapi mungkin tempat ni akan menjadi medan pertempuran yang paling dasyat. Dan abang tak nak safi dan anak-anak terperangkap. Safiah : Kalau gurun ke lubang casing pun ajal tetap menunggu. Adnan : Safi sendiri yang akan menempah maut kalau safi masih berada disini. Habis macam mana dengan anak-anak? Anak dalam kandungan ni. Safi... Safiah : Safi tak rela... safi tak rela... lepaslah.	Safi dan anak-anak Adnan dihantar pulang menggunakan kereta api ke kampung Sungai Ramal untuk keselamatan mereka. 56:12 saat- 1:01:18 saat

Menerusi petikan novel, membincangkan bahawa seorang isteri yang mempunyai perwatakan yang mendengar kata dan tidak banyak melawan. Hal ini kerana Sophia seorang ibu yang berlatar belakangkan seorang guru. Sophia tahu akan kesukaran yang dihadapi oleh

Adnan dan tentera yang lain untuk mempertahankan tanah air daripada dijajah. Selain daripada itu watak Sophia adalah tenang walaupun Adnan tidak bercakap dengannya. Hal ini kerana Adnan berfikir untuk meminta isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung, walaupun kehadiran isterinya ke Bukit Pasir Panjang itu baru sahaja menetap, lalu diminta untuk pulang kembali ke kampung. Oleh yang demikian perlunya seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap emosi seorang isteri untuk meraih kebahagiaan bersama disamping perjuangan mereka sekeluarga.



BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian bab lima ini adalah bahagian yang terakhir bagi kajian *Penelitian Aspek Patriotisme: Satu Kajian Intertekstualiti dalam Filem Leftenan Adnan (2000) dan Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa (2008)*. Terdapat rumusan yang bakal dihuraikan berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji. Untuk melengkapkan lagi analisis kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, terdapat beberapa sudut pandang dan idea yang telah diketengahkan di dalam bab lima (5) ini. Diharapkan segala curahan idea dan pandangan yang diberikan mempunyai kualiti dan mengikut perspektif yang dapat diterima oleh pengkaji yang lain. Terutama terhadap kajian semangat patriotisme yang ada pada penceritaan tokoh wira bangsa, Leftenan Adnan.

5.2 Rumusan Kajian

Penelitian Aspek Patriotisme melalui penerapan teori Intertekstualiti prinsip Transformasi dalam filem *Leftenan Adnan* (2000) dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008). Secara jelasnya karya filem dan sastera adalah satu medium penyampaian cerita ketokohan individu yang pernah memberikan laungan kebebasan dan kemerdekaan kepada rakyat. Selain daripada itu untuk medium filem dan sastera dapat menyedarkan masyarakat yang berfikiran “comprador bourgeoisie” iaitu pemikiran dibawah penguasaan ideologi penjajah yang tidak pernah bebas walaupun sudah menerima laungan kemerdekaan pada tahun 1957. Skrip filem dan novel yang mempunyai latar belakang di zaman Perang Dunia ke II ini memaparkan pelbagai pergolakan yang diharungi oleh anak muda dalam menentang penjajah sehingga berlaku pertumpahan darah yang mengorbankan banyak nyawa rakyat yang tidak bersalah.

Aspek patriotisme yang dikemukakan di dalam filem dan novel melalui watak tokoh penentang penjajah telah ditemui oleh pengkaji semasa meneliti penempatan penjajah British dan Jepun di Tanah Melayu. Melalui penelitian aspek patriotisme pengkaji menerapkan teori Intertekstualiti, prinsip Transformasi ke dalam kedua-dua platform kompenan sastera iaitu filem dan novel supaya dapat menjawab objektif kajian pengkaji.

5.2.1 Rumusan kajian aspek patriotisme menerusi skrip filem *Leftenan Adnan (2000)* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa (2008)* menggunakan kaedah analisis kandungan

Objektif pertama yang dapat dirumuskan melalui penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, filem yang diterbitkan oleh Aziz M.Osman pada tahun 2000, adalah menceritakan keperibadian Leftenan Adnan secara keseluruhan dan penerbit menfokuskan kepada watak Leftenan Adnan sebagai watak utama pembawa semangat patriotisme yang sanggup menumpahkan darah dan mempunyai tekad yang tinggi untuk memerdekakan Tanah Melayu, agama Islam, dan bangsa dari penjajah. Semangat patriotisme yang ada pada Adnan bin Saidi dapat membuka mata rakyat di Tanah Melayu bahawa perjuangan sehingga ke titisan darah yang terakhir dan menuntut ilmu sangat diperlukan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada pemerintahan dan menjadi benteng ideologi penjajah. Dasawarsa ini nilai modal insan yang bertanggungjawab ke atas keamanan negara, bangsa dan agama Islam sehingga mempertaruhkan nyawa sendiri sedang diambang kepupusan.

Sebagaimana yang diketengahkan di dalam filem, terdapat watak antagonis di dalam filem *Leftenan Adnan* ini sendiri. Hal ini mengambarkan bahawa terdapat pembelot yang sanggup tunduk dengan arahan tentera Jepun tanpa menyangkal dan berfikir sebelum menerima sebarang pertolongan daripada pihak luar. Alasan yang

diberikan oleh watak antagonis tersebut adalah hanya ingin membebaskan Tanah Melayu daripada penjajah british dengan kerjasama pihak tentera Jepun. Tindakan itu diibaratkan telah menjerat leher sendiri kerana mempercayai penjajah dengan hanya satu slogan yang dibawa oleh tentera Jepun iaitu Asia untuk rakyat Asia. Segala percakapan dan tutur kata dijaga dengan baik apabila tentera Jepun berkomunikasi dengan watak antagonis itu sehingga mereka dipergunakan untuk memperkembangkan kepercayaan bahawa Jepun bersifat baik untuk membebaskan Tanah Melayu dengan memerangi dan menjatuhkan tentera British di Tanah Melayu melalui penyebaran majalah utusan melayu. Medium percetakan yang digunakan telah dikuasai oleh pihak Tentera Jepun dengan mudah sekali kerana orang yang dipengaruhi itu adalah orang yang mempunyai latar belakang terbitan akhbar dan ketua kepada pertubuhan Kesatuan Melayu Muda iaitu Ibrahim Yaacob. Pada akhirnya, kepercayaan masyarakat kepada KKM mula luntur kerana tidak mempunyai inisiatif untuk mendapatkan kemerdekaan tanpa pertolongan daripada pihak lain.

Ikatan persahabatan yang menjadi teras dalam kehidupan bermasyarakat. Sifat sosial seseorang individu bergantung kepada ikatan persahabatan dan tahap pergaulan seseorang dengan individu yang lain. Pelbagai ilmu yang dikongsikan apabila hidup di dalam kelompok yang bersosial. Kehidupan bersosial ini dapat mempengaruhi minda yang suka bergaul, pelbagai informasi yang dapat diberikan secara hubungan dua hala ini. Kebiasaan penyampaian dua hala ini melibatkan orang-orang yang mempunyai pemikiran yang kritis dan mengetahui isu-isu yang terkini.

Justeru itu tidak lari juga dengan sifat seorang guru yang memberikan saranan kepada anak muridnya supaya terus menjadi anak bangsa yang berjiwa kental untuk memartabatkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Hal ini kerana seorang guru mempunyai naluri dan pengalaman yang banyak dalam menentang penjajah sehingga

beliau terang-terangan menyatakan persetujuan bahawa anak bangsa tidak cukup dengan silat sebagai alat mempertahankan diri daripada musuh kerana musuh mempunyai peralatan teknologi yang lebih moden berbanding masyarakat di Tanah Melayu. Perkara ini bukan untuk melemahkan masyarakat yang mempelajari ilmu mempertahankan diri namun ianya memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa kita memerlukan ilmu pihak penjajah untuk mendapatkan kemerdekaan.

Pergolakan jiwa yang jelas diterangkan di dalam filem *Leftenan Adnan* tentang pandangan perspektif seseorang tentang kehidupan tentera yang mempunyai ahli keluarga. Perjuangan dalam kehidupan yang serba ketakutan menghimpit perasaan ahli keluarga mereka. Perkara ini diletakkan kepada watak perempuan kerana wanita adalah senjata utama bagi sesebuah institusi kehidupan dan kekeluargaan untuk terus mara kehadapan bagi mendapatkan kemerdekaan. Namun begitu tidak dapat disangkal bahawa sifat semulajadi wanita sendiri adalah lemah lembut dan berjiwa rapuh. Seorang ibu dan seorang isteri turut dimainkan peranannya di dalam filem *Leftenan Adnan*. Seorang ibu yang risau tentang keselamatan anaknya dan tidak bersetuju untuk anaknya memasuki askar. Manakala seorang isteri yang sanggup membahayakan nyawanya untuk tinggal bersama suami yang sedang bertugas di kawasan yang akan menjadi sasaran pertempuran pada Perang Dunia ke II. Sekiranya perkara ini dapat mempengaruhi pemikiran Leftenan Adnan, sudah pasti Leftenan Adnan tidak akan menyertai perperangan di antara British dan Jepun itu.

Pada akhirnya keputusan seorang lelaki yang menjadi tunjang kepada sebuah perjuangan kemerdekaan didengari dengan penuh taat telah menyelamatkan semua nyawa ahli keluarganya daripada terus terbelenggu dengan penjajahan. Malah anggota yang dipertanggungjawabkan kepadanya juga turut terasa bahang perjuangannya apabila turut menyumbangkan nyawa dan darah mereka di medan peperangan. Terdapat

pelbagai isu yang dibangkitkan tentang perjuangan di medan perang terutamanya melibatkan anggota yang lemah semangat dan kekurangan tenaga bantuan daripada pihak tentera british serta peralatan-peralatan perang yang semakin berkurang menyebabkan kekalahan yang teruk dihadapi oleh pihak tentera Melayu di Bukit Cандu, Singapura. Isu tersebut dibahaskan utnuk mengambarkan tahap persediaan bagi anggota Askar Melayu yangtidak mempunyai kelebihan di dalam penghasilan anggota tentera yang bermutu, tidak membuat persediaan yang baik di samping menghadapi peperangan kerana bergantung tenaga teknologi dengan pihak penajah british.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2.2 Rumusan Persamaan dan Perbezaan Karya Skrip Filem *Leftenan Adnan* (2000), dan Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) Berlandaskan Kerangka Teori Intertekstualiti, Prinsip Transformasi.

Rumusan objektif kajian yang kedua telah melaraikan persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam skrip filem dan novel yang dikaji. Persamaan dan perbezaan yang dipaparkan oleh pengkarya berkenaan dengan jalan cerita pertempuran di antara pihak Askar Melayu melawan tentera Jepun adalah melalui watak dan perwatakan anak lelaki sulung, watak dan perwatakan yang dipengaruhi oleh tokoh pejuang kemerdekaan, plot aktiviti sosial, plot pergaulan kaum lelaki dan kaum perempuan Melayu, plot kematangan pemikiran manusia, plot penghinaan terhadap orang melayu, latar belakang pekerjaan orang Melayu, plot dan latar masa kepulangan Leftenan Adnan dari pembarisan hormat di England, watak dan plot pertubuhan politik di Tanah Melayu, Plot kepulangan Leftenan Adnan membawa cenderamata dari England, watak dan plot tali barut, watak ibu bapa dan latar tempat, plot anak muda membuat keputusan yang nekad untuk mengejar cita-cita, watak dan plot mempelajari ilmu jati diri, plot penerimaan sikap orang Cina di Tanah Melayu, plot kematangan individu untuk menjadi tentera, latar tempat dan masa yang dialami oleh tokoh Leftenan Adnan semasa tentera Jepun sampai ke Tanah Melayu, plot dan watak perwatakan seorang perisik, dan akhir sekali plot dan watak perwatakan seorang isteri sehingga membawa kesudahan cerita yang sama iaitu Leftenan Adnan mati di bunuh oleh tentera Jepun di sebatang pohon Ceri di Bukit Candu, Singapura.

5.3 Implikasi Kajian

Tokoh Aziz M.Osman dan Abdul Latib Talib telah mengaplikasikan cerita Perang Dunia ke II melalui penceritaan tokoh Leftenan Adnan. Karya yang dihasilkan telah memberikan kesan yang mendalam ke dalam diri pengkaji kerana pembawakan tokoh utama yang mempunyai semangat patriotisme. Pengkaji dapat memahami situasi yang pernah berlaku semasa peperangan di mana keluarga ditinggalkan di kampung untuk menjamin keselamatan mereka daripada dikepong dan sebagainya, tokoh pejuang kemerdekaan yang menentang penjajah tidak diuar-uarkan dan berjuang secara bersembunyi supaya tidak dianggap sebagai pemberontak dan dibunuh oleh pihak penjajah. Seterusnya pengkaji mengetahui sejauh mana perkembangan pendidikan di Tanah Melayu yang terbahagi kepada dua iaitu institusi pendidikan sekolah Inggeris dan sekolah Melayu. Pembahagian institusi pendidikan telah menyebabkan berkembangnya pemikiran dalam kalangan masyarakat bahawa anak Melayu hanya boleh bersekolah di sekolah Melayu supaya tidak menjerumuskan diri dalam ajaran agama yang salah di sekolah Inggeris. Pengkaji mendapat bahawa pemikiran ibu bapa pada zaman penjajahan British sangat membencikan dasar pendidikan sekolah Inggeris yang telah dilakukan. Namun begitu terdapat ibu bapa yang mempunyai pemikiran yang positif dan berfikiran ke hadapan.

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat penerimaan dari segelintir masyarakat di Klang dan Singapura tentang pendidikan dasar Inggeris di Tanah Melayu yang memahami bahawa sekolah adalah sebuah tempat yang akan membina ilmu pengetahuan yang luas yang tidak pernah dipelajari lagi sebelum ini, terutama bahasa Inggeris dan ilmu peperangan menggunakan teknologi yang canggih. Akan tetapi ibu bapa tidak boleh lepas tangan terhadap perkara tersebut, hal ini kerana pendidikan awal kanak-kanak bermula daripada rumah. Menyantuni anak-anak dengan ilmu agama Islam seperti mempelajari al-Quran, solat fardhu, menyampaikan ilmu fardu kifayah, ilmu mempertahankan diri mengikut adat dan budaya

seperti silat, bertinju sebagai memperkuuhkan dinding jati diri mereka sebelum mempelajari ilmu penjajah. Sekiranya jati diri mereka tidak kukuh, maka banyak masalah sosial yang akan terjadi seperti menjadi tali barut kepada penjajah, takut untuk berjuang bagi mendapatkan kemerdekaan, lebih selasa duduk di kampung berbanding memasuki medan pererangan, mengamalkan sifat pecah amanah, menfitnah sesama sendiri tanpa bukti yang jelas, dan mudah terpengaruh dengan rakan-rakan yang mementingkan diri sendiri. Sekiranya anak-anak tersebut mendapat ilmu kehidupan yang cukup, tiada masalah sosial yang akan berlaku.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Apabila penelitian dijalankan oleh pengkaji dan mendapati satu pembaharuan yang dapat dilakukan. Pengkaji mula menyenaraikan cadangan kepada orang awam, pihak kerajaan, Industri perfileman dan penerbit buku, dan cadangan kepada pengkaji lain yang ingin mengkaji aspek patriotisme melalui platform filem dan novel. Cadangan yang melibatkan mereka adalah untuk membangunkan dan memperkenalkan aspek patriotisme yang ada di dalam filem *Leftenan Adnan* dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Pelbagai isu yang didapati di dalam filem dan novel kajian yang dapat ditingkatkan lagi agar jiwa manusia itu hidup dan cakna dengan isu penjajah dan menyemarakkan rasa patriotisme di dalam diri seseorang. Selain daripada itu pelbagai cadangan dan kematangan yang didapati agar kita tidak mengulangi kembali kegiatan yang pernah dilakukan oleh masyarakat di dalam filem dan novel kisah Leftenan Adnan.

5.4.1 Orang Awam

Masyarakat di Malaysia digalakkan untuk memahami karya-karya yang dihasilkan oleh Abdul Latib Talib dan Aziz M.Osman yang merupakan pengkarya yang suka mengolah kisah-kisah tokoh perjuangan sama ada dari sudut tokoh Islam atau tokoh-tokoh

pejuang sebelum berkembangnya agama Islam. Hal ini membuktikan bahawa penulisan dapat mendidik masyarakat untuk memahami apa itu perjuangan kemerdekaan melalui medium novel dan filem. Mempelajari ilmu sejarah sehingga dapat mendalamai sejarah perkembangan penjajahan dan agama Islam di Tanah Melayu akan membangkitkan rasa kesinambungan di dalam jiwa anak watan. Bijak mengambil tindakan apabila berlaku apa-apa isu yang melibatkan penjajahan apabila wujud pada masa kini. Oleh yang demikian pembacaan dari awal tentang perkembangan negara dan mengambil cakna tentang isu semasa dan mengulas isu dengan ilmu pengetahuan dapat membezakan pandangan dan pendapat daripada orang yang cakna dengan isu semasa tetapi tidak pernah mengetahui sejarah perkembangan Tanah Melayu.

5.4.2 Kerajaan

Menghidupkan sejarah di Bukit Candu, Singapura. Tokoh Leftenan Adnan sudah dijadikan sebagai sebuah cerita warisan yang perlu diambil cakna. Pihak kerajaan telah mengambil inisiatif memasukkan cerita Leftenan Adnan ke dalam buku KOMSAS tingkatan 4. Oleh yang demikian inisiatif ini sangat memberikan keterbukaan minda kepada anak-anak bangsa. Namun begitu pengkaji berharap agar novel KOMSAS yang berbentuk sejarah perjuangan ketokohan kemerdekaan diperluaskan ke seluruh negeri bukan sahaja di sebuah tempat sahaja. Hal ini kerana penjajahan yang berlaku bukan sekadar di Kluang sahaja malah melibatkan negeri Kelantan dan sebagainya. Orang Kelantan terutamanya perlu mengetahui perkara tersebut. Oleh yang demikian kerajaan perlu cakna akan perkara tersebut. Seterusnya dapat juga pihak kerajaan menghimpunkan kembali tokoh-tokoh di dalam sebuah buku untuk bertujuan sebagai medan pendidikan dan diserap masuk ke dalam sekolah-sekolah tempatan.

5.4.3 Industri

Industri penskriptif dan perfileman boleh memainkan peranan dalam mengkaji tentang tokoh kemerdekaan dengan lebih mendalam supaya terdapat keselarasan di dalam penceritaan. Walaupun industri kekurangan pengkarya yang dapat berkarya tentang keadaan pada zaman penjajah, tetapi pihak industri cuba untuk membaca dan membincangkan kembali kemampuan industri untuk mempergiatkan karya Perang Dunia ke II ke arah industri multimedia supaya dapat dirasai oleh pengkarya yang berjiwa seni yang ada pada era kini. Sebagaimana yang diketahui pada zaman dahulu, mereka menggunakan teknik penyampaian cerita melalui lisan dan aksi-aksi lakon layar yang tertentu seperti wayang kulit supaya penduduk dapat memahami dan menghayati cerita yang disampaikan oleh pengkarya. Oleh yang demikian pihak industri filem atau penerbit buku perlu mengambil inisiatif dalam pembentukan cerita dari segi multimedia yang lebih berkesan dan banyak kesan-kesan tokoh sejarah yang ada di Tanah Melayu. Walaupun kita dapat lihat isu-isu masalah yang menyatakan pihak industri kekurangan sumber kewangan, namun perkembangan multimedia ini sangat memberangsangkan kerana masyarakat kini lebih maju kedepan dan mahu melihat aksi-aksi yang hebat di layar perak terutamanya. Sama ada lakonan layar perak itu dilakukan secara aksi lakonan menggunakan manusia atau kartun asalkan terdapat suara latar yang bagus untuk menarik perhatian penonton.

5.4.4 Pengkaji Lain

Mengkaji pembentukan askar Melayu yang pertama dan memberikan kajian sepenuhnya filem-filem dan novel-novel yang tumbuh semasa di zaman penjajahan agar pengkaji lain memahami perkembangan sastera dan filem Tanah Melayu untuk menangkis ideologi penjajah dari minda masyarakat dan dapat membezakan adat

budaya masyarakat Melayu dan adat budaya Barat. Selain daripada itu pengkaji dapat melihat dan mengkaji watak-watak yang digunakan oleh penerbit Barat di dalam penghasilan karya mereka terbentuk daripada sejarah yang pernah berlaku atau itu hanya ilusi mereka sahaja yang bermain dengan kuasa magis. Berbanding dengan tokoh-tokoh pejuang di Tanah Melayu yang mempunyai tokoh yang mempunyai asal-usul yang khusus untuk dipaparkan kepada khalayak. Oleh yang demikian penambahbaikan perlu dilakukan untuk memurnikan kembali pemikiran masyarakat daripada terus mengagungkan karya-karya Barat berbanding karya tempatan.

5.5 Kesimpulan

Khalasahnya, pengkaji mengharapkan segala cadangan yang dilontarkan melalui dapatan kajian pengkaji dapat memberikan sedikit sebanyak idea untuk memperkembangkan lagi tokoh-tokoh kemerdekaan di dalam filem dan novel. Walaupun penerbitan filem *Leftenan Adnan* yang mendahului novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, tetapi pengkaji percaya bahawa medium penyampaian ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji lain kerana ia menunjukkan bahawa sudah ada kesedaran bagi penerbit untuk mengarang kembali kisah Leftenan Adnan. Walaupun terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi yang diuar-uarkan seperti isu sumber kewangan dan sumber jalan cerita yang asli yang perlu dikaji dan sebagainya. Dengan secebis semangat yang diraikan akan membangunkan semangat yang besar di dalam diri seseorang pengkaji untuk meneruskan kajian yang dilakukan. Sastera dan filem berkaitan dengan masyarakat tidak dapat dipinggirkan kerana ia adalah satu sumber suara yang dapat didengari oleh pengkaji-pengkaji yang cendikiawan berkaitan dengan isu bangsa, agama, dan negara.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, F. R., Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran Implisit dalam filem Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Universiti Putra Malaysia, Malaysia, 6(1), 13-24.
- Abdul Razak Mohaideen. (2018). Pembangunan modal insan dan motivasi kerja dalam industri perfileman di Malaysia: Satu kajian ke atas industri filem cereka [Ijazah Doktor Pengurusan Universiti Utara Malaysia]. Universiti Utara Malaysia Electronic Theses and Dissertation.
- Abdul Wahab, H. (2012). Peribahasa Cerminan budi bahasa dan budaya bangsa Melayu. *Journal Universiti Malaysia Sabah*. 1(1), 34-37.
- Ahmad Madjid, M. I. (2016), Jihad dalam al-Quran (Studi atas penafsiran Sa'id Ramadan al-butbi tentang Jihad). Universiti Islam Negeri Allauddin Makassar.
- Ahmad, M.R. 31 Ogos 2020. *Malaysia Kurang Filem Patriotisme*, Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2020/08/31/malaysia-kurang-filem-patriotisme/>
- Ali, A. H., & Mohamad, A. (2015). Novel Episod Cinta Di Tanah Hijrah dalam bacaan Intertekstualiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 1-33.
- Arief, A., & Abbas, M. Y. (2021). Kajian literatur (Systematic Literature Review): Kendala penerapan Sistem Pemerintahan Berbasis Elektronik (SPBE). *PROtek: Jurnal Ilmiah Teknik Elektro*, 8(1), 1-6.
- Aziz, A.M., Nik Muhamad Affendi, N.R. (2019). Patriotisme peribadi dalam novel-novel pilihan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 63-92.
- Bakar, M. D. S. H. A., Abdullah, F., Mohamad, M. S., Omear, P. N., & Ladola, P. F. (2011). Keluarga di abad ke- 21: Keperluan terhadapa sistem sokongan sosial. (Vol. 20, p. 21).
- Boyman, N. (2016). Penghayatan semangat patriotisme belia Malaysia: Kajian ke atas PLKN. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 37-44.
- Dahali, R. 28 Jun 2017. *Adaptasi novel ke filem tidak semudah disangka*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/296883/adaptasi-novel-ke-filem-tidak-semudah-disangka>
- Damono, S.D. (2006). Pengarang, Karya sastra dan pembaca. "Lingua: *Jurnal ilmu bahasa dan sastra*, 1 (1), 1-16.
- Dayat Suryana. (2012). *Mengenal teknologi: Teknologi informasi*. CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2009). Dewan Bahasa Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2017) Dewan Bahasa Pustaka.
- Faisal, Inriati Lewa, Muhammad Hasyim. (2022). Intertextual study on lyrical Poem Calon Arang: Kisah perempuan korban Patriarki by Toeti Heraty. *Asian Journal of Social Science and Management Technology*, 4(1).

- Firmayatni, E. (2017). Kajian Intertekstual novel dan film Perahu Kertas. Wacana: *Jurnal penelitian bahasa, sastra dan pengajaran*, 15(1), 39-49.
- Ghazali, M. R., & Jalani, M. R., (2015). Kajian semangat patriotisme dan 1 Malaysia dalam kalangan mahasiswa di Timur Tengah. *Al – ‘Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 5(8), 1-16.
- Gopal, S. N., Musa, M., & Shanmugavelu, G. (2021). Implementasi pendekatan sejarah lisan bagi mata pelajaran sejarah peringkat menengah rendah dan Pra-Universiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(2), 158-181.
- Henrietta Liza. 18 Julai 2017. Wanita kini mantap bersilat, Utusan Borneo atas talian, <https://www.utusanborneo.com.my/2017/07/18/wanita-kini-mantap-bersilat>
- Huda, P. R., & Sumayah, M. A. (2022). The Role of dialogical communication in building human existence in Film “Akeelah and The Bee” (*Disertasi Kedoktoran, Universitas Muhammadiyah Surakarta*).
- Husin, N. A. N., & Dawi, A. H. (2019). Peranan Sekolah dalam Pembentukan Perpaduan antara kaum dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 18-28.
- Hussain, T. P. R., Nasarah, S. A., Othman, Z. (2016). Pembinaan Bangsa Malaysia (1): Kajian Empirikal Tahap Patriotisme Belia. *Geografia*, 12(10).
- Ibrahim, N., & Omar, A. (2017). Analisis pengarang dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Bin Talib. *Sains Humanika*, 9(3).
- Inarti, S. (2016). Analisis Intertekstual Puisi “Dongeng Sebelum Tidur” Karya Goenawan Mohamad. *METASA STRA: Jurnal Penelitian Sastra*, 6(1), 81-89.
- Isa, A. (2023). Imam-imam yang Benar oleh Abdul Latip Talib: Satu Kajian Proses Kreatif. *PENDETA*, 14(2), 83-96.
- Ismail, S. D., & Wahid, A. (2020). Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 59-68.
- Ismalinar, I., Ramdhani, I. S., Hayati, A., & Dewi, N. N. (2023). Kajian Intertekstual Intrinsik Novel TLM Karya Arif Ys Dan Novel BBB Karya Habiburrahman. *Simposium Nasional Multidisiplin (SinaMu)*, 4, 394-402.
- Latif, H. H. M., & Abdullah, C. A. (2008). Islam dalam perlombagaan Malaysia: kewajarannya berdasarkan faktor kesultanan Melayu. *Journal of Governance and Development (JGD)*, 4. 1-12.
- Lisnawati Rusmin. (2022). *Konsep Dasar PPKN SD*. Mitra Cendekia Media.
- M.V. Ramachandra. (2000). Perkembangan IT dalam Industri Perfileman. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 16, 131-140.
- Makhlin, V. L. (2021). Future-in-the-Past: Mikhail Bakhtin’s thought between heritage and reception. In *The Palgrave Handbook of Russian Thought* (pp. 643-657). Cham: Springer International Publishing.
- Mardotillah, M., & Zein, D. M. (2017). Silat: Identitas budaya, pendidikan, seni bela diri, pemeliharaan kesehatan. *Jurnal Antropologi: Isu-Isu Sosial Budaya*, 18(2), 121-133.

- Moktar, M.A.M., & Nizah, M.A.M. (2021). *Pengaruh Elemen Patriotisme Sepanjang Tempoh Pergerakan Menjamin Keselamatan Negara*. *Jurnal Psikologi Keselamatan*.
- Mus, I., & Berdan, A. (2021). Kajian Intertekstualitas Puisi Na> Zik Al-Mala>Ikah ‘ana>’ dan Chairil Anwar ‘Aku’ (Analisis Satra Bandingan). *An-Nahdah Al-'Arabiyyah*, 1(2), 192-210.
- Nazmi Yaakub. 23 Ogos 2019. *Sejarah Politik Elak Sejarah Negara diubah*, Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/08/599091/novel-patriotik-elak-sejarah-negara-diubah>
- Nordin, M. K. N. C., & Nazer, M. S. M. (2020). Faktor penglibatan belia Muslim Malaysia dengan Terorisme: Analisis perspektif PDRM dan panel pemulihan deradikalasi. *Jurnal Usuluddin*, 48(1), 1-32.
- Nur‘Afifah, F., & Parwanto, W. (2023). Membaca Penafsiran Jilbab Ibnu Taimiyyah Dengan Perspektif Intertekstualitas Julia Kristeva. *Ulumul Qur'an: Jurnal Kajian Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 3(1), 131-145.
- Othman, I. W. (2019). Identiti Budaya dan semangat patriotisma negara asal dalam pengekalan akademik ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 144-158.
- Ramadhan, A. R., Anshari, A., & Saguni, S. S. (2021). Critical Spiritualism in a Collection of Short Stories “Markesot Bertutur Lagi” by Emha Ainun Nadjib: Dialogical Analysis of Mikhail Bakhtin. *INSIGHT*, 1(1).
- Ramlee, N. H. M. (2023). Unsur Patriotisme Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (*Disertasi kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan*).
- Ridwan, M., Suhar, A. M., Ulum, B., & Muhammad, F. (2021). Pentingnya penerapan literature review pada penelitian ilmiah. *Jurnal Masohi*, 2(1), 42-51.
- Rokhmah, A. I. N., & Wardani, N. E. (2023). Postkolonialisme perempuan dalam novel ‘Gadis Pantai’ dan film ‘The Last Princess’ (Kajian intertekstualitas). *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 9(1), 163-175.
- Safei, M. A. W. A. R., & Hassan, T. R. R. (2020). Daun sebagai wahana komunikasi dalam Kesusastraan Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 157-175.
- Sari, A. A. (2017). Komunikasi antarpribadi. Deepublish, 2017.
- Shahbudin, M. S. I. (2021). Intertekstualiti kiriman blog dalam kalangan remaja berdasarkan gender. *PENDETA*, 12(1), 79-89.
- Shonata, S. W., Rahmi, A., & Astutin, L. (2023). Novel Dian yang Tak Kunjung Padam dan Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck: Teori Intertekstualitas. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(2), 3878-3887.
- Talib, A. L. (2008). *Leftenan adnan wira bangsa*. PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Tirto Suwondo. (2022). Membaca Olenka dalam Perspektif Bakhtin. *Badan Riset dan Inovasi*

Nasional, Indonesia.

- Tiung, L. K., & Hashim, M. S. (2015). Peranan akhbar Cina dalam artikulasi isu-isu sejarah dan pembentukan negara-bangsa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31 (1). 257- 280.
- Wan Othman, Wan Zaliha. (2021). Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan dakwah. IAB Institutional Repository.
- Wibowo, B., & Syaifulloh, M. (2020). *Syair Gulung Dakwah pencegahan bencana masyarakat Melayu Ketapang Kalimantan Barat*. Penerbit Lakeisha.
- Yaacob, M. D. A. B., & Yaacob, A. (2017). Konsep sastera Islam oleh Shahnon Ahmad. *Journal of Islamic*, 2(4), 66-93.


UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN


Lampiran

Gambar Rajah	Perkara
	Penubuhan Rejiman Askar Melayu
	Kesinambungan Perang Dunia ke - 11

	<p>Potrait Al- Marhum DYMM Tuanku Muhammad ibni Yam Tuan Antah (Yang Dipertuan Negeri Sembilan) Pengasas Rejimen Askar Melayu Diraja.</p>
	<p>Potrait Al- Marhum DYMM Sultan Alang Iskandar Shah (Sultan Perak) Pengasas Rejimen Askar Melayu Diraja.</p>

UNIVERSITI
NATIONAL
OF
MALAYSIA
—
KELANTAN

	<p>Potrait Al-Marhum DYMM Raja Sir Chulan ibni Al Marhum Sultan Abdullah (Raja di Hilir Perak) Pengasas Rejimen Askar Melayu Diraja.</p>
	<p>Potrait Wira Perang Dunia ke-II. 1. Leftenan Adnan bin Saidi 2. Leftenan Ibrahim bin Alla Ditta 3. Koperal Yaacob bin Bidin</p>
	<p>Potrait Leftenan Adnan semasa hadapi Perang Dunia ke-II.</p>



Plan Pergerakan Pihak Tentera Jepun ke Tanah Melayu semasa Perang Dunia ke-II.



Lawatan Pengkaji ke Muzium Tentera Darat, Port Dickson.